

Naskhah belum disemak

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 22

Selasa

13 Disember 2016

K A N D U N G A N

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2017 (Halaman 20)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 13 Disember 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Rabu, 14 Disember 2016.”

Tuan Yang di-Pertua: Sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab masa untuk Soalan Jawab Lisan adalah dihadkan kepada 1 jam kerana kita ada banyak kementerian yang akan berbahas, so oleh sebab itu tolong jangan hujah panjang-panjanglah yang soalan tambahan itu. Saya sekarang hendak panggil Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merafakkan sembah dan setinggi-tinggi penghargaan serta tahniah atas pelantikan ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V, Sultan Kelantan Darul Naim sebagai Yang di-Pertuan Agong XV [Tepuk] Semoga negara tercinta ini di bawah naungan Tuanku akan terus dilimpahi rahmat, dikurnia segala nikmat, kemakmuran dan kesejahteraan.

1. **Datuk Koh Chin Han** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, status penambahbaikan laluan motosikal di Lebuhraya Persekutuan yang didapati tidak selamat.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya sememangnya amat prihatin mengenai aspek keselamatan laluan motosikal di Lebuhraya Persekutuan. Keprihatinan ini dibuktikan melalui beberapa siri lawatan turun padang pengurusan tertinggi kementerian untuk meninjau cadangan penambahbaikan berkaitan aspek keselamatan dan keselesaan pengguna di laluan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya setakat ini telah memperuntukkan sebanyak RM3.13 juta bagi maksud menambah baik laluan motosikal di sepanjang Lebuhraya Persekutuan. Ini termasuk peruntukan khas sebanyak RM500,000 yang diluluskan berikutan dengan lawatan Yang Berhormat Menteri pada 29 Ogos 2016 yang lalu. Antara skop kerja yang terlibat ialah melibatkan pemasangan papan-papan tanda amaran, mengecat semula garisan jalan, pembiakan lampu jalan, pemasangan tutup longkang baru dan lain-lain kerja yang berkaitan.

Pada masa kini kemajuan kerja semasa telah mencapai 98 peratus dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 17 Disember ini pada hujung minggu ini. Di samping itu kerajaan menerusi Bajet 2017 yang lalu iaitu pada hujung minggu ini. Di samping itu, kerajaan menerusi

Bajet 2017 yang lalu telah mengumumkan kelulusan peruntukan khas sebanyak RM29 juta lagi bagi menambah baik laluan motosikal di Lebuhraya Persekutuan. Berikutan itu JKR telah mengadakan perbincangan dengan semua agensi yang terlibat. Ini kerana penyelenggaraan laluan motosikal di laluan itu melibatkan bidang kuasa senggaraan oleh empat buah agensi yang berbeza iaitu pihak JKR, DBKL, PLUS Berhad dan SPRINT Berhad.

Mesyuarat Koordinasi yang pertama telah diadakan pada 8 November 2016 yang lalu di mana antara lain bersetuju mencadangkan skop projek menambah baik lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan seperti berikut:

- (i) menaik taraf kelebaran lorong daripada 2.5 meter kepada 3.0 hingga 3.5 meter bergantung kepada lokasi dan melibatkan pengambilan tanah;
- (ii) mereka bentuk dan menaik taraf sistem perparitan dan pembentung;
- (iii) mereka bentuk dan membina struktur jejambat laluan motosikal di lokasi tertentu yang dikenal pasti;
- (iv) melaksanakan pemberian bagi kerja-kerja bersangkutan elektrikal dan mekanikal; dan
- (v) menaik taraf susur masuk di sepanjang jalan motosikal.

Berdasarkan perancangan kerja-kerja pembinaan fizikal untuk cadangan projek-projek tersebut di atas, dijangkakan dimulakan selewat-lewatnya pada suku ke-dua tahun hadapan iaitu 2017. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih pada Timbalan Menteri yang menjawab. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2014 bilangan kemalangan yang membabitkan kenderaan motosikal sebanyak 12,810 daripada jumlah 90,704 ataupun 65 peratus daripada jumlah kemalangan jalan raya. Saya rasa isu ini memang satu isu yang serius dan memerlukan perhatian yang serius daripada kerajaan.

Justeru itu soalan tambahan saya ialah adakah kementerian akan mengembangkan inisiatif untuk membina laluan motosikal di lebuh raya yang lain selain dari Lebuhraya Persekutuan dan apakah langkah-langkah tambahan selain daripada penambahbaikan laluan motosikal sedia ada yang diambil oleh kementerian untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya. Terima kasih.

■1440

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan termasuklah pihak Kementerian Kerja Raya sangat serius Yang Berhormat dengan usaha-usaha, bukan sahaja usaha penambahbaikan

malah program-program keselamatan jalan raya khususnya keselamatan penunggang motosikal Yang Berhormat Datuk Sri, terutama di negara kita di mana untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, sejak Rancangan Malaysia Kelapan lagi program telah wujud program khusus untuk membina lorong khas sama ada *dedicated* ataupun *non dedicated motorcycle lane* yang telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat Yang Berhormat ya.

Tumpuan Yang Berhormat lebih kita khususkan kepada kawasan-kawasan di mana penggunaan kenderaan motosikal itu yang tertinggi Yang Berhormat iaitu di Lebuhraya Persekutuan. Lebuhraya Persekutuan merupakan kawasan tumpuan disebabkan penggunaan motosikal yang tinggi dan statistik yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya memang benar Yang Berhormat. Statistik tersebut berlaku hampir setiap tahun di mana di antara 60 peratus hingga 65 peratus kematian yang disebabkan oleh kemalangan jalan raya melibatkan penunggang motosikal dan juga pembonceng motosikal Yang Berhormat. Bukan sahaja tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, untuk lebuh raya sebenarnya kerajaan menggalakkan pembinaan lebuh raya yang baru mestilah mempunyai *dedicated lane* untuk motosikal ya. Jika ada halangan daripada segi kekangan kawasan Yang Berhormat, pihak LLM ataupun Lembaga Lebuhraya Malaysia perlu memastikan reka bentuk lebuh raya mengambil kira ruang yang selesa dan selamat untuk motosikal.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pihak kementerian telah membangunkan *guidelines for motorcycle facilities*. Di mana garis panduan ini Yang Berhormat, boleh dirujuk untuk pembinaan jalan-jalan sama ada di Lebuhraya Persekutuan mahupun jalan-jalan baru Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, untuk jalan persekutuan iaitu kita ada dua kaedah pembinaan. Pertamanya adalah *dedicated lane* iaitu di Putrajaya contohnya, non *dedicated lane* ataupun berkongsi laluan sekurang-kurangnya 3.5 meter untuk membolehkan motosikal dapat ruang yang cukup Yang Berhormat. Setakat ini hampir 200 kilometer jalan persekutuan mempunyai lorong motosikal khas Yang Berhormat untuk pengetahuan Yang Berhormat. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

2. Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan untuk meningkatkan kadar pengeluaran padi dan beras negara, selain daripada penggunaan teknologi yang moden, kawasan pertanian juga perlu diperluaskan, begitu juga dengan kawasan KADA atau Lembaga kemajuan Pertanian Kemubu, mesti diperluaskan. Bila hendak dimulakan perluasan ini meliputi ke kawasan Rantau Panjang dan Machang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim dari Rantau Panjang.

Untuk makluman Dewan, Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedar bahawa perluasan kawasan dan juga menambahkan pengeluaran padi dan beras dalam negara ini penting untuk menjamin keselamatan makanan penduduk dan rakyat Malaysia. Ini kerana pada masa ini kita tak cukup, kita hanya mengeluarkan lebih kurang 1.0 juta metrik tan beras dengan hasil padi 2.74 juta metrik tan padi.

Jadi sebab itu kita terpaksa mengimport lebih kurang 900,000 metrik tan beras dari luar negara. Ini tidak baik untuk negara kita dalam jangka panjang. Sebab itu pertanyaan Yang Berhormat Senator amat relevan sekali dan sebagai menjawab pertanyaan beliau, memang kerajaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai perancangan untuk meluaskan kadar iaitu kadar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di Kelantan itu, meliputi kawasan-kawasan jelapang padi yang diuruskan di bawah IADA Kemasin Semerak, di mana terdapat lebih kurang 6,000 hektar sawah padi lagi untuk dimasukkan dalam pengurusan dan pentadbiran kadar itu.

Dan juga berdasarkan kepada cadangan Yang Berhormat iaitu Rantau Panjang dan Machang mempunyai kawasan yang hampir 3,000 hektar yang masih lagi di luar Jelapang ini kita akan pertimbangkan. Ini kerana kita amat sedar keinginan Yang Berhormat Datuk Senator dari Rantau Panjang kawasan ini juga dimasukkan di bawah pengurusan IADA, ataupun KADA semoga ia dapat dilaksanakan dengan lebih meningkatkan produktiviti hasil pertanian di sana. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan soalan tambahan.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Timbalan Menteri Pertanian menjawab soalan saya. Cuma saya hendak tanya, apa masalah yang menjadikan hendak masukkan Rantau Panjang itu masih lagi dipertimbangkan. Apa masalah dia yang menjadi lewat hendak masukkan. Sebab saya hendak kawasan ini berhampiran, separuh dari Rantau Panjang sudah masuk KADA sikit lagi tidak masuk KADA. Saya rasa benda ini boleh dimasukkan. Sebab kalau masuk, kawasan itu dimasukkan jadi kawasan KADA, sistem pertanian itu menjadi lebih teratur dan bersistematis.

Kedua, soalan saya kedua Tuan Yang di-Pertua dalam keadaan ini ada 19 DUN. 19 DUN ini, rasa dua DUN yang menang, 17 kalah. Saya tengok cadangan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian supaya 19 Dewan Undangan Negeri yang ada itu boleh menang dua, kalau boleh kita ambil lebih daripada separuh. Tak ambil semua pun, boleh dimenangi oleh Barisan Nasional.

Ketiga, ada tak cadangan daripada kerajaan, Kementerian Pertanian sebab saya tengok nelayan sudah diberi wang imbuhan, wang saraan hidup RM300 sebulan. RISDA baru ini sudah bagi One-Off RM500 pekebun kecil, RM500 penoreh. Kemudian penanam padi ini juga penyokong kuat kita, penyokong kuat Kerajaan Barisan Nasional, saya rasa saya hendak minta Kementerian Pertanian buat cadangan kepada kerajaan supaya memberi juga wang saraan hidup ini. Kalau tidak sepenuhnya, semasa musim tengkujuh untuk membolehkan petani-petani ini boleh hidup selesa dan boleh cari makanlah masa musim padi tidak menjadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri, cadangan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk Senator, mengapakah lambat sangat hendak masuk ya? Jadi kita sebabnya kena buat kajian daripada segi perundangan melibatkan daripada segi tanah kerajaan negeri bukan tanah federal dan juga kita kena kaji daripada segi keperluan tenaga. Dia punya tenaga manusia yang diperlukan pengurusan kakitangan yang lain dan juga tidak kurang daripada itu yang penting, dia punya kewanganlah berapa banyak yang kita perlukan.

So we are kita sekarang ini Tuan Yang di-Pertua sedang membuat kajian secara menyeluruh untuk melaksanakan apa yang tadi disebut untuk memasukkan kawasan Jelapang Kemasin Semerak ke dalam KADA dan juga kalau terfikir kita mampu dan juga memasukkan kawasan di luar Jelapang di Machang dan juga di Rantau Panjang, *insya-Allah*. So kita akan cuba buat secepat yang mungkin.

Kedua, berkenaan dengan apa tadi soalannya berkenaan dengan apa tadi saya sudah lupa pula sudah yang disebut tadi cadangan, cadangan...

■1450

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi tahu tadi dalam KADA ada 19 Dewan Undangan Negeri...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ah, Dewan Undangan Negeri- okey.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Dua kalau 17 KADA. Apa langkah KADA.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Jadi daripada segi langkah dia kita tidak kiralah daripada segi politik kita pun hendak juga *political mileage at the same time*, pada masa yang sama kita bercakap soal kepentingan rakyat-petani-petani pada keseluruhannya.

Soalan ketiga Yang Berhormat Senator tanya tadi apa bantuan yang kerajaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh beri kepada petani-petani ini terutamanya pada musim-musim mereka menghadapi masalah kejatuhan daripada segi pengeluaran padi tadi disebabkan cuaca dan sebagainya.

Katanya tadi Yang Berhormat kata nelayan dapat bantuan sara hidup dan sebagainya bukan. Kenapakah tidak petani? Dia mengelirukan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, petani padi ini-saya ingat Yang Berhormat mungkin tahu juga kita bagi subsidi RM2,500 satu hektar, satu musim yang mana nelayan dan sebagainya mereka tidak dapat ini, ini tiap-tiap musim RM2,500. Kos pengeluaran padi lebih kurang RM4,500 kah-begitu satu hektar satu musim, namun kerajaan bantu ini dalam bentuk bajanya, racunnya, input-input yang lain dan juga sokongan harga padi dan sebagainya. RM2,500 dan jumlahnya untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini kita berbelanja hampir RM2 bilion untuk membantu petani-petani ini.

Jadi kalau Yang Berhormat cadangkan bantuan sara hidup lagi. Saya ingat ini berat jugalah. Akan tetapi walau bagaimanapun kita akan tengok macam mana cara yang ada kita fikirkan.

Satu Yang Berhormat iaitu *insurance scheme*. Sekarang ini Menteri saya kementerian sedang membincangkan *insurance scheme* iaitu maknanya apabila petani-petani menghadapi masalah disebabkan bencana, cuaca dan sebagainya ada perlindungan insurans yang akan dapat memberikan bantuan kepada mereka. Ini sedang kita bincangkan. Kita hendak buat kajian bagaimana ia boleh dilaksanakan dengan baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor: Sebelum saya kemukakan soalan saya, saya mengalu-alukan kedatangan Wanita MIC Bahagian Lumut dan Bahagian Kota Raja ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

3. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, kesan pada Malaysia sekiranya Amerika Syarikat menarik diri dari TPPA iaitu *Trans Pacific Trade Agreement*.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Assalamualaikum, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor yang bertanya soalan, dan saya ingin menjawab bersekali soalan mengenai TPPA ini oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar yang pada hari ini soalan nombor 42; dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul soalan nombor 59.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) merupakan suatu perjanjian perdagangan bebas yang komprehensif yang telah dirundingkan selama lebih daripada lima tahun. Malaysia menyertai perjanjian ini kerana yakin bahawanya ia akan memberi kesan positif kepada rakyat dan negara. Selaras dengan dasar ekonomi terbuka Malaysia yang mesra kepada pedagang dan pelabur.

Mengikut kajian kos faedah yang dijalankan oleh PwC iaitu *PricewaterhouseCoopers* dijangkakan bahawa dengan penyertaan Malaysia dalam TPPA pelaburan langsung asing FDI ke negara ini dijangka meningkat antara USD136 hingga USD239 bilion dari tahun 2018 hingga 2027. Kajian tersebut juga dijangkakan selepas TPPA berkuat kuasa menjelang 2027 sebanyak satu hingga dua juta peluang pekerjaan baru akan diwujudkan sama ada melalui kemasukan syarikat multinasional antarabangsa ataupun kerana MNC sedia ada di negara ini ingin mengembangkan lagi pelaburan mereka.

Seperti mana yang pernah diterangkan dalam Dewan ini berdasarkan teks perjanjian sedia ada. TPPA memerlukan ratifikasi oleh sekurang-kurangnya enam buah negara ahli yang mewakili 85 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK) keseluruhan TPPA sebelum ia boleh berkuat kuasa. Sekiranya Amerika Syarikat menarik diri, perjanjian itu tidak boleh berkuat kuasa kerana Amerika Syarikat mewakili kira-kira 60 peratus daripada KDNK 12 buah negara TPP.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memenuhi obligasi di bawah perjanjian TPP Malaysia perlu meminda 18 rang undang-undang berkaitan ini meliputi hak harta intelek dan perkastaman. Sebahagian daripada pindaan tersebut sememangnya perlu dilakukan tidak kira sama ada TPPA akan dilaksanakan atau tidak selaras dengan komitmen Malaysia sebagai ahli kepada WTO iaitu Pertubuhan Perdagangan Sedunia.

Dalam erti kata lain Malaysia akan meneruskan proses pindaan undang-undang tersebut dan menyasarkan proses ini dapat dimuktamadkan pada tahun hadapan. Pada masa yang sama kerajaan akan terus memantau perkembangan di Amerika Syarikat serta berkongsi maklumat dan pandangan dengan semua pihak berkepentingan.

Apa yang penting ada untuk memastikan agar setiap FTA yang disertai oleh Malaysia termasuk TPP akan mendatangkan faedah yang menyeluruh pada rakyat dan negara. Malaysia kini terus memantau meneliti perkembangan mutakhir di Amerika Syarikat. Pada masa yang sama kerajaan juga bersedia untuk menghadapi segala kemungkinan termasuk TPPA diteruskan dengan 12 tolak satu tanpa melibatkan Amerika Syarikat.

Namun terlalu awal untuk Malaysia mengambil keputusan muktamad pada masa ini. Kerajaan akan memastikan setiap keputusan yang diambil oleh kerajaan semestinya akan mengambil kira pandangan rakyat dan semua pihak yang berkepentingan. Sebagai sebuah negara perdagangan dengan pasaran domestik yang agak terhad Malaysia akan tetap meneruskan usaha untuk mendapatkan akses pasaran eksport lebih baik terutamanya dengan negara-negara yang masih belum mempunyai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan negara ini.

Selain itu, Malaysia akan terus terlibat dalam rundingan yang sedang berjalan seperti RCEP, dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* yang melibat 10 buah negara ASEAN dan enam orang rakan perdagangan ASEAN iaitu China, India, Korea Selatan, Jepun, Australia dan New Zealand, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Tan Sri ada soalan tambahan.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj. Mohd. Nor: Tidak ada, soalan tambahan saya telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Memang Menteri pandai. Tidak apalah, Dato'. Saya hendak cepatkan hari ini pasal kita ada soalan- masa terhad.

4. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah menggalakkan pembabitan pelabur asing dalam pasaran modal Malaysia ekoran ketidaktentuan ekonomi global akhir-akhir ini yang menjelaskan pasaran ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam usaha menggalakkan pembabitan pelabur asing dalam pasaran modal Malaysia. Suruhanjaya Sekuriti (SC) serta *Capital Markets Malaysia* (CCM) telah menganjurkan beberapa sesi dialog dan perbincangan bersama pelabur institusi asing di luar negara untuk mengetengahkan dan mempromosikan Malaysia sebagai salah satu buah destinasi pelaburan dana mereka.

Beberapa sesi perbincangan juga telah dianjurkan bersama antara pasaran yang belum beroperasi di Malaysia supaya mereka meningkatkan usaha-usaha mereka dalam menarik pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Walaupun ekonomi Malaysia sedang menghadapi

kesan daripada ketidaktentuan ekonomi global prestasi pasaran modal Malaysia terus kekal berdaya tahan berbanding dengan prestasi purata pasaran baru muncul atau *emerging market*.

Pasaran modal Malaysia terus berfungsi dengan cara yang teratur melalui usaha-usaha berterusan SC dalam pengawasan pasaran dan menggalakkan budaya tadbir urus yang lebih baik di kalangan perantara pasaran Malaysia. Keadaan ini menunjukkan keyakinan dan sokongan yang berterusan daripada peserta pasaran terhadap pasaran modal Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih, Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pegangan saham pelabur asing di bursa Malaysia dan menyatakan aliran masuk dana asing ke negara ini khususnya dalam pasaran bon, dan jumlah pegangan asing dalam sekuriti dalam Malaysia? Terima kasih.

■1500

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan data atau maklumat yang diperoleh daripada Bursa Malaysia, nilai pegangan saham pelabur asing di pasaran ekuiti Bursa Malaysia pada tahun 2016 di antara 22 peratus hingga 23 peratus. Bagi pecahan pada Januari, pegangan pelabur asing di Bursa Malaysia 22.27 peratus; Februari 22.52 peratus; Mac 22.92 peratus; April 22.99 peratus; Mei 23.01 peratus; Jun 22.86 peratus; Julai 22.97 peratus; Ogos 22.98 peratus; September 22.86 peratus; Oktober 22.77 peratus; dan November 22.58 peratus.

Walaupun terdapat pengurangan daripada segi pegangan saham pelabur asing sejak bulan September, peratusan pegangan saham semasa untuk akhir November pada tahap 22.58 peratus adalah lebih tinggi daripada peratusan pegangan saham pada permulaan tahun 2016 pada 22.27 peratus. Keadaan ini menunjukkan keyakinan dan sokongan yang berterusan daripada peserta pasaran terhadap pasaran modal Malaysia. Sekian, terima kasih.

5. Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, setelah melihat sambutan penyertaan masyarakat yang sangat menggalakkan semasa sambutan Hari Sukan Negara pada tahun 2015 dan 2016:

- (a) apakah perancangan serta tindakan pihak kementerian bagi menjadikan sambutan Hari Sukan Negara lebih berjaya dari segi penyertaan dan impak untuk tahun-tahun berikutnya; dan
- (b) adakah matlamat dan sasaran yang digariskan oleh kementerian tercapai bagi tempoh dua (2) tahun pelaksanaannya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya menjawab soalan nombor 5, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran Wanita MIC dalam Dewan yang mulia ini [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan terus memperkasakan Program Hari Sukan Negara melalui promosi dan perancangan aktiviti yang melibatkan penyertaan secara menyeluruh masyarakat di peringkat akar umbi bagi menarik lebih ramai penyertaan di masa akan datang. KBS turut melaksanakan Program Fit Malaysia sebagai salah satu daripada galakan ke arah Hari Sukan Negara bagi memberikan kesedaran awal berkenaan dengan sambutan Hari Sukan Negara pada Sabtu, minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Matlamat dan sasaran KBS bagi Hari Sukan Negara adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bersukan bagi mewujudkan masyarakat yang cergas dan aktif, memupuk dan menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum, menggalakkan pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan industri sukan, meningkatkan pengetahuan sukan di kalangan rakyat Malaysia dan memberi pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti membangunkan sukan di peringkat akar umbi telah berjaya dicapai selama dua tahun pelaksanaan Hari Sukan Negara.

Pelaksanaan Hari Sukan Negara pada tahun 2015 dan 2016 telah memberikan impak yang sangat positif ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan *sporting nation*, dengan izin. Ini ditunjukkan oleh statistik penyertaan pada tahun 2015 seramai 5.1 juta orang peserta, melebihi sasaran awal seramai 3 juta. Manakala, statistik penyertaan bagi tahun 2016, seramai 7.6 juta yang melebihi sasaran awal 6 juta orang telah terlibat dalam menjayakan Program Hari Sukan Negara di seluruh peringkat pelaksanaan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertamanya, saya hendak mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pastinya Yang Berhormat Menteri Brig. Jen. Khairy Jamaluddin yang telah pun bersungguh-sungguh membawa Hari Sukan Negara ini kepada tahap yang boleh kita banggakan. Saya amat bersetuju dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahwasanya Hari Sukan Negara ini merentasi politik dan sebagainya.

Oleh sebab penglibatan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, angkanya adalah begitu hampir 30 peratus rakyat dalam negara ini menyertai Hari Sukan

Negara. Cuma, ingin saya mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Hari Sukan Negara ini, kalau dilihat pada tahun 2015 penyertaannya 5.6 juta dan pada tahun 2016 - 7.1 juta. Apa pengisian yang akan dilaksanakan oleh peringkat kementerian supaya momentum ini akan terus menyemarakkan rakyat, khususnya golongan muda? Ini kerana Hari Sukan Negara Tuan Yang di-Pertua, saya tengok bukan hanya golongan muda sahaja yang bersukan tetapi semua peringkat umur telah menyertainya dengan begitu jaya.

Jadi, apakah perancangan khusus yang akan dibuat oleh peringkat kementerian supaya pada Hari Sukan Negara 2017 akan datang akan menarik lebih ramai lagi penyertaan? Oleh sebab ini adalah bagi merealisasikan harapan Yang Berhormat Menteri untuk melahirkan Malaysia sebagai *sporting nation*, dengan izin. Jadi, apakah Hari Sukan Negara yang sedang dirancang dan akan dilaksanakan pada tahun 2017? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat atas keprihatinan.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat hari ini objektif utama kita ataupun matlamat kita. Pertama, selain daripada mengeratkan perpaduan dan silaturahim di kalangan pelbagai kaum di Malaysia, objektif utama kita adalah untuk melahirkan negara bersukan atau *sporting nation*, dengan izin. Maka, pelbagai program telah pun diadakan, yang penting hari ini kita lihat walaupun saya sebut penglibatan daripada segi peserta hampir 7.6 juta, ini tidak termasuk murid-murid sekolah yang telah menghampiri 4 juta yang terlibat dalam Program Hari Sukan Negara.

Sasaran kita pada tahun hadapan adalah untuk 10 juta orang peserta. Apa yang penting, kita lihat penglibatan semua lapisan masyarakat, itu akan menjadi kejayaan ataupun menandakan kejayaan Hari Sukan Negara. Kita lihat bagi tahun ini kita telah menganjurkan daripada segi pengisian seperti mana yang diminta oleh Yang Berhormat.

Daripada segi pengisian, kita telah menganjurkan ataupun mengatur 26,323 program. Ini termasuk program-program ini julung kali kita adakan program telah melibatkan Orang-orang Asli di Parlimen Tapah. Maka, daripada segi pengisian, kita ada pelbagai program yang penting melibatkan warga Malaysia tanpa melihat ideologi politik. Saya percaya dan yakin dalam kejayaan ini bukan sahaja Kementerian Belia dan Sukan tetapi peranan setiap pemimpin sama ada di sebelah sini ataupun di sebelah sana, politik bukan politik, NGO dan sebagainya daripada segi penglibatan NGO, badan-badan bukan kerajaan dan setiap pemimpin amatlah penting supaya kita berjaya melahirkan negara bersukan. Terima kasih.

6. **Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader** minta Perdana Menteri menyatakan, sejak kebelakangan ini, isu Salafi Wahabi menjadi buah mulut masyarakat di Malaysia, khususnya di kalangan ahli ilmu. Dikatakan bahawa, kefahaman Salafi Wahabi telah tersebar meluas dalam masyarakat IPTA khususnya. Adakah kerajaan bercadang untuk mengambil langkah dan bertindak tegas dengan segera dalam usaha menghentikan penyebaran ajaran sesat Wahabi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.*

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal berkaitan fahaman yang disandarkan kepada Muhammad bin `Abdul Wahab dan mereka yang berpegang kepada pandangan ini dinamakan dengan Wahabi. Kerajaan berpandangan bahawa isu berkaitan Wahabi ini merupakan isu khilaf dalam kalangan ulama. Sesungguhnya, pendirian kerajaan berkenaan fahaman ini adalah jelas. Ini adalah selaras dengan hasil daripada perbincangan beberapa kali dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan iaitu pada kali yang ke-20, tahun 1988 kali ke-34, 1994 dan kali yang ke-106, 2014.

Kerajaan juga berpandangan pegangan Wahabi juga termasuk di dalam Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Justeru, bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat berkenaan soal khilafiah, kerajaan sentiasa mengambil pendekatan ke arah mengharmonikan semua pihak melalui program-program penjelasan akidah yang melibatkan masyarakat awam, NGO, jabatan kerajaan dan pelajar-pelajar universiti dan kolej.

■1510

Antaranya seperti berikut. Pertama mengadakan sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat berkenaan akidah Ahli Sunnah Wal Jemaah yang diamalkan di Malaysia termasuk dalam apa yang diputuskan oleh para ulama dan majlis fatwa mereka, masih termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jemaah.

Kedua, sentiasa mengadakan perbincangan dengan semua pihak untuk dakwah sebenar ke arah melahirkan masyarakat yang harmoni. Ketiga, memantau dan mengawal bahan-bahan media cetak serta elektronik daripada sebarang ajaran yang bercanggah.

Pada masa yang sama kerajaan menganjurkan kefahaman Islam berlandaskan pendekatan *wassatiyyah*, mampu membawa masyarakat kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, ajaran yang jauh daripada sikap ekstrem dan melampau. Ini kerana ajaran Islam yang berpaksikan kepada al-Quran dan As Sunnah amat menekankan kepada kesederhanaan dan keseimbangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga satu jawapan yang begitu menyeluruh oleh Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanyakan kepada

Yang Berhormat Menteri bahawa kes-kes ini telah pun, telah lama pun berlaku. Sehingga hari ini, berapa ramaikah yang Safi Wahabi yang mereka juga pengajar ajaran sesat ini telah pun ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim. Saya suka menjelaskan sekali lagi sebagaimana yang saya telah sebutkan dalam jawapan sebentar tadi.

Saya rasa ini merupakan pengulangan, beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini bahawa ajaran yang disandarkan kepada Muhammad Abdul Wahhab merupakan ajaran yang tidak terkeluar daripada kelompok Ahli Sunnah Wal Jamaah. Maka sebab yang demikian, ia tidak termasuk dalam golongan yang boleh dikategorikan sesat dan sebagainya. Sebenarnya kalau kita ingin melihat beberapa data yang kita miliki oleh sebab kita tidak memiliki data, suka saya tambahkan bahawa hal yang berkaitan dengan pegangan-pegangan ini merupakan hal yang mengikut Jadual Kesembilan, Perlembagaan Negara, Senarai II iaitu Senarai Negeri.

Maka hal-hal yang berkaitan dengan agama

erupakan hal-hal yang berada di bawah negeri masing-masing. Dalam konteks Malaysia, kita ada 14 buah negeri, maka 14 buah negeri inilah yang mempunyai maklumat-maklumat dan juga kelompok-kelompok yang mereka ini yang disandarkan kepada ajaran tersebut. Walau bagaimanapun, perlu saya ulang bahawa mereka ini dalam konteks sebagaimana yang telah diputuskan oleh majlis fatwa dan juga perbincangan-perbincangan yang berkaitan dengan ilmiah, soal yang berkaitan dengan pegangan-pegangan ini mereka telah masuk dalam kelompok Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana yang diamalkan dalam konteks Malaysia. Cuma mungkin ada soal-soal *khilafiyah*, soal dua buah cabang atau pun soal *qur'aniyyah* atau pun perkara-perkara yang bukan berdasarkan kepada pokok tetapi kepada hal-hal yang berkaitan dengan ranting yang menjadi perbahasan dan perbincangan dalam kalangan para ulama dan dia turun sedikit kepada masyarakat umum. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya izinkan satu lagi soalan tambahan untuk soalan ini. Ada? Silakan Yang Berhormat Dato' Adam.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri.

Ini berlaku kepada keluarga saya sendiri di mana dari Malaysia, dia pindah ke Mekah, menetap di sana dan Sunnah Wal Jamaah. Anak dia, Wahabi. Kemudian, semasa saya pergi ziarah dia, berlaku pertengkarannya antara bapa dengan anak. Anak ini kata, tidak perlu pun kita sembahyang Qasar dan Jamak kerana di mana-mana ada masjid. Bapa dia kata, "Aku dulu belajar tidak begitu. Kalau ada dua marhalah, boleh kita melakukan sembahyang Jamak dan

Qasar". Akhirnya dia bertengkar. Maksud saya, daripada insiden macam ini, macam mana kita, Malaysia hendak mengawal supaya ada keserasian antara kita, sesama kita? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, pandangan dan soalan ini perlukan satu masa tempoh untuk kuliah yang panjang. Akan tetapi, saya ringkaskan, Tuan Yang di-Pertua.

Ini bukan kerana soal pasal kefahaman, soal Wahabi dan juga soal masyarakat Ahli Sunnah Wal Jamaah. Apatah lagi kalau kita bincang kepada kelompok mazhab, ada Shafie, ada Hanafi, Hambali, Maliki dan termasuk kalangan-kalangan mazhab yang lain yang ada dalam kelompok Ahli Sunnah Wal Jamaah juga. Ini merupakan yang pertama, soal ilmu dan kefahaman. Dalam konteks kita, Syafie, yang disebutkan tentang soal untuk Jamak dan Qasar sebagaimana perbincangan anak dan ayah tadi yang berpindah duduk di sana. Ini berkaitan dengan ilmu. Jadi bagi Mazhab Syafie, kalau kita bermusafir lebih daripada dua marhalah, maka dipersilakan. Bukan kerana soal *masyaqqah* atau pun keberatan.

Sebab kadang-kadang ada orang mengukur. Hari ini, tidak ada masalah tempat. Kalau kita di lebuh raya, R&R banyak, dari Kuala Lumpur sampai ke Kedah banyak tempat untuk berhenti. Bukan setakat itu sahaja, orang mengukurkan ini musafir naik kapal terbang, lagi tidak ada payah apa, tidak timbul masalah. Dalam konteks hukum, boleh untuk kita hendak Jamak dan Qasar dan termasuk kalau bulan Ramadhan... [Membaca sepotong ayat al-Quran] "Kalau sekiranya kamu bermusafir"... [Membaca sepotong ayat al-Quran] "Ganti pada hari yang lain". Maknanya walaupun naik kapal terbang, kalau pun tidak naik unta, boleh dibenarkan kerana atas dasar *illat*, kebenaran yang sebagaimana yang telah disebutkan.

Jadi ini soal ilmu. Jadi saya tidak hendak sandarkan sebab kita yang pergi Malaysia pun, kalau kita hendak ambil, letakkan perkataan Wahabi itu merupakan kelompok yang terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah, bagaimanakah amalan kita di Mekah? Bagaimanakah kita sembahyang dan bersolat di sana? Ini melebarkan soal kefahaman tersebut dan yang ada di Malaysia ini, saya tadi tidak berhasrat panjang tetapi saya sebutkan bahawa kita kadang-kadang bincang soal "*Bismillah*", kuat atau tidak kuat, qunut atau tidak qunut, sambut Maulud atau tidak sambut Maulud, sambut Maal Hijrah. Semalam kita sambut Maulud Nabi.

Maka perbincangan ini menjadi persoalan kita. Saya- jawapannya mudah, ialah yang tidak hendak sambut pun tidak salah, yang sambut pun tidak salah. Cuma semua *enjoy* dapat cuti yang sama. Yang sambut pun dapat cuti Hari Maulud, yang tidak sambut pun dapat cuti. Jadi fikir-fikirkanlah soal yang berkaitan tadi. Maka sebab itu, dalam soal cabang ini, Islam memberikan kelapangan, Islam memberikan kelonggaran untuk kalau kita hendak berpegang

pada kata yang tidak boleh pun tidak salah, yang boleh pun tidak salah. Jadi keduanya ini merupakan satu keseimbangan dalam konteks yang berkaitan dalam hal-hal tadi.

Kalau yang demikian, sebagaimana yang telah Yang Berhormat menyebutkan, soal anak dan bapa yang tadi ini bergaduh antara pasal untuk Jamak dan Qasar. Sebab hari ini kita masih lagi kita bincang yang pergi Mekah pun, kalau yang pergi dengan Tabung Haji, kita sama ada boleh atau tidak kita Jamak dan Qasar semasa kita berada di Arafah. Hari ini, dalam konteks Tabung Haji, Jamaah Haji Malaysia yang Mazhab Syafie, kita boleh Jamak dan Qasar, cumanya ada pandangan yang mengatakan bahawa bukan setakat Jamak dan Qasar sahaja tetapi boleh di-qasar-kan.

Malaysia pegang hanya setakat Jamak tetapi tidak di-qasar-kan. Ini soal kefahaman kepada cabang dan *khilafiyah* yang mana *khilafiyah* ini, kita wajar saling menghormati di antara satu sama lain kerana inilah kunci kepada kerukunan yang mana... [Membaca sepotong *Hadis*] Nabi mengatakan, khilaf umat aku ini menjadi rahmat tetapi kalau khilaf ini atau pun cabang ini, *furu'* ini kita jadikan sebagai asas pertembungan, pergaduhan, maka hilang rahmat tetapi yang datang ialah bala. Maka sebab yang demikian, kita harus berlapang dada. Orang yang qunut tidak salah, yang tidak qunut pun tidak salah. Yang salah, yang tidak sembahyang Subuh. *Wallahu alam*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen.

7. **Dato' Chai Kim Sen** minta Menteri Pendidikan menyatakan, status bagi proses membawa masuk guru-guru dari luar negara untuk tujuan pengajaran Bahasa Inggeris

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih kepada Senator Dato' Chai Kim Sen.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Program *Fulbright English Teaching Assistant* (ETA) mulai tahun 2012 yang merupakan satu kolaborasi di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Amerika Syarikat. Program ini dilaksanakan di bawah dasar memartabatkan Bahasa Malaysia, memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dengan kerjasama *Malaysian-American Commission on Educational Exchange* (MACEE).

■1520

Pada tahun 2016, program ETA dilaksanakan melibatkan 100 orang pembantu guru Bahasa Inggeris yang ditempatkan di 100 buah sekolah menengah luar bandar yang berada di Band 5 hingga Band 7. Program ETA bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa

Inggeris, khususnya dalam aspek komunikasi dalam kalangan murid di sekolah-sekolah luar bandar. Peranan ETA adalah seperti berikut:

- (i) membantu guru Bahasa Inggeris merancang dan menjalankan aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah;
- (ii) merancang dan menjalankan aktiviti meningkatkan kebolehan dan keyakinan murid untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris bersama-sama guru melalui aktiviti kokurikulum;
- (iii) membantu sekolah meningkatkan penyertaan murid dalam aktiviti Bahasa Inggeris di dalam dan luar bilik darjah; dan
- (iv) meningkatkan minat dan keyakinan murid menggunakan Bahasa Inggeris dalam komunikasi seharian di sekolah.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

Dato' Chai Kim Sen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya, sejauh manakah guru Bahasa Inggeris luar negara ini berjaya meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris terutamanya sekolah luar bandar? Adakah guru-guru Bahasa Inggeris luar negara ini lebih baik daripada guru-guru tempatan atau guru-guru Bahasa Inggeris yang telah bersara tetapi dilantik secara kontrak? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan. Berkenaan dengan kejayaan guru Bahasa Inggeris dari luar negara, daripada tiga KPI yang dirancang oleh kementerian, KPI nombor dua, penambahbaikan dalam PDP berdasarkan standard pedagogi BI itu menampakkan peningkatan pencapaian kita daripada guru Bahasa Inggeris di luar negara.

KPI nombor 3, peningkatan *proficiency* BI mengikut CEFR juga menunjukkan peningkatan. Contohnya mendengar dan bertutur, peningkatan sebanyak 1.4 peratus hingga 7.7 peratus, membaca peningkatan sebanyak satu peratus hingga 5.6 peratus, menulis peningkatan di antara satu peratus hingga 8.71 peratus.

Daripada segi KPI nombor lima, peningkatan literasi Bahasa Inggeris murid Tahap Satu juga menunjukkan purata peningkatan satu Band, secara puratanya 58.6 peratus murid menunjukkan peningkatan satu Band, 30.8 peratus meningkat dua Band dan 10.6 peratus murid meningkat Band ke atas menggunakan pendekatan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS).

Manakala berkenaan dengan guru-guru Bahasa Inggeris luar negara berbanding dengan guru-guru Bahasa Inggeris tempatan, kajian kita juga menunjukkan bahawa guru

kontrak Bahasa Inggeris tempatan sebenarnya cukup ataupun memang boleh menangani guru-guru dari luar negara. Oleh sebab itu kementerian tidak lagi melanjutkan program penutur jati yang berakhir pada tahun 2015, digantikan dengan guru kontrak Bahasa Inggeris tempatan termasuk mereka yang telah bersara.

Antara cabaran untuk guru yang bersara ialah jarang daripada mereka boleh ataupun sudi untuk pergi ke sekolah-sekolah di luar bandar. Walau bagaimanapun, kita akan memberikan tumpuan kita untuk penggunaan dan pelantikan guru-guru tempatan dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada jumlah guru Bahasa Inggeris di kementerian sudah mencukupi ataupun belum? Ini kerana saya berpendapat guru-guru Bahasa Inggeris yang terlatih sangat penting memandangkan kepada keputusan, melihat kepada keputusan UPSR baru-baru ini, hanya satu peratus daripada jumlah murid-murid yang mendapat 6A. Saya rasa amat penting sekali kita memberikan tumpuan kepada keupayaan guru-guru mengajar Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan yang kedua. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menyediakan guru Bahasa Inggeris yang cukup. Walau bagaimanapun, kita juga mengadakan program Pro-ELT untuk kita meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris kita kepada guru-guru kita supaya mereka mencapai sekurang-kurangnya Band C1 untuk pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan Band C2 untuk pengajaran di peringkat sekolah menengah. Usaha ini sedang dilakukan dan telah masuk ke kohort yang keempat iaitu pada kohort yang ke-empat tahun ini, kita akan melatih 500 orang guru Bahasa Inggeris kita supaya pencapaian nanti semua guru Bahasa Inggeris yang berada di sekolah nanti berupaya mencapai standard minimum untuk mengajar anak-anak kita. Sekian, terima kasih.

8. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) benarkah syarikat penerbangan Malaysia (MAS) tidak lagi membenarkan penumpang dari Wilayah Persekutuan Labuan ke Kuala Lumpur membawa produk makanan laut sejuk beku melalui kargo penumpang; dan
- (b) jika ya, adakah MAS bercadang mengkaji semula polisi ini ekoran kemerosotan jualan produk ini sehingga ke tahap 50 peratus.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula 1 Julai 2016, Malaysia Airlines Berhad tidak lagi membenarkan penumpang membawa sebarang makanan laut sejuk beku sebagai bagasi daftar masuk.

Namun begitu, penumpang masih lagi boleh membawa produk makanan laut sejuk beku sebagai bagasi tangan. Polisi larangan ini juga turut dilaksanakan oleh syarikat penerbangan awam tempatan yang lain. Larangan membawa makanan laut sejuk beku sebagai bagasi daftar masuk dilaksanakan oleh Malaysia Airlines Berhad kerana berlaku kebocoran daripada bagasi berkenaan yang boleh mendatangkan kerugian yang amat besar terhadap Malaysia Airlines Berhad. Air laut amat *corrosive* dan mengakibatkan hakisan karat kepada badan pesawat dan memudaratkan pengendalian dan keselamatan pesawat. Hakisan karat ini pula hanya akan dapat dikesan semasa semakan penyelenggaraan dalam yang dijalankan secara berkala.

Setakat ini terdapat sepuluh buah pesawat yang digunakan untuk penerbangan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak telah mengalami hakisan karat tersebut. Oleh yang demikian, pihak Malaysia Airlines Berhad masih belum bercadang untuk mengkaji semula polisi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri menjawab. Bagi rakyat Labuan, saya sangat terkilan kerana sebelum arahan ini berlaku MAS, maksud saya dari Labuan ke Kuala Lumpur boleh membawa ikan sejuk beku dan seafood sejuk beku. Akan tetapi mungkin segelintir, hanya segelintir orang yang *packing* tidak betul. Jadi ini menyebabkan seluruh penerbangan MAS tidak dibenarkan membawa sejuk beku. Ini tidak boleh kerana kita di Labuan sudahlah masalah kita *oil and gas* sudah merudum jatuh, pelancongan tidak seberapa. Jadi, produk-laut, produk laut ini pula tidak dibenarkan dibawa ke sana. Ini adalah satu buah produk yang boleh membantu Labuan dalam segi ekonomi. Apakah pendapat Menteri? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, walaupun *check in luggage* tidak dibenarkan, tetapi penumpang masih boleh *hand carry*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, itu sahajalah Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

■1530

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” [8 Disember 2016]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan pada hari ini dan esok telah ditetapkan untuk giliran kementerian menjawab ke atas perbahasan Yang Berhormat. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat menghayati dan memanfaatkan sepenuhnya jawapan yang akan diberikan oleh pihak kementerian.

Terdapat 25 buah kementerian yang akan memberi jawapan dimulai dengan Jabatan Perdana Menteri di mana seramai tujuh orang Menteri akan menjawab.

Saya dengan ini mempersilakan Yang Berhormat Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mula memberi jawapan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

3.51 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia,

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 di Dewan yang mulia ini dan menyentuh isu-isu yang berkaitan Jabatan Perdana Menteri. Saya akan menjawab isu-isu yang berkaitan hal ehwal Islam, dan isu-isu lain akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri mengikut portfolio masing-masing. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri khususnya, jabatan dan agensi berkaitan telah mengambil perhatian dan menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya isu berkaitan dengan Lembaga Tabung Haji oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin dan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat meminta penjelasan mengenai kenaikan bayaran visa haji dan juga umrah.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa mulai dari tahun Hijrah yang baru iaitu 1438 Hijrah, Kerajaan Arab Saudi mengenakan kadar caj Visa Haji dan umrah sebagaimana yang diumumkan pada Ogos 2016 yang lalu. Kadar bayaran adalah seperti berikut. Bagi mereka yang mengerjakan haji dan umrah kali yang pertama adalah percuma. Bagi mereka yang mengerjakan haji dan umrah kali yang kedua dan seterusnya akan dikenakan caj visa sebanyak SR2,000- *Saudi Rial*, dan caj bagi Visa Umrah akan dikenakan kepada mereka yang mengerjakan umrah kali kedua dan seterusnya dalam tahun yang sama.

Berhubung dengan pembatalan caj visa tersebut, Lembaga Tabung Haji telah mendapat pengesahan dari Kementerian Luar Negeri bahawa tiada perubahan caj Visa Haji dan umrah baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan sebarang berita mengenai pembatalan caj visa ini, yang disebarluaskan terutamanya dalam media-media baru ataupun media sosial adalah tidak benar.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin juga ingin penjelasan mengenai syarikat-syarikat atau agensi pelancongan yang menguruskan urusan haji serta bayaran yang dikenakan.

Dimaklumkan pada musim haji 2016 atau 1437 Hijrah, sebanyak 16 buah syarikat yang telah dilesenkan untuk mengelolakan jemaah haji dalam negara ini melalui pakej-pakej yang ditawarkan mereka. Kadar bayaran minimum yang dikenakan sebanyak RM21,154 dan bayaran tertinggi ialah RM219,990. Perbezaan kadar bayaran oleh syarikat-syarikat ini bergantung kepada kehendak, kemampuan dan keperluan perkhidmatan dan kemudahan para jemaah di samping perkhidmatan yang baik dan profesional.

Berhubung dengan kes penipuan pada musim haji 2016- 1437 Hijrah, pemantauan oleh pihak Tabung Haji mendapati tiada kes penipuan pakej haji yang dilakukan oleh agensi pelancongan yang dilesenkan sebagai pengelola jemaah haji dalam mengendalikan jemaah haji negara.

Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat juga bertanya tentang perkembangan pampasan kepada jemaah ataupun mangsa musibah runtuhan kren yang dijanjikan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembayaran pampasan kepada mangsa tragedi runtuhan kren, hak mutlak ataupun merupakan perkara yang berada di pihak Kerajaan Arab Saudi. Sehingga kini, pihak Kerajaan Arab Saudi masih belum memaklumkan status

pembayaran pampasan kepada mangsa runtuh kren pada musim haji 2015- 1436 Hijrah. Daripada maklumat yang diterima, belum ada mana-mana negara yang telah menerima pampasan tersebut. Pihak Lembaga Tabung Haji akan segera menyalurkan maklumat berkenaan kedudukan dan status pembayaran kepada waris-waris mangsa sekiranya dimaklumkan oleh pihak Arab Saudi.

Seperti yang diminta oleh pihak berkuasa Arab Saudi pada tahun lalu, Tabung Haji telah menyerahkan senarai nama jemaah haji yang terkorban dan tercedera akibat kejadian kren runtuh tersebut bagi tujuan Kerajaan Arab Saudi mengenal pasti mangsa-mangsa dan waris mereka yang terlibat. Pihak Tabung Haji juga sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa Arab Saudi bagi mendapat perkembangan semasa.

Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid bertanya, bagaimanakah TH membeli Syarikat Ramunia yang telah bertahun-tahun rugi?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji telah menjalankan aktiviti pelaburannya berlandaskan polisi, alokasi aset strategik yang mengambil kira antara lain, pelaburan patuh syariah serta jangkaan pulangan berbanding profil risiko pelaburan. Setiap pelaburan Tabung Haji melalui pelbagai proses iaitu penilaian pelaburan serta risiko dan proses kelulusan yang berperingkat.

Penilaian panel pelaburan pada tahun 2007 adalah berdasarkan maklumat sedia ada serta potensi syarikat untuk mengembangkan perniagaannya dalam industri minyak dan gas pada ketika itu. Potensi industri minyak dan gas dilihat baik dan memberangsangkan. Dalam keadaan inilah Tabung Haji telah membuat pelaburan dalam Syarikat Ramunia Holdings yang kini dikenali dengan *TH Heavy Engineering*.

Walau bagaimanapun, setiap pelaburan mempunyai risiko di luar kawalan penilaian panel pelaburan seperti turun naik industri, kepakaran pengurusan serta faktor-faktor lain. Antara faktor-faktor kawalan, luar kawalan yang telah memberi impak kepada pelaburan dalam sektor minyak dan gas- krisis kewangan global pada tahun 2009, kenaikan kos bahan mentah dunia, penurunan harga minyak yang ketara dan krisis ekonomi global terkini.

Cabarannya tersebut telah memberikan impak yang mendalam kepada kebanyakan syarikat minyak dan gas sehingga mempengaruhi prestasi harga saham dan kelestarian syarikat. Keseluruhan portfolio Tabung Haji dalam industri minyak dan gas adalah tidak melebihi 9 peratus. Setiap pelaburan Tabung Haji dipantau dan dikaji semula secara berkala bagi memastikan pulangan pelaburan dan perihal syarikat pelaburan diuruskan dengan sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah menyarankan, Lembaga Tabung Haji membantu syarikat-syarikat pengusaha bumiputera untuk mempertingkatkan keupayaan bagi memperoleh sijil halal.

Tabung Haji mengambil makluman, saranan Ahli Yang Berhormat- pada masa ini, Tabung Haji telah melaksanakan program bagi membantu pembangunan usahawan bumiputera melalui perwujudan dana Al-Ansar menyertai ekuiti langsung. Tabung Haji juga turut membuat pelaburan melalui pembelian saham dalam syarikat-syarikat bumiputera seperti di sektor perkhidmatan, perkilangan dan perusahaan. Inisiatif ini bagi membangunkan ekonomi bumiputera di negara ini sejajar dengan visi Tabung Haji dalam memperkasakan ekonomi ummah serta menyahut saranan kerajaan dalam memperkembangkan industri halal di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada isu berkaitan pensijilan halal, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat mencadangkan JAKIM mengambil kira nama-nama yang baik bagi produk dan makanan halal.

Sememangnya Piawaian Pensijilan Halal Malaysia bukan sahaja mengambil kira aspek halal daripada perspektif hukum syarak tetapi mesti *thoyyib* iaitu aspek halal, jelas. Manakala *thoyyib* ini mempunyai makna yang luas termasuk aspek kebersihan, terbaik daripada aspek penyediaan, aspek bahan dan juga aspek nama keselamatan makanan dengan kata lain, pematuhan halal dan *thoyyib* mengambil kira semua faktor dan meliputi seluruh aspek rantai pengeluaran ataupun *supply chain*, dengan izin, sesuatu produk.

JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri iaitu MAIN, dan JAIN turut memberikan penekanan terhadap pemilihan nama produk atau makanan yang baik-baik dalam standard halal berkaitan, dan manual prosedur pensijilan halal yang dipersetujui oleh semua Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan Jawatankuasa Penasihat Pensijilan Halal Malaysia.

■1540

Ini adalah bertujuan bagi menjaga kemaslahatan agama yang boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat ingin mengetahui sejauh mana Indeks Syariah Malaysia telah berhasil dan Malaysia berada di tahap mana. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan pada 10 Februari 2015 telah melancarkan Indeks Syariah Malaysia (ISM) pada 28 Mac 2016 yang lalu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membentangkan laporan penyelidikan ISM tersebut. Dapatan penyelidikan telah merumuskan skor keseluruhan Indeks Syariah Malaysia bagi tahun 2015 ialah sebanyak 75.42 peratus dan ia adalah sebagai *indicator*

kali pertama kepada kerajaan yang dihasilkan menggunakan kaedah pengukuran saintifik berasaskan maqasid syariah. Manakala skor bagi setiap bidang adalah seperti berikut:

BIDANG	SKOR (peratus / %)
Perundangan	87.19
Politik	79.19
Ekonomi	65.27
Pendidikan	82.49
Kesihatan	73.92
Budaya	66.47
Prasarana dan Persekutaran	62.31
Sosial	68.52

Memandangkan inilah kali pertama Indeks Syariah Malaysia dilaksanakan, skor indeks yang diperolehi tersebut berada pada tahap yang baik dan penambah baikkan telah dan sedang dilaksanakan bagi memantapkan pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saranan supaya peruntukan kepada sekolah pondok berdaftar ditambah telah dibangkitkan kepada Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Monutty. Sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum semua institusi pendidikan agama, termasuk institusi pendidikan pondok yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah tertakluk kepada emolument kawalan sekolah-sekolah agama negeri dan peraturan yang sedang berkuat kuasa di negeri berkenaan.

Ini adalah selaras dengan ketetapan butiran satu, senarai negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Oleh itu pembangunan institusi tersebut adalah berada di bawah kuasa kerajaan negeri, manakala bagi institusi pondok persendirian pihak lembaga pengurusan pondok berkenaan bertanggung jawab sepenuhnya. Namun, kerajaan sentiasa memberikan perhatian mengenai pembangunan modal insan terutama yang melibatkan pendidikan Islam termasuk institusi pondok.

Selain bantuan daripada kerajaan negeri, pada tahun 2015, institusi-institusi tersebut menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebanyak RM25 juta secara *One-Off* untuk diberikan kepada 119 buah pondok yang berdaftar dengan JAIN ataupun MAIN bagi tujuan membangun dan menaik taraf *facility* di sekolah pondok. Manakala bagi tahun 2017, sebagai mana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum RM50 juta telah diperuntukkan kepada sekolah pondok berdaftar dari Tabung Khas

Penambahbaikan dan Penyelenggaraan sekolah seperti yang diumumkan dalam pembentangan bajet 2017.

Daripada aspek kurikulum, dimaklumkan bahawa Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang diurus setiakan oleh JAKIM juga sedang berusaha membuat penyelarasan berkaitan pengajian pondok dalam aspek kurikulum, keselamatan dan sebagainya. Pada masa yang sama, kerajaan juga menggalakkan pusat pengajian pondok yang memenuhi syarat supaya berdaftar dengan Kementerian Pendidikan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan atau secara ringkasnya SABK. Antara kebaikan berdaftar sebagai SABK menerima bantuan bagi urusan pentadbiran sekolah, menerima bantuan modal bagi pembangunan fizikal sekolah, jawatan hakiki guru diwujudkan serta menerima guru yang terlatih serta mendapat Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) secara percuma.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed menyeru supaya semua pihak menyokong pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah), Akta 355 yang dikemukakan oleh Rang Undang-undang Ahli Persendirian. Sesungguhnya kerajaan menyedari dan mengambil berat terhadap usaha-usaha untuk memperkasakan institusi syariah kehakiman di Malaysia termasuklah meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) pindaan 2016 Rang Undang-undang Persendirian yang dikemukakan berdasarkan Peraturan Mesyuarat 49, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Pindaan Akta ini adalah untuk meningkatkan hukuman di Mahkamah Syariah, akta ini diwujudkan pada tahun 1965 dan dipinda pada tahun 1984 dengan meningkatkan hukuman daripada denda RM1,000 dan penjara enam bulan kepada denda RM3,000 ribu dan penjara lima tahun serta juga enam kali sebatan mengikut sebatan syariah. Perlu ditegaskan di Dewan yang mulia ini, pindaan ini adalah semata-mata melibatkan Mahkamah Syariah dan hanya melibatkan di kalangan masyarakat yang beragama Islam semata-mata dengan tidak mengambil mana-mana hak yang berkaitan dengan undang-undang kepada mereka yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan zakat juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di bawah butiran satu, senarai dua, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah kuasa kerajaan negeri. Justeru, perlaksanaan aktiviti agihan zakat di negeri-negeri perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-

masing. Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff meminta penjelasan supaya wang zakat boleh digunakan untuk membantu anak-anak yatim. Sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, 8 golongan asnaf yang layak menerima zakat ialah fakir; miskin; amil; mualaf; hamba-hamba *ar-riqab*; orang-orang yang berhutang; *al-gharimin*; ataupun *fisabilillah* dan yang ke-lapan *ibnu sabil*- tidak disebut tentang anak-anak yatim.

Justeru Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mengambil kira anak yatim sekiranya termasuk dalam mana-mana kelompok masyarakat ataupun mereka yang terlibat dengan asnaf zakat. Namun sekiranya anak yatim ini termasuk dalam mana-mana asnaf seperti miskin, maka zakat akan digunakan untuk membantu mereka. Dalam hal ini, saya memaklumkan bahawa di wilayah persekutuan terdapat sebuah kompleks yang ditubuhkan oleh MAIWP dikenali sebagai Darul Kifayah yang menempatkan anak-anak yatim sebagai golongan asnaf. Mereka diberi perlindungan dan segala keperluan harian termasuk pendidikan dan ditanggung sepenuhnya oleh MAIWP. Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat Menteri-menteri, masa menjawab kepada perbahasan, jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan itu tidak ada di dalam Dewan, tidak payah memberi jawapan secara lisan, boleh bagi secara bertulis.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: ...Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya memahami...

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa. Sekarang you dah bagi dia. Dia ada tanya soalan?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tidak ada dalam ini. Cuma mencelah sahaja. Sebab ada kekeliruan Tuan Yang di-Pertua, tentang sebab orang akan mudah tersentuh bila soal anak yatim. Akan tetapi kena faham kalau bapak dia seorang jutawan ataupun *billionaire meninggal dunia*, dia tidak termasuk dalam asnaf zakat. Jadi, dia tersilap pemahaman tentang bila sebut anak yatim dia fikir semua itu susah. Tidak, anak yatim kalau sekiranya bapa dia jutawan, kereta banyak, harta banyak, rumah banyak. Dia tidak termasuk dalam kategori asnaf yang perlu dapat zakat.

Akan tetapi kalau miskin automatik dia termasuk dalam asnaf tersebut. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf untuk saya teruskan jawapan yang lain. Berhubung saranan agar institusi wakaf dan zakat memberikan perhatian khusus kepada golongan asnaf, perkara ini seniasa menjadi tumpuan utama MAIWP menerusi agihan zakat secara langsung, penerima asnaf akan menerima bantuan menerusi skim-skim bantuan yang merangkumi aspek keperluan asasi, pendidikan, berdikari, kebajikan dan dakwah. Sehingga kini terdapat 28 skim bantuan yang disediakan oleh MAIWP menerusi agihan.

Secara tidak langsung pula, MAIWP telah menubuhkan dan membangunkan infrastruktur dan prasarana yang boleh dimanfaatkan untuk jangka masa panjang yang terdiri daripada institusi pendidikan, perlindungan dan kebajikan. Antara institusi tersebut ialah Institut Kemahiran Baitulmal, Institut Profesional Baitulmal, Sekolah Menengah Agama MAIWP, Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz, Pondok Moden Al-Abaqirah, Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI, Darul Kifayah, Dar Assaadah dan Darul Hidayah. Yang Berhormat Dato' Suhaimi Abdullah juga mencadangkan supaya bantuan zakat boleh diberikan kepada persatuan-persatuan yang berkaitan dengan pemulihan dadah sebagai agihan ar-riqab.

■1550

Secara umumnya, maksud Asnaf al-Riqab mengikut tradisi definisi ulama terdahulu ialah golongan hamba. Namun kajian terperinci perlu dilakukan sama ada definisi ini boleh diperluaskan kepada golongan yang lain termasuk golongan yang terbelenggu dengan penagihan dadah. Bagi memastikan definisi Riqab tidak tersasar daripada hukum syarak, setiap kes dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri, dalam konteks wilayah ialah Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan.

Berkaitan amalan agihan zakat kepada Asnaf al-Riqab di negeri Selangor, ia adalah merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 14 Jun 2011 yang memutuskan golongan penerima agihan Asnaf Al-Riqab adalah termasuk mereka yang terbelenggu dengan dadah, penagih dadah dan bekas penagih dadah. Bagi Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sememangnya menggunakan peruntukan zakat untuk membantu persatuan pertubuhan yang terlibat dalam usaha menangani isu dadah. Selama ini, MAWIP menggunakan asnaf *fisabilillah* bagi tujuan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri khususnya agensi-agensi yang berkaitan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri.

3.51 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:
Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Senator Ahli Dewan Negara yang telah membangkitkan isu-isu di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi agensi-agensi di bawah seliaan saya semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 di Dewan pada minggu ini. Saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, cadangan, dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. *Insya-Allah*, semua perkara yang dibangkitkan akan saya berikan maklum balas sebentar lagi.

Di samping itu Yang Berhormat Tuan yang Dipertua, saya juga akan turut menggulung bagi pihak rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam bidang ekonomi iaitu Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan telah membangkitkan beberapa pertanyaan berhubung kemudahan dan *standard operating procedures*, dengan izin. Untuk pengguna golongan orang kurang upaya (OKU) dalam perkhidmatan ETS dan komuter yang disediakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Pertanyaan pertama yang diajukan oleh beliau adalah sama ada semua stesen kereta api bagi perkhidmatan ETS, sektor KL Sentral ke Padang Besar dilengkapi dengan kemudahan yang mesra OKU. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 43 buah stesen di laluan KL Sentral – Padang Besar. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa kesemua stesen di laluan ini mempunyai kemudahan mesra OKU.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi ingin mengetahui adakah KTMB mempunyai SOP bagi membantu atau mengendalikan penumpang OKU daripada fasa pembelian tiket sehingga mereka tiba di destinasi akhir. Untuk makluman, KTMB memang mempunyai prosedur SOP tersendiri bagi pengendalian penumpang, bungkus dan kargo untuk setiap perkhidmatan KTMB. Melalui SOP tersebut, kakitangan KTMB dilatih untuk membantu dan memberi perhatian kepada penumpang OKU bermula dari kaunter tiket semasa bertugas di dalam tren sehingga penumpang tiba ke destinasi. Kerani kaunter, polis bantuan dan kru tren yang lain sedia memberikan khidmat terbaik kepada penumpang OKU sekiranya diperlukan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, KTMB pula telah menyedia kemudahan *E-Ticket* yang mana penumpang OKU tidak perlu ke kaunter untuk membeli tiket dan boleh terus membeli tiket secara atas talian ataupun *online*. Pada masa yang sama, pihak KTMB juga lebih mudah

memantau dan seterusnya membantu penumpang OKU sekiranya pembelian tiket dibeli lebih awal secara *online*.

Menyentuh isu berhubung SOP ini juga, Yang Berhormat ingin mengetahui apakah SOP bagi pemindahan penumpang OKU semasa insiden yang membuatkan perkhidmatan KTMB tergendala, sebagai contoh apabila membabitkan insiden kereta api tergelincir. Untuk makluman, KTMB mempunyai SOP bagi pengendalian penumpang dalam keadaan biasa ataupun semasa berlakunya gangguan kepada perjalanan tren yang menyebabkan perkhidmatan tergendala. Semasa tren tergendala SOP *Emergency Responses Team* atau dikenali sebagai ERT akan diguna pakai. SOP tersebut akan menggariskan agar penumpang OKU akan diberi lebih perhatian dan dibantu dengan sedaya upaya oleh kru tren terlebih dahulu untuk dipindahkan dengan cara yang selamat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator juga telah berkongsikan pengalaman beliau sendiri menggunakan perkhidmatan ETS KL-Ipooh dan kenalan beliau yang juga OKU yang menggunakan perkhidmatan Komuter KL-Rawang. Ini dimaklumkan di sini bahawa tiada bantuan diberikan. Beliau ingin memaklumkan bahawa tiada bantuan diberikan oleh kakitangan KTMB sepanjang mereka menggunakan perkhidmatan tersebut. Untuk makluman Dewan ini, kakitangan barisan hadapan ataupun *front liners*, dengan izin, KTMB telah dilengkapi dengan latihan untuk mengendalikan penumpang biasa, warga emas, ibu mengandung, mahupun golongan OKU melalui Program Budaya Menyantuni Tetamu atau BMT. Program ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan prestasi setiap kakitangan barisan hadapan di tahap yang terbaik dan sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Mungkin pada masa Yang Berhormat memerlukan bantuan pada hari itu, *front liners* ini berada di tempat lain. Jadi mereka terpaksa mengendalikan banyak tugas. Mungkin di tempat yang diperlukan itu mereka tidak ada. Jadi itulah keadaannya Yang Berhormat ya, tetapi kalau memerlukan bantuan boleh dipohon. Saya hendak tambahkan di sini juga ada di kalangan OKU ini memang mereka suka berdikari, tidak mahu ditolong. Mereka hendak menunjukkan mereka memang orang yang mampu untuk berdikari.

Seterusnya Yang Berhormat, saya hendak menjawab daripada Unit Perancangan Ekonomi, daripada Yang Berhormat Datuk Rahman Dahlan iaitu di mana Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid, ada di sini, ya? Beliau semasa membahaskan Bajet 2017 telah mencadangkan supaya kerajaan membantu golongan B40 bagi mendapatkan peluang perniagaan dan ditubuhkan badan ataupun agensi tertentu untuk membantu golongan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui pelbagai agensi dan kementerian telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif pembangunan dan keusahawanan bagi meningkatkan pendapatan rakyat terutamanya bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40% rendah atau B40 ini. Tumpuan diberikan untuk meningkatkan peluang dan penyertaan kumpulan tersebut dalam aktiviti ekonomi agar mereka lebih berdaya saing atau berdaya tahan dan mampu bersaing dalam pasaran yang lebih luas dan kompetitif.

Antara inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu golongan B40 mendapatkan peluang perniagaan adalah dengan:

- (i) meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu melalui pembiayaan mikro, latihan keusahawanan dan promosi serta penyediaan premis atau ruang perniagaan dengan kerjasama agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi membantu usahawan mikro dan kecil di bandar dan luar bandar;
- (ii) meningkatkan peluang pendidikan dan latihan kemahiran melalui pelbagai program pendidikan dan latihan kemahiran dan vokasional (TEVT) seperti kolej vokasional, kolej komuniti, Giat Mara dan sebagainya. Ini termasuk di bawah inisiatif program pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi permintaan pasaran;
- (iii) meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden yang berasaskan kepada teknik pertanian moden dan amalan pertanian baik;

■1600

- (iv) memperluaskan akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial bagi memperkuatkkan keterhubungan dan merancakkan aktiviti ekonomi;
- (v) merangsangkan pertumbuhan ekonomi dengan membawa masuk pelaburan ke wilayah pembangunan dan kawasan luar bandar bagi mewujudkan peluang keusahawanan yang lebih luas; dan
- (vi) memperkuatkkan program perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif bagi menyokong pembangunan perusahaan mikro kecil supaya lebih berdaya tahan dalam mengharungi cabaran dan krisis ekonomi, bencana dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Pelaksanaan inisiatif tersebut turut dipantau oleh Majlis Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan ataupun MPPK bagi memastikan aktiviti pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS termasuk perusahaan mikro dan kecil terus diperhebatkan bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara yang mampan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, tiada keperluan untuk mewujudkan agensi mahupun badan khusus memandangkan MPPK telah pun diwujudkan bagi membantu PKS termasuklah golongan B40.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim juga mencadangkan supaya taburan peruntukan dan pembangunan dibuat secara setara di negeri Perak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri ataupun EPU JPM ini semasa mempertimbangkan projek untuk dilaksanakan oleh setiap kementerian setiap tahun akan mengambil kira keutamaan kementerian dan agensi selaras dengan teras dan bidang fokus utama yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Di samping itu, EPU juga mengambil kira keseimbangan antara negeri dan daerah dalam memperakukan cadangan projek yang dikemukakan oleh kementerian termasuklah bagi negeri Perak.

Bagi memastikan keutamaan kerajaan negeri diambil kira bagi setiap *Rolling Plan*, dengan izin, dan taburan peruntukan pembangunan adalah setara, kerajaan negeri diminta mengadakan perbincangan yang lebih aktif dengan kementerian dan agensi terlibat sebelum kementerian mengemukakan permohonan projek kepada EPU untuk pertimbangan. Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim juga mencadangkan supaya ekonomi berasaskan rakyat ataupun *people economy* diberikan keutamaan oleh kerajaan berbanding *capital economy*, dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada ekonomi berasaskan rakyat ataupun *people economy* dengan izin, dalam agenda pembangunan negara. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu dari tahun 2016 ke tahun 2020 yang digubal oleh kerajaan telah diberi tema, '*Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat*'.

Ia mengukuhkan komitmen kerajaan untuk meneruskan usaha dalam meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat bagi memastikan aspirasi kerajaan ke arah negara maju dan inklusif serta memenuhi harapan segenap lapisan rakyat di negara ini. Selain daripada enam buah teras strategi dan enam bentuk pemacu perubahan, Rancangan Malaysia Ke-11

yang lebih menjurus kepada peningkatan kesejahteraan rakyat, buat pertama kalinya sasaran pertumbuhan negara bukan sahaja akan diukur berdasarkan pertumbuhan ekonomi dan pendapatan per kapita tetapi juga mengambil kira pendapatan isi rumah dan indeks kesejahteraan rakyat. Ini bertujuan untuk menilai impak pertumbuhan ekonomi terhadap kesejahteraan rakyat.

Di samping itu di dalam Bajet 2017, pelbagai inisiatif telah diumumkan oleh kerajaan yang berkaitan dengan ekonomi berasaskan rakyat termasuklah:

- (i) menjana pendapatan rakyat melalui Program Keusahawanan Agropreneur, e-Usahawan dan e-Rezeki;
- (ii) meningkatkan modal insan termasuk memperkasakan program TVET;
- (iii) memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak dan pra sekolah;
- (iv) memperkasakan pembangunan wanita dan kesejahteraan keluarga;
- (v) menaikkan kadar Bantuan Rakyat 1Malaysia iaitu BR1M;
- (vi) memperkuuh sistem jaringan sosial;
- (vii) meningkatkan tahap kepenjagaan kesihatan dan pendidikan;
- (viii) meningkatkan pemilikan rumah;
- (ix) meneruskan penyediaan subsidi dan insentif kepada pesawah padi, pekebun kecil getah dan pemberian elaun sara hidup nelayan; dan
- (x) meningkatkan kebajikan Orang Asli dan peribumi Sabah dan Sarawak.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya banyak isu lain yang telah dibangkitkan tetapi telah dijawab di dalam Dewan yang mulia ini jadi dirasakan tidak perlu lagi diulang. Jadi dengan itu bagi pihak...

Puan Bathmavathi Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit penjelasan.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Okey.

Puan Bathmavathi Krishnan: Ada soalan-soalan yang saya telah utarakan yang belum diberi jawapan yakni di bawah SPAD di bawah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri juga iaitu nombor satu ialah masalah ruang antara platform dengan *train commuter* yang amat bahaya di mana kakitangan KTMB mengatakan mereka akan menggunakan *ramp* mudah alih untuk kemudahan kerusi roda untuk naik dari platform ke tren dan ini telah dijanjikan dan juga ditunjukkan kepada pihak NGO yang telah membawa masalah ini kepada mereka. Itu tidak digunakan.

Nombor dua, Bas RapidKL yang mesra OKU di Taman Maluri Cheras ke Kuala Lumpur Sentral dan juga Kepong ke Kuala Lumpur Sentral sudah tidak ada lagi. Saya hendak tanya mengapa ia dibatalkan dan juga *Van Rapid Mobiliti* yang telah memberi perkhidmatan kepada

OKU yang tidak dapat keluar dari rumah, yang tidak dapat menggunakan bas ataupun kemudahan pengangkutan awam, sekarang empat buah van yang telah disediakan di Lembah Klang itu, satu pun tak ada sekarang.

So saya hendak bertanya lagi, apakah telah terjadi kepada perkhidmatan ini? Jadi saya memang anggap dan bersetuju bahawa perkhidmatan kepada OKU ini sudah merosot. Perkhidmatan yang diberikan oleh SPAD dan juga *overall* dari Kementerian Pengangkutan. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita sedang mendapatkan laporan penuh daripada KTMB untuk perkara ini dan seperti yang saya nyatakan tadi, ada di kalangannya macam yang saya sebut daripada *front liners* tadi, ada di kalangan OKU yang seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator juga yang tidak mendapat bantuannya pada masa diperlukan tetapi kalau dimaklumkan, *insya Allah* mereka akan memberi bantuan tetapi oleh sebab pada masa yang sama ada di antara mereka berada di tempat lain, jadi mereka menjalankan tugas lain di kawasan yang sama tetapi di bahagian-bahagian yang lain.

Namun begitu, kita mengambil kira yang dipohon oleh Yang Berhormat tadi sebab kita sebenarnya telah memohon untuk mendapatkan laporan penuh daripada KTMB dan *insya Allah* untuk memberi kepada Yang Berhormat secara bertulis. Akan tetapi kalau tak ada, tanya lagi ya kalau tak ada yang bertulis diberi kepada Yang Berhormat ya tetapi kita telah memohon untuk mendapatkan jawapan secara bertulis, Yang Berhormat ya. Terima kasih. Kalau tak ada lagi, saya ucapkan terima kasih bagi pihak JPM iaitu daripada saya sendiri dan juga daripada Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan atas cadangan dan soalan-soalan serta komen-komen masing-masing semasa Yang Berhormat Senator semua membahaskan bajet. Sekian, terima kasih. Saya hendak ucapkan Selamat Tahun Barulah kepada semua, *Merry Christmas* juga sekiranya mereka yang raikan Krismas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri telah menyampaikan jawapan dengan secara baik dan teratur dan sekarang saya hendak pergi kepada nombor 3 iaitu kepada Yang Berhormat Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun. Dipersilakan.

4.09 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan yang telah

membangkitkan isu berkaitan dengan hal ehwal pengambilan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ataupun SPA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) semasa perbahasan Bajet 2017 pada 8 Disember tahun ini.

■1610

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan dasar memperuntukkan satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya (OKU) yang meliputi pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa. Dalam hal ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sentiasa menggalakkan dan menyarankan kementerian atau jabatan atau pentadbiran kerajaan negeri yang berada di bawah bidang kuasanya agar meningkatkan peluang golongan OKU mengisi kekosongan jawatan di agensi masing-masing.

Jawatan-jawatan yang tidak memerlukan syarat-syarat fizikal boleh dipertimbangkan untuk diisi oleh golongan OKU yang berkelayakan memandangkan mereka juga boleh melakukan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan sebagaimana rakan-rakan normal yang lain. Ini bagi memastikan golongan OKU dapat peluang yang adil dan saksama dan seterusnya memastikan dasar pelantikan satu peratus OKU dapat dilaksanakan sepenuhnya. Bagi mencapai hasrat ini, SPA telah mengambil langkah proaktif dalam pengambilan calon OKU dengan hanya menetapkan tapisan yang minimum iaitu mana-mana calon OKU yang memenuhi syarat skim perkhidmatan akan terus dipanggil temu duga bagi jawatan-jawatan yang tidak melibatkan urusan peperiksaan dan *assessment center*.

Bagi jawatan yang melibatkan urusan peperiksaan dan *assessment center*, calon OKU selain kurang upaya penglihatan masih perlu menduduki peperiksaan dan menghadiri *assessment center*. Manakala bagi calon OKU kurang upaya penglihatan yang melepas tapisan, akan terus dipanggil temu duga. Pertimbangan khas juga diberikan kepada calon OKU apabila calon-calon mencapai tahap kelayakan yang sama dengan calon-calon normal yang mana keutamaan akan diberi kepada calon-calon OKU yang sesuai menjalankan tugas mengikut jawatan yang dipohon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelantikan calon OKU melalui SPA bagi tahun 2016 sehingga Oktober adalah seramai 37 orang daripada sejumlah 161 orang calon OKU yang hadir temu duga. Bilangan pelantikan mengikut pecahan kategori ketidakupayaan ialah kurang upaya fizikal seramai 31 orang, kurang upaya pelbagai seramai 2 orang, kurang upaya pendengaran seramai 2 orang dan kurang upaya penglihatan seramai 2 orang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tawaran peluang-peluang pekerjaan pada graduan OKU dalam profesi perguruan, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sentiasa membuka peluang kepada graduan OKU untuk berkhidmat dalam bidang perguruan tertakluk kepada mereka yang memenuhi syarat skim perkhidmatan yang ditetapkan oleh JPA. Graduan OKU yang berminat boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian di portal Jobs Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini bagi permohonan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ataupun guru yang dilaksanakan oleh SPP adalah berdasarkan kepada calon-calon tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang dikeluarkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia dan universiti awam. Bagi maksud tersebut, SPP akan melaksanakan urusan temu duga dan pelantikan kepada mana-mana calon yang memenuhi kehendak jawatan dan tertakluk kepada unjuran kekosongan jawatan yang dimaklumkan oleh pihak KPM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga November 2016, SPP telah menawarkan pelantikan sebagai guru kepada 12 orang calon OKU yang berjaya di dalam temu duga yang telah diadakan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan data dari JPA, bagi tahun 2016 iaitu sehingga bulan Jun, pengisian OKU di pelbagai kementerian, jabatan dan pejabat setiausaha kerajaan negeri adalah seramai 3,446 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 5 orang di bawah kumpulan pengurusan tertinggi, 900 orang di bawah kumpulan pengurusan dan profesional dan 2,541 orang di bawah kumpulan pelaksana. Pecahan mengikut kategori ketidakupayaan pula ialah kurang upaya fizikal seramai 1,621 orang, kurang upaya mental seramai 25 orang, kurang upaya pelbagai seramai 770 orang, kurang upaya pendengaran seramai 276 orang, kurang upaya penglihatan seramai 677 orang, kurang upaya pertuturan seramai 36 orang dan masalah pembelajaran seramai 41 orang.

Akhir sekali, sukacita saya hendak nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pihak kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memastikan golongan OKU di negara ini sentiasa terbela khususnya yang melibatkan pekerjaan dalam perkhidmatan awam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu anak Belaun. Terima kasih banyak.

Sekarang yang ke-4, saya jemput Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Yang Berhormat Menteri, silakan.

4.17 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:

Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor, Yang Berhormat Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili dan Yang Berhormat Datuk Jamilah Sulaiman kerana prihatin atas isu-isu keselamatan di Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) di mana Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri bertanyakan mengenai peruntukan yang telah dibelanjakan untuk memperkuatkannya ESSCOM di Lahad Datu walaupun ESSCOM telah memiliki peruntukan yang banyak, namun demikian penculikan masih lagi berlaku.

Oleh itu Yang Berhormat mencadangkan agar ESSCOM mengambil langkah-langkah *offensive* berbandingkan *defensive* dalam menangani isu penculikan di ESSZONE. Yang Berhormat Dr. Zaiedi membangkitkan isu keselamatan di kawasan ESSZONE yang perlu diberi perhatian. Yang Berhormat Datuk Jamilah membangkitkan isu kehadiran PATI punca kepada berlakunya penculikan. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul mencadangkan seperti aset-aset seperti helikopter diletakkan di kawasan ESSCOM agar *response time* lebih pantas.

Tuan Yang di-Pertua, ESSCOM telah ditubuhkan pada 1 April 2013 selepas insiden pencerobohan di Lahad Datu. Penubuhan ESSCOM pada ketika itu menggunakan peruntukan darurat yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan sejumlah RM3.5 juta untuk peruntukan mengurus, manakala peruntukan pembangunan sebanyak RM2.4 juta. Seterusnya pada tahun 2014, ESSCOM telah diluluskan sebanyak RM7.5 juta bagi tujuan peruntukan mengurus untuk perbelanjaan operasi ESSCOM, manakala RM7.5 juta lagi adalah untuk tujuan peruntukan pembangunan.

Jumlah bajet ini terus meningkat ke RM17 juta bagi perbelanjaan dan mengurus, RM61 juta bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2015. Manakala pada tahun 2016, kerajaan telah memperuntukkan kepada ESSCOM sebanyak RM125.6 juta, manakala RM21.4 juta digunakan untuk perbelanjaan mengurus. Secara keseluruhannya jumlah peruntukan mengurus ESSCOM yang telah diberikan sejak penubuhannya ialah sebanyak RM49.4 juta bagi belanja mengurus dan RM175.1 juta bagi peruntukan pembangunan.

Saya berterima kasih atas cadangan yang dikemukakan agar ESSCOM mengambil langkah *offensive* berbandingkan *defensive* memandangkan Presiden Filipina telah pun memberikan kelonggaran untuk melaksanakan *hot pursue* bagi menjelaki kumpulan '*Kidnap For Ransom*' yang bersembunyi di Kepulauan Selatan Filipina.

■1620

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhan ESSCOM dan langkah Kerajaan Malaysia mengehadkan sistem *butter*, penyeludupan barang-barang termasuk barang-barang bersubsidi semakin berkurangan di Selatan Filipina. Ekonomi penduduk di sana semakin mengecil dan membawa kepada tekan hidup.

Tekanan hidup ini telah menyebabkan para penculik mencari apa sahaja peluang untuk meneruskan hidup termasuk melakukan jenayah merompak dan penculikan. Memandangkan kawalan ketat yang dilakukan oleh ESSCOM, penculik tidak berupaya melakukan penculikan ke atas golongan peniaga ataupun orang kaya. Sebaliknya mengambil apa sahaja peluang yang ada semata-mata untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Selain mengadakan rondaan dan kawalan, ESSCOM sentiasa bekerjasama dengan pihak nelayan untuk membuat penyamaran dan memantau aktiviti nelayan serta memberikan perlindungan keselamatan kepada mereka. Hasilnya ESSCOM telah berjaya menangkap dan menembak mati penculik di perairan Pulau Gaya Semporna pada 8 Disember 2016 yang lalu. Dengan kejadian ini, ESSCOM akan terus memperbanyak aktiviti-aktiviti penyamaran seperti berikut.

Sementara itu, kerajaan mengadakan kerjasama tiga hala dengan Kerajaan Filipina dan Kerajaan Indonesia dalam menangani isu keselamatan di ketiga-tiga negara. Melalui rundingan tersebut, ketiga-tiga negara bersetuju:

- (i) perkongsian maklumat serta memperkuuhkan kerjasama perisikan di antara negara;
- (ii) mengadakan rondaan terkoordinasi maritim dan kita pernah mengadakan rondaan bersama dengan Indonesia; dan
- (iii) mengadakan pengawasan udara bersepada.

Tuan Yang di-Pertua, *Standard Operating Procedure (SOP)* pelaksanaan *Maritime Patrol and Rendering Immediate Assistance* telah dimuktamadkan dalam mesyuarat di Manila pada 23 November yang lalu. ESSCOM telah merangkakan SOP untuk mempermudah arah gerak aset dan logistik di kawasan ESSZONE.

SOP tersebut merupakan inisiatif baru yang dirangka untuk meningkatkan koordinasi di antara agensi pasukan keselamatan yang terlibat. Dengan adanya SOP itu, pergerakan aset dan logistik akan lebih teratur dan lebih sistematik selain tindak cepat dapat disalurkan sekiranya berlaku penculikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili mencadangkan agar isu keselamatan kawasan ESSZONE perlu diambil perhatian kerana

walaupun rondaan demi rondaan dilakukan tetapi kes rompakan, penculikan di laut masih berleluasa. Ahli Yang Berhormat, ESSCOM telah membuat kawalan dan menyekat kemasukan sebarang kapal yang keluar masuk di perairan negara bertujuan untuk mengurangkan penyeludupan.

Sekatan ini telah menyebabkan kesempitan hidup di Selatan Filipina dan akhirnya mereka terpaksa melakukan penculikan dan rompakan di Sabah. Itu sebablah kita lihat penculikan masih berlaku. Walau bagaimanapun beberapa tindakan ofensif yang dibuat baru-baru ini akan membolehkan kita mengurangkan dan kalau boleh menghapuskan jenayah rentas sempadan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga mengambil maklum atas peningkatan kes penculikan yang berlaku pada tahun 2016. Sebanyak sembilan kes penculikan telah direkodkan berlaku pada tahun ini di kawasan ESSZONE. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui ESSCOM telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menangkis pelbagai cubaan penculikan agar tidak berlaku. Hasilnya sebanyak enam kes penculikan telah berjaya dipatahkan pada tahun ini termasuk kes terbaru pada 8 Disember yang lepas.

Selain daripada itu, langkah ofensif daripada pasukan keselamatan seperti saya jelaskan di atas, pengurusan tertinggi ESSCOM telah mengadakan sesi dialog bersama dengan pengusaha perikanan dan pemilik-pemilik tongkang daerah Sandakan pada awal Disember tahun ini bagi membincangkan isu-isu keselamatan di perairan Pantai Timur Sabah.

Melalui sesi dialog tersebut, pasukan keselamatan ESSCOM telah menggesa agar krew-krew kapal atau nelayan agar mengambil langkah segera sekiranya mereka mendapati bot mencurigakan mendekati mereka. Antara langkah-langkah segera yang dicadangkan oleh ESSCOM kepada mereka adalah seperti berikut:

- (i) bergerak ke *safety point* sekiranya berlaku rompakan atau penculikan. *Safety points* ini akan ditetapkan mengikut kesesuaian lokasi penempatan dan juga logistik pasukan keselamatan;
- (ii) menyarankan pemasangan *Automatic Identification System (AIS)* di kapal-kapal juga bot-bot;
- (iii) menggunakan alat komunikasi perhubungan terkoordinasi dalam kalangan nelayan dengan pasukan keselamatan untuk memudahkan komunikasi perhubungan sekiranya berlaku insiden penculikan; dan
- (iv) memperkenalkan kawalan keselamatan oleh pasukan keselamatan secara *zoning*. Krew kapal atau nelayan akan memaklumkan lokasi penangkapan ikan kepada PUSOP ESSCOM dan setiap zon tersebut

akan diatur gerak, *troop* dan juga aset bagi memantau kegiatan penangkapan ikan dapat dilakukan dalam keadaan selamat.

Sesi dialog tersebut merupakan inisiatif ESSCOM untuk menyampaikan informasi terkini selain mengalu-alukan cadangan, input serta bantuan kepada masyarakat setempat untuk melaporkan apa-apa kejadian yang meragukan pada Pusat Operasi ESSCOM (PUSOP) bagi memudahkan tugas-tugas pemantauan dan pencegahan penculikan oleh pasukan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman pula membangkitkan isu penculikan ini berpunca daripada kebanjiran PATI dan rakyat asing di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin dengan isu lambakan pendatang asing atau PATI di negeri Sabah. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat semasa perbahasan, ESSCOM sememangnya sudah lama mengaplikasikan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan ataupun NBOS untuk menangani isu PATI di Sabah. ESSCOM dengan kerjasama semua agensi keselamatan dan penguatkuasaan seperti ATM, polis, APMM, Imigresen, Jabatan Pendaftaran, Kastam dan lain-lain agensi penguatkuasaan telah melaksanakan operasi bersepada OB dan Operasi Gabungan Semua Agensi Kerajaan ataupun GASAK di Pantai Timur Sabah.

Hasil daripada operasi ini, ESSCOM dan pihak keselamatan dan penguat kuasa telah menahan sebilangan besar daripada PATI yang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah bersama barang-barang seludup bersubsidi.

Setakat ini ESSCOM telah melaksanakan sebanyak 4,287 kali Ops Bersepada dan lapan kali Ops Gasak di seluruh Pantai Timur Sabah sehingga 2 November 2016. Seramai 47,935 orang pendatang diperiksa dan 4,896 orang ditangkap semasa Operasi Bersepada manakala 5,635 orang pendatang diperiksa dan 727 orang PATI ditangkap semasa Ops Gasak di bawah Akta Imigresen.

Selain daripada itu, Ops Bersepada dan juga Ops Gasak ini dijalankan di kawasan tertentu berdasarkan maklumat risikan serta laporan dan aduan yang diterima oleh ESSCOM melalui rakyat. Maklumat-maklumat ini digunakan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang dipenuhi dengan PATI.

Pendekatan *Hanruh* iaitu konsep yang berteraskan bertanggungjawab mempertahankan negara tidak hanya tertakluk kepada ATM atau pasukan keselamatan semata-mata tetapi tanggungjawab bersama agensi dan juga rakyat jelata.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul juga mencadangkan agar aset seperti helikopter diletakkan di kawasan ESSCOM agar *response time* lebih pantas. Aset ini memang telah ada dan di antaranya ialah aset daripada APMM yang diletakkan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan; Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid; dan Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim kerana prihatin ke atas isu-isu keselamatan negara di mana Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan memohon pihak berkuasa menyatakan langkah-langkah yang dibuat bagi mengembalikan semula keyakinan rakyat ke atas kawalan keselamatan di sempadan negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan juga ingin mengetahui adakah cadangan atau perancangan untuk membina pagar keselamatan di sepanjang sempadan antara Malaysia dan Thailand? Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai satu isu iaitu di Wang Kelian di mana dikatakan terdapat satu kumpulan yang memberikan kad UNHCR. Pengguna kad UNHCR ini dikatakan tidak boleh ditangkap oleh pihak polis.

Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid mencadangkan kepada kerajaan supaya orang Rohingya diberi bantuan bukan atas dasar keagamaan semata-mata tetapi lebih penting kepada hak asasi manusia. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan supaya piagam UNHCR dipinda supaya kerajaan boleh memberikan kebenaran sementara untuk mereka berniaga atau mencari pekerjaan yang halal dan selepas itu mereka pulang ke negara asal atau negara yang ketiga.

■1630

Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim ingin tahu adakah benar terdapat agensi yang menjual kad UNHCR dan apakah perbelanjaan kerajaan untuk pelarian dalam tahanan serta kaedah inisiatif untuk mengurangkan kos perbelanjaan pelarian dalam tahanan. Pertama sekali saya hendak jawab secara umumnya Yang Berhormat. UNHCR ini, kerajaan telah mengenal pasti. Ini saya hendak beritahu bahawa masalah ini kerajaan kenal pasti. Antara masalahnya ialah UNHCR ini pejabatnya berada di Kuala Lumpur.

Adakah kehadiran pejabat ini sah atau tidak sah sebab kita tahu bahawa kehadiran UNHCR ini adalah daripada jemputan kerajaan melalui Menteri Luar pada tahun 70-an dahulu untuk menyelesaikan masalah *boat people* daripada Indo-China. Ejaan yang dibuat pada masa tersebut ialah Indo-China, *boat people*. Kita tahu bahawa *boat people*, keluarga yang terakhir

telah pun diselesaikan pada tahun 1991. Saya kurang pasti tentang kehadiran pejabat mereka di Kuala Lumpur. Pejabat UNHCR ini berada di Jalan Bellamy di Kuala Lumpur.

Jadi sekarang ini mereka memproses pelarian, orang-orang yang perlu diberi perlindungan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Oleh sebab pejabat ini berada di Kuala Lumpur, jadi bila orang itu bergerak di tanah air ini apakah status mereka. Kalau mereka berjumpa dengan penguat kuasa pada masa tersebut sebelum sampai ke pejabat UNHCR, sudah pasti mereka ditangkap sebagai orang yang menceroboh masuk ke negara ini sebab ramai daripada mereka yang hadir di pejabat UNHCR itu tidak mempunyai apa-apa dokumen. Akan tetapi setelah benda ini dibincangkan dengan panjang lebar, maka UNHCR sekarang ini memproses kad lebih kepada mereka yang berada di depoh imigresen. Selepas itu depot imigresen akan menyerahkan kepada UNHCR.

UNHCR akan mengambil orang ini dan mengeluarkan kad UNHCR. UNHCR ini Malaysia bukan ahli, yang jadi ahli ialah *Cambodia* dan *Philippines* tetapi UNHCR, bila mereka memberi perlindungan kepada orang-orang pelarian ini, mereka memberi tempat tinggal dan makanan. Akan tetapi dalam kes di Malaysia, kita tahu kita tidak ada kem ataupun kem orang pelarian di Malaysia. Jadi di mana UNHCR meletak, tempatkan orang-orang ini? Orang-orang ini bila diberi kepada UNHCR, saya dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Imigresen mereka akan menyerahkan kepada UNHCR.

Saya kata kalau diserahkan kepada UNHCR, UNHCR letak orang ini di mana. Sudah pasti mereka ini masuk dalam pasaran pekerjaan Malaysia dan mereka ini melakukan pekerjaan yang tidak dibenarkan di Malaysia termasuklah penerokaan tanah haram yang kita sebut baru-baru ini di Cameron Highlands, di Rompin dan sebagainya.

Kemudian, sekarang ini berlaku apa Yang Berhormat menyebutkan, berlaku satu keadaan di mana kad UNHCR ini dikeluarkan secara palsu. Akan tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat yang bercakap ini, bagaimana Yang Berhormat tahu yang ini palsu, yang ini tidak palsu. UNHCR setelah kita berinteraksi dan memberitahu bahawa kad mereka telah ditiru, akhirnya mereka memaklumkan bahawa mereka akan mengeluarkan kad baru. Saya telah berjumpa mereka dalam bulan Julai, mereka kata dalam tiga bulan mereka akan mengeluarkan kad baru. Jadi saya tidak dapat maklumat sama ada kad baru telah dikeluarkan.

Akan tetapi kalau kad baru ini dikeluarkan, di mana mekanisme untuk mereka menghubungi orang yang telah dapat kad lama itu supaya dikeluarkan kad baru. Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat, apa beza kad palsu dengan kad UNHCR. Sudah pasti Yang Berhormat tidak boleh jawab sebab Yang Berhormat tidak tahu di antara palsu dengan tak palsu. Bukan Yang Berhormat sahaja tidak tahu, penguat kuasa pun tidak tahu di antara palsu dengan tidak

palsu. Jadi Yang Berhormat, kalau ikut jawapan pegawai di sini dia kata silalah membuat laporan kepada pihak polis. Pihak polis akan ambil tindakan, buka fail dan ambil tindakan. Akan tetapi tindakan hendak diambil di atas dasar apa? Saya berbincang panjang benda ini sekejap tadi. Saya kata di atas dasar apa? Yang patut *report* bahawa ada kad palsu ini ialah UNHCR. Mereka patut *report* pada polis bahawa terdapat kad palsu yang sedang beredar di seluruh negara.

Keduanya, mengapa kad dari Thailand, UNHCR Thailand, UNHCR Indonesia, *UNHCR Philippines* keluarkan kad UNHCR tetapi mereka datang ke sini dapat lagi kad UNHCR Malaysia. Ini saya hendak beritahu Yang Berhormat bercakap, yang rakyat Malaysia bercakap, kerajaan mengenal pasti masalah ini. Yang saya cerita kepada Yang Berhormat tadi ialah apa yang rakyat bercakap. Semua ini merupakan satu masalah yang kerajaan telah pun kenal pasti apa yang telah dicakapkan dan kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Itu jawapannya.

Jadi kalau Yang Berhormat kata, kalau saya hendak jawab mengikut apa yang ditulis di sini ialah saya pun kurang bersetuju kerana siapakah boleh tentukan kepada saya bahawa kad ini palsu atau tidak palsu. Memang terdapat penyamaran yang dibuat oleh pemberita-pemberita semasa Dewan Rakyat dan juga pegawai-pegawai pejabat saya yang membuat penyamaran membeli kad ini di beberapa buah tempat di Kuala Lumpur ini dan mereka telah berjaya mendapatkan kad. Nama mereka pun telah diubah menjadi nama seperti Ghulam, nama macam-macam.

Jadi mereka telah membeli kad itu dalam pasaran. Jadi orang-orang yang menjual kad itu tidak peduli dah bahawa yang datang sebenarnya orang Malaysia yang sedang membuat penyamaran, dia jual kad itu dengan harga yang murah. Ada yang RM50, ada yang RM100, RM200 dan lain-lain lagi. Walaupun kita tahu bahawa kad ini memang mempunyai nilai pada masa yang lepas. Jadi saya harap saya menjawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara ini. Saya beritahu bahawa semua masalah yang ada dalam kepala Yang Berhormat, kerajaan telah mengenal pasti dan kerajaan sedang menyelesaiannya.

Berhubung dengan orang-orang Rohingya Yang Berhormat, saya hendak beritahu bahawa polisi kerajaan tidak berubah. Kalau mereka telah masuk ke kawasan Malaysia, mereka akan diberi perlindungan, makan, minum dan sebagainya. Kita menentang habis-habisan perbuatan durjana rejim yang berkenaan membunuh, merogol, menzalimi orang yang mereka anggap bukan rakyat mereka. Jadi mereka pun- jadi kalau hendak kira-kira itu, di sini kita ada senarai orang Rohingya, senarai orang-orang Islam, senarai orang-orang Chin dan juga orang-orang yang bukan Rohingya yang telah pun dikeluarkan kad oleh UNHCR. Yang

datang dari Myanmar, UNHCR bukan sahaja keluarkan kad kepada orang Rohingya tetapi kepada bukan Rohingya.

Mereka juga berada di sini, tidak pula Malaysia melakukan kezaliman kepada mereka. Sebaliknya kalau mereka berada di sempadan, di laut sana, saya dah pesan kepada APMM sediakan makanan segera untuk membolehkan kita selamatkan bot yang hanyut yang telah dikejar di perairan antarabangsa oleh pihak-pihak yang lain. Akan tetapi saya hendak beritahu, Malaysia bukanlah memanggil pula orang datang, silalah datang ke Malaysia, tidak. Akan tetapi kalau mereka sudah termasuk ke perairan Malaysia, kita tidak akan menghantar ke perairan antarabangsa. Sebaliknya kita akan memberi perlindungan kepada mereka termasuklah tempat dan makan.

Jadi inilah usaha-usaha yang kita ambil untuk memastikan supaya orang-orang Rohingya yang dizalimi ini diberi pembelaan yang sewajarnya. Kurungan pagar Yang Berhormat, pihak kerajaan sekarang- pagar kita panjang, kawasan sempadan kita panjang. Kerajaan sedang meneliti sebab pagar yang dibina sekarang ini ada berlaku kerosakan dan sebagainya. Pagar ini telah pun dibina dalam jangka masa yang begitu lama. Untuk membolehkan pagar ini dilaksanakan, memang kerajaan sedang memberi perhatian kepada perkara ini. Kita kena melalui beberapa buah Jawatankuasa Bersama Malaysia-Thailand di bawah payung *General Border Committee (GBC)*, MALTHAI dan Jawatankuasa Persempadanan Malaysia-Thailand atau *Land Boundary Committee*, MALTHAI. Mekanisme pelaksanaan dibuat sama ada secara bersama dengan pihak Thailand ataupun secara unilateral.

■1640

Jadi saya harap saya telah menjawab berhubung dengan UNHCR dan juga APAGA dengan panjang lebar. Yang Berhormat nampaknya bergembira dengan jawapan tersebut, saya ucap terima kasih. Saya sudah agak mereka bergembira sebab mereka hanya bagi senyuman, tidak bertanyakan apa-apa lagi. Akan tetapi saya bagi tahu semua masalah mereka kerajaan sudah kenal pasti dan kita akan ambil tindakan sewajarnya.

Sekarang ialah berhubung dengan PR1MA. Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han. Yang Berhormat masih berada di Parlimen? Tadi Tuan Yang di-Pertua arahkan siapa yang tidak ada tidak boleh jawab. Begitukah Yang Berhormat? Tadi Tuan Yang di-Pertua cakap, “*Siapa tidak ada dalam Dewan tidak payah jawab.*” Adakah saya hendak jawab? Akan tetapi saya ingat PR1MA boleh jawablah sebab ini orang ramai ingin mengetahui PR1MA.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han yang telah memuji usaha kerajaan menangani isu perumahan. Yang Berhormat Senator menyatakan bahawa isu

perumahan pada masa ini bukanlah berkenaan dengan akses kepada pembayaran rumah tetapi lebih kepada kos yang tinggi. Yang Berhormat Senator membangkitkan kekurangan tanah dan permintaan rumah yang tinggi menyebabkan peningkatan harga rumah. Yang Berhormat Senator juga turut membangkitkan berkenaan dengan keperluan Tanah Persekutuan dan negeri di lokasi strategik dan penyediaan bekalan bank tanah kepada PR1MA untuk mengurangkan kos. Yang Berhormat Senator juga menyarankan supaya kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan GLC untuk menghasilkan pelan bersepadu bagi mengenal pasti tapak yang bersesuaian memenuhi permintaan rumah.

Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, yang pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat berhubung dengan keperluan tanah bagi pembangunan kediaman PR1MA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan berkaitan penyediaan tanah kerajaan di lokasi strategik kepada PR1MA dan GLC. Ia sedang diselaraskan oleh kementerian yang bertanggungjawab. Sekiranya Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mempunyai tanah yang bersesuaian untuk dibangunkan PR1MA mengalu-alukan cadangan tersebut dikemukakan untuk dikaji secara terperinci kesesuaianya. PR1MA akur bahawa hal ehwal tanah adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Sama seperti pemaju swasta yang lain, PR1MA juga masih tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Justeru PR1MA percaya dengan sokongan daripada kerajaan negeri dan PBT semestinya pelaksanaan pembangunan PR1MA dapat dilaksanakan dengan lancar.

PR1MA juga bersedia untuk bekerjasama dengan lebih erat bersama Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan GLC untuk merealisasikan mandatnya. Bagi menampung permintaan pemohon usaha sama dengan pemaju swasta juga sedang giat dilaksanakan untuk membangunkan kediaman PR1MA. Bergantung kepada lokasi pembangunan harga kediaman rumah PR1MA adalah berbeza mengikut kawasan. Namun ia lebih rendah berbanding dengan rumah pasaran dalam kawasan yang sama. Secara purata harga PR1MA 20 peratus lebih rendah berbanding dengan harga pasaran yang mempunyai spesifikasi yang sama.

Umum mengetahui bahawa harga kediaman PR1MA adalah di antara RM100,000 sehingga RM400,000. Namun majoriti kediaman PR1MA sebanyak 84 peratus adalah di bawah harga RM300,000 seunit dengan pecahan seperti berikut:

- (i) RM100,000 sehingga RM200,000 - 21 peratus; dan
- (ii) RM200,000 sehingga RM300,000 - 63 peratus.

Hanya segelintir kecil sahaja iaitu 16 peratus berharga lebih daripada RM300,000 iaitu projek yang terletak di bandar-bandar besar atau di kawasan-kawasan yang nilai harta tanah

seperti Lembah Klang, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Harga kompetitif ini diharap dapat mendorong pemaju swasta agar lebih berdaya saing untuk memenuhi permintaan pada harga rumah yang mampu dimiliki.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad mencadangkan agar gaji Pegawai APM dikaji semula kerana tidak berpatut dengan beban kerja yang dilakukan. Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita ada anggota tetap dalam APM dan kita ada anggota sukarela. Anggota tetap adalah tertakluk kepada Sistem Saraan Malaysia (SSM) 1 Januari 2012. Bagi pegawai-pegawai anggota lain mereka sukarelawan di Malaysia sama, tidak ada beza. Anggota lain kita bayar RM6 satu jam dan pegawai RM7.80. Ini sama untuk semua sukarelawan termasuklah RELA dan juga lain-lain lagi. Jadi walau bagaimanapun kalau sekiranya ditimbangkan kepada APM saya percaya pihak lain juga akan memohon perkara yang sama. Jadi berdasarkan kepada tugas dan tanggungjawab sukarelawan ini agak berat kita akan mempertimbangkannya dari semasa ke semasa. Sudah pasti kalau kita timbangkan untuk APM kita juga kena timbang untuk badan sukarela yang lain.

Yang Berhormat setakat itu dahulu. Saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bertanyakan perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya. Bagi soalan yang tidak dapat dijawab dalam Dewan ini saya akan menghantar jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Segala perkara yang telah saya sentuh tadi merupakan jawapan kepada yang telah dibincangkan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Terima kasih. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim menjawab dengan panjang lebar termasuk juga PR1MA itu sebab kita hendak dengar fasal PR1MA ini, fasal perumahan. Terima kasih Yang Berhormat memanjang lebarkan perkara PR1MA ini. Saya menjemput sekarang ini yang kelima ya dari Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim. Silakan.

4.46 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:
Bismillaahi Rahmani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menyambung perbahasan atau penggulungan peringkat Bajet Dewan Negara dan ingin mengucapkan semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas. Semua cadangan yang baik akan diambil kira dan akan

dipertimbangkan dan saya cuba untuk menjawab mana-mana yang boleh untuk kita kongsi dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim mencadangkan supaya diwujudkan dua jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat buat masa ini seorang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara adalah mencukupi jika nisbah jumlah hari dan masa persidangan bagi Dewan Negara dijadikan ukuran. Malahan Peraturan Mesyuarat Dewan Negara juga membenarkan Majlis Mesyuarat melantik sesiapa ahli lain untuk mempengerusikan Mesyuarat semasa ketidakhadiran Tuan Yang di-Pertua ataupun Timbalan Yang di-Pertua. Namun begitu jika ada keperluan untuk mewujudkan dua jawatan Timbalan Yang di-Pertua pihak kerajaan akan sentiasa menimbangkannya di masa akan datang.

Selain itu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim dan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad juga mencadangkan kerajaan memberi keutamaan supaya lebih ramai Ahli Dewan Negara dapat membuat lawatan rasmi ke luar negara.

Sememangnya kerajaan sentiasa bersetuju untuk meningkatkan jumlah tersebut. Namun begitu ia bergantung kepada keperluan dan juga aktiviti lawatan luar negara bersama dengan rakan-rakan daripada Dewan Rakyat. Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad mencadangkan supaya Kertas-kertas Statut yang diedarkan oleh Bentara dalam Dewan dibekalkan dalam bentuk CD. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dewan pada 7 Disember 2016 telah pun membincangkan perkara tersebut dan akan dilaksanakan setelah pindaan kepada peraturan mesyuarat dapat dibuat.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin mencadangkan supaya JPA dan agensi kerajaan membenarkan penjawat awam yang sedang melanjutkan pengajian Sarjana Muda Undang-undang (LLB) mendapat cuti belajar bergaji penuh selama setahun untuk *Chambering*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sentiasa atau sememangnya membiaya untuk pengajian sarjana bagi Pegawai Undang-undang dengan biasiswa penuh dan cuti belajar bergaji penuh. Namun begitu tidak timbul soal cuti bergaji untuk melaksanakan Latihan Dalam Kamar atau *Chambering* kerana ia adalah hanya untuk mereka yang berhasrat untuk berkhidmat sebagai peguam cara, peguam bela sahaja dan tidak melibatkan penjawat awam.

Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty mencadangkan supaya biasiswa diberikan kepada penjawat awam terutama kumpulan pelaksana untuk cuti belajar bergaji separuh gaji atau tanpa gaji.

Kerajaan sememangnya telah memberikan kemudahan biasiswa dengan gaji belajar penuh bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Namun begitu dalam pengumuman Bajet 2017 pada 21 Oktober yang lalu kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan kemudahan cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa kepada penjawat awam Kumpulan Pelaksana. Ini adalah diharapkan dapat memenuhi hasrat pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty yang turut mencadangkan supaya setiap penjawat awam mempunyai sekurang-kurangnya satu keping sijil pendidikan peringkat *Treasury*.

■1650

Suka saya nyatakan di sini juga, bagi membangunkan pelan latihan tenaga manusia yang komprehensif dan sesuai dengan keperluan tahap kompetensi perkhidmatan, terdapat juga Institut Latihan Awam yang menawarkan pengajian di peringkat *tertiary* iaitu diploma sebagai contoh terdapat 23 Kolej Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang menawarkan diploma dalam bidang separa perubatan seperti Diploma Kejururawatan, Diploma Kesihatan Persekutuan dan Diploma Juru X-ray. Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Harun membangkitkan beberapa isu pegawai-pegawai dalam bidang sains fizik yang seramai 189 orang.

Yang Berhormat Senator menyarankan agar lebih prihatin terhadap pegawai-pegawai ini dengan memperkasakan skim jawatan mereka selain mencadangkan agar mereka diberi kenaikan pangkat secara *time based* dengan elauan kepakaran. Yang Berhormat Senator juga menyarankan agar pertemuan dengan pegawai-pegawai ini bagi mengenal pasti masalah dan tuntutan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengkaji secara menyeluruh ke atas 252 skim perkhidmatan yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan, Bil. 1, Tahun 2016 yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016. Pelaksanaan ini turut melibatkan Skim Perkhidmatan Pegawai Sains yang merangkumi pindaan gaji minimum dan maksimum, pindaan gaji permulaan dan pemberian satu kenaikan gaji tahunan. Kerajaan mendapati skim perkhidmatan sedia ada masih relevan dan kajian pindaan skim perkhidmatan ini dibuat dari semasa ke semasa jika ada keperluan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun dalam perbahasan turut membangkitkan mengenai isu berkaitan pegawai-pegawai bukan dalam skim gunasama. Yang Berhormat Senator menyarankan supaya rombakan dan penstrukturkan semula perjawatan untuk skim-skim ini, khasnya untuk Gred 41 ke atas, di samping menyeru agar kerajaan memikirkan pendekatan baru untuk mengelakkan pegawai ini daripada meletak jawatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek kemajuan kerjaya pegawai perkhidmatan awam sentiasa diberi penekanan dalam proses penstrukturkan semula organisasi dan pengukuhan jawatan. Sehubungan dengan itu, mulai 1 April 2014 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melaksanakan kaedah memfleksikan jawatan di gred lantikan yakni Gred 41 dengan gred kenaikan pangkat berikutnya iaitu Gred 44 kepada semua skim perkhidmatan di seluruh perkhidmatan awam merangkumi agensi di perkhidmatan Persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan berkanun Persekutuan, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi mengiktiraf dan mengekalkan bakat terbaik dalam perkhidmatan awam serta mengelakkan pegawai yang berprestasi tinggi meletakkan jawatan, pihak JPA telah mengkaji laluan kerjaya pakar bidang khusus, dengan izin, *subject matter expert* bagi beberapa skim perkhidmatan bukan gunasama dan telah dilaksanakan di beberapa buah agensi sebagai perintis sebelum diperluaskan kepada seluruh perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad mencadangkan supaya kadar pencen Ahli Dewan Negara dikaji semula selaras dengan keadaan semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelarasan kadar pencen Ahli Dewan Negara telah dilakukan pada 1 Januari 2014 yang lalu di mana kadar pencen dua peratus setiap tahun sepanjang hayat telah dilaksanakan yang telah dapat memberi lebih banyak faedah berbanding kaedah cara lama iaitu berasaskan kenaikan pencen setiap kali berlakunya penyelarasan elauan Ahli Parlimen atau gaji anggota pentadbiran bagi Ahli Parlimen atau anggota pentadbiran yang sedang berkhidmat. Sebagai contoh, sehingga kini penerima pencen Ahli Dewan Negara telah menerima tiga kali penyelarasan dua peratus yang saya nyatakan tadi sejak ia dilaksanakan pada tahun 2014.

Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian mencadangkan supaya ditambah bilangan penjawat awam dari Sarawak bagi jawatan-jawatan tertinggi sektor awam seperti KSU, KP dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan penyertaan dan pengisian jawatan peringkat tertinggi dan strategik daripada kalangan anak watan Sarawak di negeri tersebut. Sehingga 30 September 2016, seramai sembilan orang pegawai daripada bumiputera Sarawak telah dilantik ke jawatan utama Persekutuan iaitu seorang Ketua Setiausaha, enam Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan, dua Timbalan Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Jabatan.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail meminta memohon penjelasan mengenai bajet RM85 juta yang diperuntukkan kepada PERMATA seperti yang

diumumkan dalam Bajet 2017 dan mencadangkan supaya PERMATA diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Butiran 010500 memperincikan peruntukan pengurusan untuk bahagian PERMATA iaitu sebanyak RM46.3 juta, manakala Butiran 30000 memperincikan peruntukan pembangunan PERMATA iaitu RM8.5 juta yang membawa kepada jumlah RM53.8 juta. Sejumlah RM12 juta untuk program-program *one-off*, manakala RM18 juta disediakan di bawah Butiran 021600 di bawah Kementerian Kewangan iaitu pemberian kemudahan projek khas untuk membiayai program PERMATA seperti Pusat Kecemerlangan *Top STEM Talents* di Akademi Sains Malaysia, perluasan Program PERMATA Pintar dan Bakat di Institut-institut Pendidikan Guru dan penubuhan Yayasan Pintar dan Berbakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian PERMATA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana peranan yang dimainkan oleh Bahagian PERMATA merangkumi beberapa kumpulan sasar seperti kanak-kanak, kanak-kanak autisme, remaja terpinggir, pelajar pintar dan berbakat.

Dimaklumkan juga, program yang dijalankan oleh Bahagian PERMATA kepada kumpulan sasar di atas telah dirancang dan dipastikan tidak bertindih dengan program teras yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Kementerian Belia dan Sukan walaupun dilaksanakan kepada kumpulan sasar yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Program PERMATA melaksanakan tujuh buah program iaitu PERMATA Negara, PERMATA Pintar, PERMATA Insan, PERMATA Seni Perkasa Remaja, PERMATA Kurnia dan Hospital Kanak-kanak PERMATA.

Program-program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan telah dipilih sebagai agensi pelaksana berdasarkan kepada kepakaran dan kesediaan agensi tersebut dalam membangun dan seterusnya memastikan program dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai objektif.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh hal berkaitan SPRM.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad membangkitkan isu mengenai rasuah di kalangan penjawat awam. Pertama, Yang Berhormat membangkitkan bilangan jabatan kerajaan, semua badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan, syarikat

pelaburan kerajaan dan institusi amanah milik kerajaan yang mempunyai pengurusan integriti dan program yang dibuat sepanjang tahun 2016.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 887 unit integriti telah ditubuhkan yang terdiri dari 25 kementerian dan 13 SUK Negeri sebagai agensi induk dan baki 849 buah agensi di bawah kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagi GLC, GIC, institusi amanah, SPRM telah menempatkan pegawai SPRM di sepuluh GLC. Fungsi teras yang diberikan kepada Unit Integriti di agensi awam adalah berhubung dengan pengukuhan integriti yang bertujuan untuk melaksanakan tindakan dan aktiviti yang bersesuaian. Penubuhan Unit Integriti merupakan usaha kawalan dalaman agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam fungsi teras iaitu:

- (i) tadbir urus;
- (ii) pengukuhan integriti;
- (iii) pengesanan dan pengesahan;
- (iv) pengurusan aduan;
- (v) pematuhan; dan
- (vi) tata tertib.

Berdasarkan statistik, aktiviti pengukuhan integriti bagi tahun 2015 oleh Unit Integriti sebanyak 918 aktiviti, manakala bagi Januari hingga Ogos tahun ini telah mencatatkan sebanyak 530 aktiviti. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti mewujudkan pelan integriti organisasi, ceramah, forum, ikrar, integriti dan seumpama dengannya.

Kedua, Yang Berhormat turut membangkitkan bilangan kes rasuah yang melibatkan penjawat awam, swasta, orang perseorangan yang terlibat dalam kes rasuah projek-projek pembangunan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga November 2016, SPRM telah membuka sebanyak 95 Kertas Siasatan yang melibatkan penjawat awam, swasta, orang perseorangan bagi kes rasuah projek-projek pembangunan kerajaan. Yang Berhormat terus bertanyakan juga tentang langkah intervensi menyekat ketirisan dan penyelewengan projek atau pengurusan nilai terbaik skim perolehan kerajaan.

Antara langkah intervensi kerajaan bagi mengatasi program ketirisan yang berlaku melalui gerakan pemantapan keutuhan sistem pembangunan pentadbiran kerajaan dengan menujuhkan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU). Objektif gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan ialah:

- (i) untuk mewujudkan pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam yang lebih cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang paling tinggi dengan mempertingkatkan amalan nilai-nilai murni;
- (ii) merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah-masalah dan kelemahan; dan
- (iii) mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu semasa berimpak tinggi;

Ketiga, pelaksanaan gerakan melibatkan satu Jawatankuasa utama dan satu pasukan perunding iaitu Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus melalui arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Nombor 1 Tahun 2014 dan kedua, Pasukan Khas Perunding JITU.

■1700

Sementara di peringkat kementerian, pelaksanaan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran dibuat melalui dua jawatankuasa iaitu:

- (i) Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus di peringkat kementerian; dan
- (ii) Jawatankuasa Kerja di peringkat kementerian.

Kementerian, jabatan atau kerajaan negeri perlu menubuhkan jawatankuasa masing-masing bagi memastikan ia berjalan. Arahan ini menetapkan supaya setiap jawatankuasa kementerian atau jabatan adalah dipimpin oleh menteri di kementerian masing-masing dan KSU bagi kementerian tersebut pengerusi bagi Jawatankuasa Kerja di kementerian tersebut.

Penubuhan JITU di peringkat kementerian membolehkan langkah-langkah pencegahan rasuah berdasarkan terma-terma rujukan dibuat secara dalaman dan holistik oleh kementerian itu sendiri dan akan dapat mencegah berlakunya ketirisan wang kerajaan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam.

Selain itu, SPRM memberi tumpuan kepada pengumpulan harta penjawat awam yang diperoleh melalui rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa terutamanya yang mengendalikan projek-projek kerajaan melalui aktiviti siasatan dan perisikan.

Pertama, memperkuatkkan elemen kawalan dalaman organisasi ke atas pelaksanaan projek-projek melalui pemeriksaan dan khidmat nasihat berkaitan amalan sistem dan tatacara kerja.

Kedua, melaksanakan bengkel, dengan izin, *Corruption Risk Management* bagi mengenal pasti risiko rasuah yang menghasilkan Pelan Tindakan Pencegahan Rasuah.

Ketiga, mengukuhkan integriti pegawai-pegawai melalui pelaksanaan program-program, dengan izin, *Corruption Integrity Pledge* (CIP) kepada jabatan, agensi, syarikat milik kerajaan atau swasta yang memberikan penekanan kepada lima prinsip pencegahan rasuah iaitu:

- (i) mempromosikan prinsip-prinsip ketelusan integriti dan tadbir urus korporat;
- (ii) memasukkan elemen-elemen pencegahan rasuah dalam memperkasa prosedur dalaman;
- (iii) mematuhi undang-undang pencegahan rasuah;
- (iv) membasmi semua bentuk rasuah; dan
- (v) menyokong inisiatif pencegahan rasuah yang diterajui oleh SPRM dan Kerajaan Malaysia.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang jumlah kes-kes rasuah yang didakwa serta jumlah aset atau wang yang disiasat dan dibekukan di bawah peruntukan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram.

Jumlah kes rasuah yang didakwa di bawah peruntukan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan (kes)
2014	1
2015	8
2016 (sehingga November)	5

Jumlah aset dan wang yang dibeku atau disita oleh SPRM di bawah peruntukan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dari tahun 2014 sehingga 30 November tahun ini adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM)
2014	19,316,518.44
2015	9,331,769.51
2016 (sehingga November)	157,314,532.43

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani meminta agar kita melancarkan perang habis-habisan terhadap rasuah di kalangan agensi penguat kuasa bagi menghapuskan penyeludupan, ketirisan dan sebagainya.

Sukacita saya nyatakan bahawa selaras dengan kewujudan sebagai entiti tunggal pencegahan rasuah di Malaysia, bidang kuasa perundangan SPRM di bawah Akta Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah 2009 adalah khusus untuk menyiasat dan mencegah sebarang bentuk perlakuan rasuah serta salah guna kuasa. Semenjak kewujudan agensi ini lagi, SPRM tidak pernah berhenti dan menoleh ke belakang untuk berperang habis-habisan terhadap rasuah tidak kira sama ada ia melibatkan agensi kerajaan mahupun swasta asalkan ia tertakluk kepada Akta SPRM 2009.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani juga mencadangkan anggota agensi penguat kuasa yang terlibat dengan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, penyeludupan dan salah laku lain diambil tindakan tanpa mengira pangkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi kewajipan dan tugas SPRM menjalankan siasatan sekiranya terdapat asas kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 tanpa mengira pangkat individu yang terlibat. SPRM tidak pernah membezakan sesuatu siasatan kes mengikut kedudukan, fahaman politik ataupun sektor yang terlibat. SPRM sebagai sebuah agensi penguat kuasa sentiasa melaksanakan tugas menyiasat kes-kes rasuah tanpa mengira kedudukan, status, fahaman politik seseorang individu.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani turut membangkitkan isu mengenai agensi penguat kuasa dan mencadangkan kerajaan mewujudkan satu Jawatankuasa bagi mengkaji permasalahan dan kelemahan agensi penguat kuasa dan mencari jalan penyelesaian agar agensi ini dapat berfungsi dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil langkah untuk menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) pada 1 April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 untuk mengkaji permasalahan dan kelemahan agensi penguat kuasa dan mencari jalan penyelesaian agar agensi ini dapat berfungsi dengan baik. Menurut fungsi-fungsi di bawah seksyen 4(1), kerajaan telah memberikan mandat kepada EAIC untuk:

- (i) menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa;
- (ii) merumus dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku;
- (iii) melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seorang pegawai penguat kuasa;
- (iv) mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara kepada agensi penguatkuasaan;
- (v) menggalakkan kesedaran tentang penambahaikan mengenai pendidikan berhubung dengan integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan

- mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa melalui sesi-sesi dialog dan ceramah;
- (vi) membantu kerajaan untuk merumus perundangan atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada kerajaan atau suatu agensi penguatkuasaan;
 - (vii) mengkaji dan menentu-sahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu berhubung dengannya; dan
 - (viii) membuat lawatan ke premis suatu buah agensi penguat kuasa termasuk melawat balai polis, lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubung dengannya.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga membangkitkan tentang langkah kerajaan dalam memulihkan struktur Felda Global Ventures dan memperbaiki kedudukan kewangan negara serta kewangan FELDA.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak terlibat secara langsung dengan pengurusan FGV. Namun begitu, kerajaan mempunyai suara dalam Lembaga Pengarah FGV dan melalui FELDA sebagai pemegang saham terbesar.

FGV ketika ini sedang dalam proses transformasi perniagaan dan operasinya yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang baru iaitu Dato' Zakaria Arshad. Kerajaan dimaklumkan bahawa FGV sedang membangunkan pelan strategik bagi memastikan kumpulan kembali bangkit dan memberikan pulangan yang baik kepada pemegang saham.

Mengenai masa depan FELDA, bagi memastikan FELDA kekal relevan sebagai sebuah organisasi yang memayungi dan menjaga kebajikan warga peneroka, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan satu buah makmal dilaksanakan bagi menambahbaikkan kedudukan kewangan selain mempertingkatkan tadbir urus yang lebih cemerlang dalam Kumpulan FELDA.

Oleh yang demikian, PEMANDU iaitu sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri telah dilantik untuk menjalankan makmal ini. Makmal yang telah berlangsung sejak September kini bakal memasuki fasa ketiga. Fasa kedua baru sahaja selesai pada 25 November yang lalu. Kedua-dua fasa ini telah melibatkan lebih 300 orang daripada seluruh hierarki pengurusan FELDA serta warga peneroka termasuk NGO-NGO seperti Jawatankuasa Perunding Peneroka, Kami Anak FELDA dan Majlis Belia FELDA. Malahan, keseluruhan ahli makmal dibawa sendiri ke beberapa buah kawasan rancangan untuk mengenal pasti dan mengesahkan sendiri isu-isu di peringkat akar umbi.

Dapatan makmal ini telah dianalisa dengan penuh teliti sebelum hasil konklusif dibentangkan kepada Ahli Lembaga FELDA dan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saranan-saranan yang dibentangkan akan diteliti dan hanya yang betul-betul memberi impak kepada FELDA dan warganya akan dilaksanakan dalam fasa ketiga nanti.

Oleh sebab FELDA begitu dekat dengan hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau sendiri akan mengumumkan hasil makmal itu bila tiba waktunya nanti. Beliau juga telah meletakkan harapan besar untuk melihat kejayaan makmal ini mentransformasikan FELDA dan mampu mengeluarkan FELDA daripada kitaran bajet defisit sekali gus membolehkan FELDA terus menjalankan inisiatif-inisiatif dan program-program yang memberi manfaat kepada peneroka dan generasi baru FELDA yang kini dianggarkan berjumlah lebih dua juta orang.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada kita punya Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim yang telah menjawab dengan begitu panjang lebar dan tepat. Sekarang ini habislah kita punya bahagian ini. Saya hendak berbalik kepada agenda seterusnya iaitu minta pula bahagian Kementerian Pertahanan. Dipersilakan.

■1710

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pertahanan saya ingin mengucapkan terima kasih dan menyatakan penghargaan kepada enam orang Ahli Yang Berhormat. Pertama, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor; yang kedua, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman; yang ketiga, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail; yang keempat, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas; yang kelima, Yang Berhormat Senator Prof. Dr. Sim Kui Hian, dan keenam, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 yang menyentuh perkara-peraka di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Isu yang pertama ialah isu kebijakan veteran. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar; Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah; dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah. Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar telah membangkitkan tentang 10 perkara inisiatif di bawah *blueprint* transformasi syor-syor ekonomi veteran ATM bagi memperkasakan kebijakan kepada veteran ATM.

Bagi isu yang dibangkitkan ini suka saya jelaskan *blueprint* transformasi sosial ekonomi veteran ATM ini merupakan satu perancangan jangka panjang pihak kementerian bagi tempoh 15 tahun yang akan datang yang bermula pada RMKe-11 dan bagi memperjuang isu-isu kebajikan veteran ATM. Justeru pelaksanaan inisiatif ini merupakan komitmen kerajaan secara berterusan kepada veteran ATM bagi menghargai segala sumbangan dan bakti pengorbanan mereka bagi mempertahankan kedaulatan tanah air. Antaranya inisiatif dan sedang diusahakan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) pemilikan rumah bagi veteran ATM melalui program bina baru dan baik pulih Rumah Veteran 1Malaysia;
- (ii) peningkatan kadar bayaran skim bantuan sara hidup yang telah dinaikkan kepada RM300 kepada semua penerima melalui tahun 2015;
- (iii) bagi bantuan memulakan kerjaya kedua selepas menamatkan perkhidmatan dengan kerjasama pihak PERHEBAT bagi memberi bimbingan dan khidmat latihan kepada para veteran ATM untuk memastikan lebih ramai veteran mempunyai peluang kerjaya yang kedua selepas tamat perkhidmatan.

Manakala bagi isu-isu yang berkaitan dengan perkhidmatan, kajian yang mendalam dan terperinci sedang dijalankan kerana ia melibatkan perkara dasar ATM dan juga melibatkan peruntukan kewangan yang besar serta perlu diberi imbalan dan kemampuan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu kebajikan yang seterusnya berkaitan cadangan penyelarasan pencen yang lebih berimbang antara pesara yang telah berpencen dan yang baru seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah. Perkara ini banyak kali sudah saya jawab Yang Berhormat. Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar tahun lepas masa penggulungan pun saya jawab. Ini mungkin Tan Sri ulang lagilah benda ini.

Bagi isu ini yang dibangkitkan pihak kementerian sanjung tinggi atas keprihatinan kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Pihak kementerian turut sama berkongsi prihatin ini namun begitu ia jika cadangan ini dilaksanakan ia memberi impak kewangan yang besar kepada negara. Ini kerana penyelarasan pencen akan melibat bukan sahaja ATM tetapi kesemua sektor awam. Jadi bukan hendak kata melibatkan ATM sahaja, ia melibatkan juga polis, melibatkan juga lain-lain pegawai penguat kuasa. Jadi memang kita sentiasa ambil berat berhubung dengan perkara ini. Sekiranya kita ada kemampuan kita akan lihat perkara ini.

Namun begitu, pihak kementerian mengambil maklum atas cadangan kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan cadangan ini boleh dikaji berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Peraturan-peraturan Angkatan Tentera (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain) 1982 yang sedang berkuat kuasa serta diimbangkan dengan kemampuan kerajaan untuk melaksanakannya.

Ketiga, Yang Berhormat Datuk Jamilah turut mencadangkan pemberian elaun khas kepada veteran ATM yang tidak berpencen bagi meringankan beban hidup mereka. Bagi cadangan ini ingin saya jelaskan pihak kementerian tidak berhasrat untuk memberi faedah elaun khas berbentuk bulanan seperti cadangan Yang Berhormat kepada ATM yang tidak berpencen. Ini disebabkan skim perkhidmatan ATM yang sedia ada telah menetapkan tempoh-tempoh perkhidmatan bagi anggota lain-lain pangkat dan pegawai berdasarkan keperluan serta perkhidmatan serta permohonan daripada anggota dan pegawai itu sendiri. Jadi mereka ini berpencen dan mereka teruskan itu atas sukarela mereka. Ada berpencen ada yang menamatkan sebelum tempoh pencen 21 tahun. Ini adalah- semua ada kehendak sendiri.

Pemberian pencen kepada anggota lain-lain pangkat yang berkhidmat kurang daripada 21 tahun dan pegawai yang kurang daripada 20 tahun, perkhidmatan tidak akan dapat dilaksanakan kerana setiap anggota lain-lain pangkat dan pegawai yang menamatkan perkhidmatan akan diberi faedah persaraan mengikut peraturan-peraturan yang masih berkuat kuasa iaitu berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Angkatan Tentera (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain-lain) 1982 atau di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973.

Sekiranya cadangan ini dilaksanakan, ia akan mewujudkan ketidakadilan kepada anggota ATM yang setia berkhidmat sehingga ke umur persaraan berbanding dengan mereka yang menamatkan perkhidmatan secara lebih awal iaitu kurang daripada 21 tahun. Ia juga akan menjadi pemangkin untuk lebih ramai anggota ATM yang berkemahiran meninggalkan perkhidmatan secara lebih awal. Situasi ini akan menjelaskan struktur asas guna tenaga manusia ATM yang kesan langsungnya akan menjelaskan keupayaan pengoperasian ATM pada keseluruhannya.

Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar dan Yang Berhormat Puan Siti Aishah telah membangkitkan isu perumahan kepada veteran. Bagi cadangan Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar agar ditambah lagi kepada 500 unit di bawah program membaik pulih Rumah Veteran 1Malaysia. Pihak kementerian mengalu-alukan cadangan. Ini tertakluklah kepada peruntukan kewangan. Kita memang berhasrat untuk tambah tiap-tiap tahun tapi kadang-kadangkekangan kewangan maka kita tidak dapat laksanakan.

Sebagai langkah proaktif, pihak kementerian sentiasa berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan daripada kementerian KKLW dan Kementerian KPKT serta pihak swasta untuk menangani masalah ini.

■1720

Bagi cadangan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah agar veteran ATM menyambung pencen dapat memiliki tanah sendiri turut diberi bantuan untuk membina rumah.

Ia merupakan satu cadangan yang baik namun keutamaan kerajaan adalah pada masa kini ialah melalui program baik pulih Rumah Veteran 1Malaysia merupakan tumpuan kepada golongan veteran yang tidak berpencen dan balu veteran yang berpendapatan rendah dan miskin. Keutamaannya diberi kepada pemohon-pemohon yang belum memiliki rumah bagi pembinaan rumah. Jadi ini boleh kita mohon daripada lain-lain kementerian yang syarikat perumahan negara dan sebagainya. Kalau sekiranya kita ada tanah lagi, boleh bina, ini kita hanya membantu mereka yang memerlukannya sahaja buat ketika ini.

Kelima, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar turut mencadangkan diwujudkan polisi atas skim beli rumah kepada anggota ATM bagi membolehkan mereka memiliki rumah sendiri apabila bersara.

Sebagai makluman Yang Berhormat, pada masa ini pihak kementerian masih belum menetapkan apa-apa polisi berkenaan dengan cadangan supaya setiap anggota tentera memiliki rumah sendiri sebelum mereka menamatkan perkhidmatan. Namun demikian, selaras dengan dasar kementerian untuk memastikan kebajikan setiap anggota tentera sentiasa diberikan perhatian, kementerian melalui kerjasama dengan Lembaga Angkatan Tentera (LTAT) di bawah program *Corporate Social Responsibility* (CSR), LTAT telah menyediakan kemudahan perumahan mampu milik yang boleh dibeli dengan harga yang lebih murah berbanding dengan harga di pasaran.

Ini Yang Berhormat sendiri yang menjadi Pengurus, kan? Jadi kita membina rumah, sekarang ini 2000 unit baru-baru ini dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri. Rumah ini sepatutnya kita jual berharga RM166,500 tetapi LTAT bagi diskaun 25 peratus dan mereka akan membeli rumah ini dengan harga RM119,750 jadi banyak yang kita bagi. Ini melalui LTAT Yang Berhormat sendiri yang menjadi Pengurus, jadi saya harap Yang Berhormat sendiri boleh perbanyakkan lagi lah membina rumah-rumah ini kepada ahli-ahli kita.

Seterusnya ialah peningkatan kawalan keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya.

Bagi isu yang dibangkitkan ini, suka saya jelaskan bahawa pihak ATM mempunyai komitmen yang tinggi dalam memastikan kawalan sempadan di sepanjang 431 kilometer garis

sempadan Malaysia dengan Thailand terpelihara. Pelaksanaan operasi ini di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand menjadi salah satu tugas dan tanggungjawab utama ATM melalui pelaksanaan pelbagai jenis operasi seperti Ops Pagar, Ops Kota, Ops Merpati, Ops Wawasan. Selain itu, ATM juga turut melaksanakan operasi bersama Thailand melalui kesepakatan *General Border Committee* yang selalu kita laksanakan bersama dengan Thailand.

Daripada segi keberkesanan operasi pula, ATM melaksanakan pelbagai pendekatan seperti menetapkan *troop* di kawasan strategik rondaan pejalan kaki dan berkenderaan serta melaksanakan latihan operasi. Walau bagaimanapun, kita menghadapikekangan kewangan. ATM telah meneruskan pelaksanaan operasi di sempadan melalui pelbagai kerjasama antara agensi-agensi lain seperti biasanya dengan PDRM dalam rondaan dan juga tanggungjawab bersama untuk mengawal sempadan.

Isu seterusnya berkenaan peluang pengambilan anggota ATM daripada kalangan kaum Cina Sarawak.

Jadi sebenarnya isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim. Sebenarnya Yang Berhormat, kita tidak ada kuota dalam soal pengambilan anggota kita, jadi terbuka kepada semua masyarakat di Malaysia ini. Jadi malangnya tidak ramai daripada masyarakat Cina dan juga India yang berminat untuk menjadi anggota ATM. Tadi saya cadangkanlah kepada Yang Berhormat untuk mengadakan program-program di kalangan mereka ini untuk terus melibatkan diri dalam menjaga keselamatan negara kita. Saya rasa tidak sampai 10 peratus daripada anggota kita yang melibatkan kedua-dua kaum ini iaitu Cina dan India.

Terakhir, berkenaan dengan status pembinaan pengkalan TLDM di Bintulu, Sarawak. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili.

Sebagai makluman Yang Berhormat, pembinaan pengkalan TLDM di Bintulu, Sarawak secara fiskalnya masih belum bermula. Walaupun kita bercadang untuk membina, ia ada beberapa masalah.

Pertama sekali tentang lokasinya, jadi kita sebagai pihak kementerian akan berbincang dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab, kerajaan Sarawak dan juga pihak Lembaga Pertubuhan Pelabuhan Bintulu dan sebaiknya perkara-perkara melibatkan status tanah dan sebagainya, ia akan dapat kita laksanakan mungkin dalam Rancangan Malaysia yang akan datang kerana setakat ini belum lagi apa-apa persetujuan yang kita telah bersetuju antara pihak kementerian dengan kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, kita ada mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri supaya buat sementara ini kita bina- meletakkan aset TLDM di Pelabuhan Bintulu. Jadi perkara ini saya

telah berjumpa dengan CM bersama-sama dengan Tan Sri panglima tentera laut, baru-baru ini berhubung kait dengan soal ini.

Jadi saya harap pihak kerajaan negeri ingin membina pengkalan ini di Samalaju kerana *infrastructure* dia mahal sangat kerana kita perlu buat *dredging* dan sebagainya. Jadi *the best is* dekat Pelabuhan Bintulu. Di sana kemudahan telah sedia ada, *infrastructure* tidak banyak jadi kita boleh buat pada peringkat awal ini. Ini pun tertakluk kepada persetujuan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan yang dapat saya berikan bagi pihak kementerian dan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum telah menjawab dengan tepat dan panjang lebar. Terima kasih sekali lagi. Petang ini saya pandang kiri kanan, di belakang ramai saya nampak kita punya Ahli-ahli Yang Berhormat hadir. Dia mendengar nasihat saya supaya masa dihabiskan dalam Dewan. Saya ucapkan terima kasih supaya teruskan memberi kerjasama begini. Bak kata orang tua-tua tadi.

*Cantik sungguh burung cenderawasih,
Terbang sekawan si burung tempua,
Saya ucapkan berbanyak terima kasih,
Kerana tuan-tuan sudi mendengar nasihat orang tua.*

Teruskan kita- kita kumpulan yang begitu fokus perjuangan kita, tahniah. Saya pergi kepada Kementerian Pengangkutan, dipersilakan.

5.29 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan.

■1730

Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu-isu dan pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya saya ingin menyentuh berkenaan isu

lapangan terbang. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah telah memohon penjelasan mengenai status cadangan pembinaan lapangan terbang baru di Kulim, Kedah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, satu kajian kemungkinan ataupun dengan izin, *feasibilities study* telah disiapkan untuk cadangan lapangan terbang baru di Kulim, di wilayah utara Semenanjung. Buat pada masa ini, kerajaan belum buat keputusan mengenai cadangan-cadangan yang dikemukakan melalui kajian tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin dalam perbahasan telah mencadangkan supaya Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dinaiktarafkan sebagai lapangan terbang antarabangsa. Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa.

Pada masa ini, Malaysia telah pun mempunyai enam buah lapangan terbang antarabangsa iaitu KLIA, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang, Langkawi dan juga Johor Bharu. Lapangan-lapangan terbang lain termasuk Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan antarabangsa ini. Walaupun Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang ini boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan domestik yang lain seperti di Melaka, Kuantan dan Ipoh.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad telah mohon penjelasan status pelaksanaan projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu satu projek yang besar dan rumit. Antara skop projek adalah untuk membesarkan bangunan sedia ada bagi membolehkan menampung jumlah penumpang daripada 1.5 juta orang penumpang setahun kepada 4 juta orang penumpang setahun. Jadi maknanya, lebih daripada sekali ganda. Antara tumpuan utama membesarkan bangunan terminal, menambahkan parkir pesawat, pembesaran apron dan juga menambah jumlah parkir kenderaan awam. Semasa pembinaan kelak, operasi lapangan terbang tidak akan ditutup.

Oleh itu, sebarang ketidakselesaan kepada penumpang akan cuba diminimumkan. Kementerian pada masa ini dalam proses memuktamadkan konsep reka bentuk dan penyediaan dokumen tender kerja. Tender kerja dijangka akan dipelawa pada pertengahan bulan Januari 2017. Kerja-kerja menaik taraf dijangka mengambil masa selama 36 bulan atau tiga tahun bermula Julai 2017 dan dijangka siap pada Julai 2020.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga dalam perbahasan turut memohon supaya Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) meningkatkan keupayaan bagi kemudahan daftar masuk menggunakan telefon bimbit serta membuat kawalan yang lebih ketat ke atas akses kawasan kaunter daftar masuk di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kemudahan daftar masuk yang disediakan oleh syarikat penerbangan boleh diakses melalui telefon bimbit dan web *check-in*, dengan izin. Manakala MAHB ada menyediakan kios dan kaunter yang dibuka dua jam sebelum penerbangan. Kapasiti Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sememangnya telah melebihi kapasiti terminal. Oleh itu, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM450 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk menaik taraf dan memperbesarkan lapangan terbang demi memberi keselesaan kepada semua penumpang dan pengguna.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan telah membangkitkan isu-isu di KLIA. Pertama, insiden bagasi yang dikunci dengan *padlock* telah dibuka dan kedua, isu pegawai keselamatan yang kurang sopan. Menjawab isu-isu yang dibangkitkan ini, untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengendalian bagasi dari kaunter daftar masuk ke pesawat ataupun sebaliknya untuk pesawat berlepas atau tiba adalah di bawah pengendalian syarikat penerbangan masing-masing. Walau bagaimanapun, Malaysia Airport Holding Berhad sentiasa bekerjasama dengan syarikat pengendalian darat ataupun, dengan izin, *ground handler company* yang dilantik oleh syarikat penerbangan untuk mencegah sebarang kejadian kecurian, kerosakan bagasi penumpang.

Antara langkah-langkah yang menjadi amalan pihak MAHB membuat pemantauan melalui CCTV perjalanan pengendalian setiap bagasi, membuat pemeriksaan keselamatan terperinci terhadap semua kakitangan di laluan kakitangan ataupun di laluan kenderaan keluar masuk kawasan *air site*, dengan izin, bagi mencegah sebarang perlakuan jenayah terutama yang melibatkan barang milik penumpang. Selain itu juga, kerjasama unit *taskforce* bersama dengan unit operasi membuat pemeriksaan mengejut terhadap kakitangan-kakitangan syarikat penerbangan dan juga *ground handler company* dari semasa ke semasa.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Senator, sekiranya mahu pihak MAHB siasat, bolehlah membuat aduan secara rasmi waktu kejadian, tempat kejadian, *insya-Allah* pihak MAHB akan membuat siasatan. Dalam hubungan ini, sebarang aduan bolehlah disalurkan kepada pihak MAHB untuk siasatan dan tindakan lanjut. MAHB memandang serius akan kejadian seperti ini dan akan terus berusaha untuk mengelakkan daripada berulang.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan dalam perbahasan juga telah memohon status siasatan insiden kehilangan pesawat MH370. Untuk

makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini, penyiasatan berhubung dengan kemalangan udara pesawat MH370 masih lagi diteruskan oleh pasukan penyiasat yang ditubuhkan mengikut Annex 13 dengan izin, *Aircraft Accident and Incident Investigation* dalam *Convention on International Civil Aviation* yang dikenali sebagai *MH370 Annex 13 Safety Investigation Team*. Pasukan yang ditubuhkan pada 25 April 2014 ini yang diketuai oleh Malaysia dan dianggotai oleh tujuh *accredited representatives* daripada negara-negara Amerika Syarikat, *United Kingdom*, Australia, China, Perancis dan dua buah negara ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia. Kesemua anggota pasukan penyiasat yang terpilih dilantik berdasarkan kepakaran masing-masing.

Pasukan penyiasat telah mengeluarkan *interim statement* pada ulang tahun pertama dan kedua kehilangan pesawat masing-masing pada 8 Mac 2015 dan 8 Mac 2016 berhubung dapatan awal siasatan. Pasukan penyiasat akan mengeluarkan satu laporan penuh berhubung hasil siasatan termasuk syor penambahbaikan bagi keselamatan penerbangan awam setelah keseluruhan siasatan selesai. Dalam hubungan ini, operasi pencarian MH370 masih lagi diteruskan dan dijangka sehingga Januari 2017. Operasi pencarian laut dalam setakat ini telah dilaksanakan dalam kawasan pencarian yang merangkumi seluas 119,488 kilometer persegi, daripada jumlah keseluruhan kawasan pencarian seluas 120,000 kilometer persegi.

■1740

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid yang telah mencadangkan supaya pihak kerajaan menaikkan kadar caj yang dikenakan ke atas kenderaan dari Singapura yang masuk ke Malaysia kerana caj semasa adalah amat rendah berbanding dengan kadar caj yang dikenakan ke atas kenderaan Malaysia yang masuk ke Singapura.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kadar RM20 yang dikenakan untuk kenderaan pendaftaran asing masuk ke Malaysia akan diguna pakai bukan sahaja untuk di sempadan Republik Singapura malah di sempadan-sempadan negara jiran seperti Thailand dan Indonesia. Mengambil kira faktor ini, caj RM20 adalah didapati bersesuaian dengan mengambil kira faktor kemampuan rakyat di negara-negara jiran. Sekiranya caj yang dikenakan tinggi, dikhawatiri ia akan menjelaskan pendapatan negara melalui pengurangan jumlah pelancong ke Malaysia. Oleh itu RM20 adalah munasabah.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff dalam perbahasan telah memohon penjelasan mengapa kadar yuran sekolah memandu adalah tinggi.

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff ini, kerajaan telah mengkaji semula struktur kadar yuran pembelajaran dan

latihan pemanduan di institut memandu. Di mana satu kadar siling yuran telah ditetapkan dan dilaksanakan pada 1 Oktober 2014.

Struktur kadar siling ini adalah berdasarkan penilaian yang dibuat secara terperinci dan munasabah, mengambil kira keperluan untuk menghasilkan pemandu yang kompeten, mematuhi peraturan dan berhemah yang diperlukan melalui latihan teori dan amali secara pemanduan secara komprehensif. Secara amnya, kadar bagi kelas lesen B2 RM350, untuk B Penuh RM900 dan untuk kereta RM1,150 dan DA atau kereta automatik RM1,250. Jadi untuk makluman, sebelum tahun 2014 ini, latihan agak kurang kerana ia melibatkan tidak sampai 16 jam tetapi apabila kita mahu meningkatkan kekompetenan pemandu, kita telah meningkatkan latihan dan juga masa itu ditingkatkan kepada 22 jam.

Kerajaan melalui JPJ juga telah memperkenalkan program myLESEN iaitu satu program yang disasarkan pada golongan muda untuk mendapatkan lesen pada kadar diskaun iaitu tidak melebihi kadar siling RM299. Melalui program myLESEN ini juga, kerajaan telah mengecualikan bayaran tempahan ujian bagi kelas motosikal B2 dan kadar pembaharuan lesen memandu B2 dikurangkan kepada kadar RM2 sahaja berbanding RM20 sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad telah mencadangkan dalam perbahasan supaya kadar cukai jalan dikurangkan sebanyak 50 peratus.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pengurangan kadar lesen kenderaan motor ataupun singkatannya LKM telah pun dilaksanakan melalui Bajet 2007 di mana kerajaan telah mengumumkan kadar pengurangan LKM untuk semua jenis kenderaan persendirian dan perdagangan di Malaysia dengan purata kadar pengurangan LKM sebanyak 30 peratus. Selain daripada itu, Bajet 2009 juga kerajaan telah melaksanakan pengurangan kadar LKM kepada beberapa jenis kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan perdagangan. Selain pengurangan melalui semakan kadar LKM yang diumumkan dalam Bajet 2007 dan 2009, terdapat insentif pengurangan atau pengecualian LKM yang diberikan melalui kuasa Menteri Pengangkutan di bawah Akta Pengangkutan Jalan, antaranya:

- (i) pengecualian dan pengurangan LKM untuk kenderaan milik badan bukan kerajaan atau NGO yang tidak berteraskan keuntungan. Sebagai contoh van jenazah. Itu 100 peratus dan badan-badan NGO boleh dapat sampai 50 peratus pengurangan cukai;
- (ii) pengurangan LKM untuk kenderaan nasional milik Orang Kurang Upaya (OKU). Cukai itu cuma RM2 sahaja;
- (iii) pengurangan LKM untuk kenderaan orang cacat, RM1 setahun; dan

- (iv) pengurangan LKM cukai kenderaan *vintage* atau klasik yang umur 25 tahun ke atas, cuma bayar 20 peratus. Maknanya, dikurangkan 80 peratus untuk cukai jalan kenderaan *vintage* ataupun 25 tahun ke atas. Untuk 50 tahun ke atas, hanya 10 peratus. Maknanya, diskaun 90 peratus.

Walau bagaimanapun, untuk makluman, cukai sedia ada di Malaysia ini adalah sangat munasabah. Ini kerana sebagai contoh kenderaan di bawah 1,000cc- setahun hanya RM20. Jadi memang cukup murahlah.

Untuk makluman, setakat ini pihak Kementerian Pengangkutan masih belum merancang untuk mengkaji semula pengurangan kadar LKM ini kerana kutipan hasil dari LKM ini akan digunakan untuk pembaikan, penyelenggaraan dan penambahbaikan infrastruktur jalan termasuk di kawasan luar bandar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin yang telah mencadangkan supaya Akademi Laut Malaysia (ALAM) dinaik taraf sebagai universiti bagi menggalakkan lebih ramai orang berkecimpung dalam industri maritim.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, ALAM merupakan salah sebuah institut latihan maritim terulung di Malaysia dan serta dilihat sebagai sebuah pusat akademi yang menyumbang kepada keperluan tenaga mahir di sektor perkapalan domestik dan juga antarabangsa. Buat masa ini, ALAM berstatus kolej universiti. ALAM dalam pada itu, menawarkan kursus di peringkat diploma bagi pengajian nautika dan kejuruteraan marin di samping pelbagai kursus pendek berkaitan *shore-based maritime industry*, dengan izin, dan bidang perkapalan. Berdasarkan perancangan strategik ALAM, institusi ini sedang dalam usaha untuk menjalankan kerjasama dengan Universiti John Moores, Liverpool dan Universiti Teknologi Petronas bagi mewujudkan kursus peringkat ijazah di mana pada masa yang sama sedang mendapatkan perakuan akreditasi daripada agensi kelayakan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan saranan-saranan yang dikemukakan.

■1750

Saya dan seluruh warga Kementerian Pengangkutan akan terus komited dan beriltizam untuk memastikan sistem pengangkutan pelbagai *mode* yang cekap, bersepadu, selamat, mampan serta mesra pengguna di negara Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Saya hendak tanya sebab saya sudah bangkit itu hari dalam perbahasan itu, saya tanya fasal terminal bas Pantai Timur. Kelantan, Terengganu, Pahang, area Gombak sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai terminal bas untuk ke Pantai Timur memang dalam perancangan kerajaan. Pada waktu yang lepas agak tergendala kerana isu tanah. Oleh sebab tanah itu bawah bidang kuasa kerajaan negeri tetapi pihak Kerajaan Persekutuan telah dapat, berjaya mencari penyelesaian. *Insya-Allah*, terminal bas di Gombak untuk menampung bas-bas Pantai Timur akan dapat diselesaikan dan dapat dibina dalam waktu yang terdekat untuk menampung keperluan, khususnya masyarakat Pantai Timur. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Terima kasihlah jasa baik hati Menteri kita. Ditanggung apabila Yang Berhormat bertanya, dia jawab juga. Terima kasih Yang Berhormat ya. Jadi, jawapan yang baik daripada Yang Berhormat Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi yang bercakap lebih daripada 32 minit, lebih kurang.

Sekarang saya jemput pula Kementerian Belia dan Sukan, silakan.

5.52 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada enam orang Ahli Yang Berhormat Senator yang baru dilantik menjadi Ahli Dewan Negara dan juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Sepanjang tempoh perbahasan Bajet 2017 Peringkat Dasar dalam sesi sidang Parlimen Dewan Negara pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebagaimana berikut.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merangkap Menteri Kewangan dalam ucapan Bajet 2017 yang telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 bilion bagi pembangunan sukan negara. Ini termasuk

RM450 juta khusus untuk penganjuran Sukan SEA Ke-29 dan Para ASEAN Ke-9 pada tahun 2017.

Selain itu, beberapa program pembangunan sukan akan dilaksanakan melibatkan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi pembinaan akademi bola sepak fasa dua di Gambang, Pahang, RM122 juta bagi membina dan menaik taraf *facility* sukan, termasuk Kompleks Belia dan Sukan negeri-negeri, Kompleks Futsal 1Malaysia dan Kompleks Sukan Komuniti. Sebanyak RM70 juta bagi program-program pembangunan podium sukan elit untuk menyediakan atlet ke temasya sukan antarabangsa dan RM54 juta bagi program pembangunan ahli sukan, termasuk program penyediaan atlet dan program penyediaan atlet Paralimpik.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; dan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan yang menyentuh mengenai pencapaian terbaik kontinjen Sukan Olimpik Rio 2016 yang telah berjaya menang empat buah pingat perak dan satu buah pingat gangsa.

Kontinjen Sukan Paralimpik Rio 2016 yang telah berjaya melakar sejarah memenangi tiga buah pingat emas dan satu buah pingat gangsa. Pencapaian tersebut merupakan pencapaian terbaik dalam sejarah penyertaan negara di temasya Sukan Olimpik sejak tahun 1956 dan Sukan Paralimpik sejak mengambil bahagian bermula tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah membentangkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) berkenaan ucapan tahniah kepada kontinjen Malaysia di Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik Rio 2016 di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia pada 17 Oktober 2016 dan usul telah mendapatkan sokongan yang padu daripada pihak kerajaan dan juga pembangkang. KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) akan meneruskan pelaksanaan Program Pembangunan Sukan Paralimpik di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai jaguh-jaguh sukan daripada golongan orang-orang kurang upaya (OKU) pada masa hadapan. Buat masa ini, 833 orang atlet OKU sedang menjalani latihan di pelbagai peringkat di seluruh negara yang dipantau oleh 87 orang jurulatih dan pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu penubuhan sekolah sukan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan dan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penubuhan Sekolah Sukan Malaysia bukanlah di bawah bidang kuasa KBS tetapi adalah di bawah tanggungjawab Kementerian

Pendidikan Malaysia. KBS bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail Bandar Penawar bagi menempatkan atlet-atlet di bawah Program MSN, yang mana atlet-atlet yang mewakili negara akan ditawarkan pengajian pra-universiti di sekolah-sekolah ini sebelum melanjutkan pengajian di universiti pilihan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, KBS juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani bahawa sukan merupakan instrumen yang paling penting dalam mengeratkan talian persaudaraan dan perpaduan di kalangan masyarakat kita. Justeru, KBS percaya bahawa penganjuran temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN pada tahun hadapan di Kuala Lumpur merupakan platform yang paling penting bagi pemimpin dan seluruh rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan budaya untuk bersama-sama berganding bahu memastikan kejayaan penganjuran temasya sukan. KBS juga telah pun melaksanakan Program Kita Juara 2017 yang menghimpunkan sebanyak 38 jenis sukan dalam memastikan sasaran negara untuk menjadi juara keseluruhan temasya Sukan SEA 2017 akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu bola sepak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohd Yusoff.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah penswastaan Liga Bola Sepak Malaysia yang bermula pada tahun 2015 yang lalu, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah memeterai satu perjanjian kontrak bersama syarikat antarabangsa iaitu MP & Silva iaitu sebagai sebuah syarikat media antarabangsa yang berpengalaman memiliki, menguruskan dan membahagikan hak penyiaran televisyen bagi acara sukan di seluruh dunia. Pelantikan MP & Silva sebagai penasihat perunding turut memain peranan membantu *Football Media Limited Liabilities Partnership* yang ditubuhkan untuk menguruskan Liga Bola Sepak Malaysia dan menjana keuntungan secara komersial kepada pemegang saham di kalangan persatuan dan kelab bola sepak yang menyertai Liga Bola Sepak Malaysia.

KBS difahamkan bahawa pembahagian keuntungan tahunan yang telah ditetapkan adalah 20 peratus untuk operasi liga operasi bola sepak Malaysia di bawah FAM, LPP ataupun *Football Media Limited Liabilities Partnership*, 40 peratus akan disalurkan kepada pasukan-pasukan yang menyertai liga dan 40 peratus akan disalurkan kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), termasuk melaksanakan Program Pembangunan Kepengadilan dan Pembangunan Bola Sepak Remaja. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai Transformasi Nasional 2020 (TN50).

Terlebih dahulu, saya ucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Yang Mulia Engku Naimah binti Engku Taib; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin

Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili; dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun yang menyentuh perkara berkaitan Program Transformasi Nasional 2020 atau TN50.

■1800

Dalam usaha mencapai taraf negara maju, ia tidak terhenti pada tahun 2020 dan perlu berterusan. TN50 akan menjadi wacana golongan muda untuk membina negara bangsa yang bermaruah, berintegriti, berwibawa dan berminda cemerlang serta mendukung semangat perpaduan berbilang kaum untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmoni dan saling memahami.

Tuan Yang di-Pertua, KBS juga sedang merangka kaedah dan pelaksanaan TN50 dengan memastikan penglibatan semua lapisan masyarakat termasuk pertubuhan bukan kerajaan, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, wakil-wakil rakyat dan terutama golongan muda di peringkat akar umbi. Program TN50 ini akan digerakkan secara holistik bagi mendapatkan pandangan dan idea anak muda kita berkaitan hala tuju pembangunan negara pasca Wawasan 2020 dengan berpaksikan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan juga kontrak sosial.

Semua pandangan dan idea anak muda akan diteliti dan disusun mengikut fokus iaitu sembilan bidang keutamaan belia dalam Dasar Belia Malaysia. Sembilan bidang tersebut adalah pendidikan dan latihan kemahiran, kenegaraan dan jati diri, gaya hidup sihat dan sejahtera, kepimpinan, kesukarelawan dan masyarakat sivil, keusahawanan, penyelidikan dan inovasi, profesionalisme kerja belia serta pengiktirafan yang akan dijadikan Kanvas 2050. Kanvas ini akan dijadikan rujukan kepada kerajaan dan rakyat sebagai panduan utama dalam memacu pembangunan dan hala tuju negara menjelang tahun 2050.

Dalam merealisasikan pelaksanaan TN50, keterlibatan serta sumbangan masyarakat belia adalah penting dalam mengerak pelbagai program yang dibahagiakan kepada empat fasa iaitu *pre-activation*, *activation*, *intermediate* dan *advance*, dengan izin, bermula dari tahun 2016 hingga 2018.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai bantuan kepada persatuan-persatuan belia. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yassin, KBS pada masa ini hanya menyediakan bantuan aktiviti yang bertujuan untuk membiayai sebahagian daripada kos pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan belia. Walau bagaimanapun, perkara ini akan bergantung kepada peruntukan sedia ada.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan hendaklah selaras dengan Dasar Sukan Negara dan Dasar Belia Malaysia serta memberi impak positif kepada kumpulan sasar, menggabungkan

nilai-nilai integrasi dan perpaduan kaum serta menggalakkan penyertaan aktif masyarakat secara holistik dalam aktiviti yang dianjurkan.

Selain itu, kementerian turut mengambil inisiatif dan membantu persatuan sebagai pemudah cara untuk melaksanakan program atau aktiviti yang dirancang melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan ataupun NBOS bersama-sama dengan agensi kerajaan yang lain termasuk juga GLC, syarikat korporat dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya latihan intensif bahasa Inggeris. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBS menyambut baik cadangan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff supaya kementerian mewujudkan latihan insentif bahasa Inggeris kepada golongan belia di peringkat komuniti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pusat latihan di bawah Kementerian Belia dan Sukan iaitu IKBN yang kini dikenali sebagai Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) merupakan sebuah pusat latihan sukan yang menyediakan latihan kemahiran bagi melahirkan belia yang berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan industri.

Mulai April 2014, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah melancarkan Program Transformasi IKBN dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan dan permintaan industri untuk keperluan pembangunan negara. Selaras dengan hasrat tersebut juga, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah melancarkan program 20:50 bagi memastikan 50 peratus kursus di ILKBS melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris menjelang tahun 2020. Ini bagi meningkatkan penguatkuasaan dan keupayaan komunikasi bahasa Inggeris di kalangan pelajar ILKBS dan dapat bersedia dalam persekitaran kerja yang mencabar. Yang pastinya, dengan peningkatan komunikasi ini dalam bahasa Inggeris, kebolehpasaran graduan ILKBS akan terus meningkat dan pihak industri akan terus menjadikan graduan ILKBS sebagai pilihan pihak industri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan saya atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Segala pandangan dan cadangan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji secara mendalam dan Kementerian Belia dan Sukan memberikan jaminan bahawa kita akan buat yang terbaik untuk memastikan golongan belia yang akan menentukan hala tuju negara ini tidak tercicir daripada arus pembangunan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Saravanan a/l Murugan. Di sini kita mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah atas rekod cemerlang yang diperoleh Paralimpik kita iaitu Kontinjen Sukan Olimpik Malaysia, syabas dan

tahniah. Kita catatkan itu dalam tinta emas bahawa kita sedar bahawa sukan boleh menyatukan kaum kita. Budaya itu sangat penting. Syabas dan tahniah, Yang Berhormat.

Sekarang saya hendak pergi pula kepada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Silakan.

6.09 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]: Assalamualaikum, salam sejahtera dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan ke atas Belanjawan 2017 di Dewan yang mulia ini.

Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, industri komoditi yang terdiri daripada produk-produk sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf adalah berorientasikan eksport yang bergantung kepada harga di pasaran antarabangsa. Dalam hal ini, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif agar peluang-peluang pasaran tidak terjejas di samping memastikan kestabilan harga.

Pada tahun 2015, sektor komoditi telah mencatatkan nilai eksport sebanyak RM117.1 bilion, peningkatan 0.5 peratus berbanding RM116.5 bilion yang direkodkan pada tahun 2014. Produk-produk berdasarkan komoditi telah dieksport ke hampir 160 buah negara di serata dunia. Malahan, eksport sektor komoditi merangkumi 15 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan barang di Malaysia.

Selain itu, sektor ini juga diusahakan oleh para pekebun kecil yang bergantung secara langsung bagi pendapatan daripada hasil tanaman komoditi. Dalam kes penanaman sawit dan getah, hampir 40 peratus dan 90 peratus masing-masing adalah diusahakan oleh para pekebun kecil. Bagi tanaman koko, lada dan kenaf, keseluruhan tanaman ini diusahakan oleh golongan pekebun kecil. Oleh yang demikian, langkah-langkah berterusan akan diambil bagi memastikan para pekebun kecil yang mengusahakan tanaman komoditi tidak terjejas daripada segi pendapatan akibat ketidakstabilan harga komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, isu harga komoditi terutamanya sawit dan getah telah mendapat perhatian Yang Berhormat Senator Yang Mulia Hajah Engku Naimah binti Engku Taib; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Noh; dan Yang Berhormat Senator

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim ketika membahaskan Bajet 2017. Ini membuktikan perihal pentingnya sumbangan sektor komoditi kepada pendapatan negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga komoditi utama negara iaitu sawit dan getah telah pulih ke paras yang stabil sejak bulan November 2016.

■1810

Malahan purata harga minyak sawit mentah pada bulan November 2016 berada pada paras RM2,885 setan. Bagi menjamin kestabilan ini berterusan, kementerian ini telah merangka beberapa langkah seperti berikut:

- (i) menggalakkan aktiviti tanaman semula terutamanya di kalangan para pekebun kecil yang menyediakan insentif. Langkah ini di samping mengurangkan pengeluaran buah tandan segar dan getah asli juga akan membolehkan tanaman semula pokok-pokok yang tua yang tidak produktif dengan bahan tanaman berkualiti tinggi ke arah peningkatan produktiviti dalam jangka masa panjang;
- (ii) memperkasakan aktiviti hiliran bagi menghasilkan produk-produk bernilai tinggi di samping meningkatkan penggunaan domestik kedua-dua komoditi ini;
- (iii) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baru berasaskan sawit dan getah untuk dikomersialkan oleh pihak industri;
- (iv) memperkuuhkan pasaran eksport sedia ada serta menembusi pasaran-pasaran baru melalui misi promosi dan teknikal ke luar negara; dan
- (v) mengadakan kerjasama di peringkat antarabangsa bersama-sama negara pengeluar sawit dan getah bagi menjamin pembangunan kedua-dua komoditi ini secara mampan.

Kementerian turut mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasaan Bajet 2017 dan telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan sektor komoditi iaitu bantuan yang tidak sampai kepada pekebun kecil getah, isu minyak sawit beku dalam cuaca sejuk dan isu kemerosotan keluasan estet getah yang ditelan arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah membangkitkan isu terdapat kes pekebun kecil getah yang sudah berusia dan menyewakan ladang getahnya kepada penoreh tidak memperoleh bantuan daripada kerajaan, sebaliknya kesemua bantuan tersebut dinikmati oleh penoreh sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku kerana Insentif Pengeluaran Getah (IPG) yang telah dilaksanakan mulai tahun 2015 dan bantuan khas musim tengkujuh yang akan dilaksanakan pada Bajet 2017 hanya akan dibayar kepada pemilik kebun yang memiliki kad Permit Autoriti Transaksi - Getah (PAT-G). Kad PAT-G ini hanya akan dikeluarkan kepada pemilik kebun mengikut geran getah.

Sekiranya seorang penoreh yang menyewa ladang getah ingin menuntut IPG seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Senator, beliau perlu mengemukakan surat kebenaran dan pengesahan daripada pemilik kebun tersebut. Bagi kebun yang mempunyai lebih daripada seorang penoreh, surat kebenaran dan pengesahan daripada pemilik kebun perlu dikeluarkan bagi menyatakan butiran dan lot yang ditoreh oleh penorehnya. *Amount* IPG yang dituntut dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui antara pemilik dan penoreh kebun tersebut. Sehubungan itu, Yang Berhormat Senator boleh mengemukakan butiran pekebun kecil yang tercicir daripada penerima bantuan seumpama ini kepada kementerian dan siasatan akan dijalankan bagi mengenal pasti apa yang sebenarnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong, telah membangkitkan isu minyak sawit beku dalam cuaca sejuk dan menyarankan supaya satu usaha dijalankan supaya eksport minyak sawit tidak terhad kepada negara beriklim tropika sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian menyambut baik saranan Yang Berhormat Senator dan menyedari permintaan terhadap minyak sawit biasanya perlahan di kalangan negara pengguna iklim sejuk seperti China dan India menjelang akhir tahun. Ini disebabkan suhu sejuk akan memejalkan minyak sawit dan menjadikannya kurang menarik kepada pembeli. Sememangnya pengeksportan produk-produk sawit akan dihasilkan mengikut kesesuaian dan kehendak pasaran tempatan.

Atas dasar ini, kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menujuhkan *Palm Oil Research and Technical Service Institute* (POTSIM) di China dan India bagi menghasilkan produk-produk sawit yang sesuai bagi kedua-dua pasaran ini. Di samping itu, langkah ini juga akan dapat meningkatkan keyakinan para pengguna di kedua-dua pasaran ini mengikut khasiat minyak sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh telah membangkitkan isu kemerosotan kawasan estet getah dan kehilangan pekerjaan kepada bekas-bekas penoreh sehingga secara tidak langsung menyebabkan penutupan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kemerosotan kawasan estet getah ini berpunca dari antara lain penukaran kepada tanaman sawit, pembangunan kawasan industri,

komersial, perumahan dan jalan raya serta kepada aktiviti pertanian yang lain. Lazimnya, pekerja-pekerja sawit yang terlibat akan ditawarkan pekerjaan alternatif bagi kawasan-kawasan tanaman getah yang dibangunkan untuk tujuan lain. Saya percaya isu berkenaan penutupan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil akan ditangani dengan penuh hemah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk mengemukakan dan memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian bahawa industri sawit negara akan menyambut ulang tahun ke-100 pada tahun 2017. Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah bagi memperkuatkannya lagi pasaran produk-produk sawit di peringkat global. Walaupun tumpuan diberi kepada industri sawit, usaha berterusan turut diberikan kepada komoditi yang lain bagi mempertingkatkan lagi sumbangan kepada pendapatan negara.

Saya kira, semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam perbahasan ke atas belanjawan 2017 di Dewan yang mulia ini terutama yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi telah saya jawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu ini supaya industri komoditi negara terus kukuh dan berdaya saing. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Ini sebab saya tidak mahu berucap awal ini. Bila saya *first Speaker* hari itu, orang lupa...

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Lain kali saya tidak mahu berucap awal, hendak berucap *last*. Macam pilihan raya juga. Kalau kita beri awal orang tidak ingat, malah yang akhir itu orang ingat.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, sila.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Jadi, saya ada bercakap hari itu, saya hendak cadangkan kepada Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi untuk menangani kos sara hidup yang meningkat hari ini di mana rakyat rata-rata dia kata, dia susah. Cuma saya hendak cadangkan kepada Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi supaya tanaman tembakau ini diperkenalkan semula sebab tanaman kenaf ini saya lihat di Kelantan tidak laku dan tidak ada. Di Rantau Panjang saya ingat zero, kosong. Kalau kerajaan masih lagi *invest* melabur untuk kenaf ini, saya ingat pulangannya tidak balik modal. Kalau kerajaan

melabur RM1 juta mungkin pulangannya RM40 juta atau RM50 juta sahaja sebab saya lihat tidak ada sambutan daripada rakyat luar bandar.

■1820

Jadi saya minta supaya tanaman tembakau ini diperkenalkan balik. Kalau tidak pun rokok, kita import juga rokok, tembakau kita import sebab itu dinamakan LKTN iaitu Lembaga Kenaf Tembakau Negara. Kalau tak nak buanglah "tembakau" itu, Lembaga Kenaf Negara saja. Jadi saya hendak minta kerajaan pertimbangkan balik untuk memberi *income*, penambahan pendapatan kepada rakyat luar bandar. Di mana dulu tanaman tembakau banyak, sekarang tidak ada. Jadi pendapatan rakyat luar bandar dah hilang. Kenaf mereka tidak tanam. Sekian, terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Tuan Yang di-Pertua, itu satu cadangan yang baik. Saya akan membawa kepada kementerian dan memastikan perkara ini akan dibincangkan dengan mendalam untuk memastikan bahawa penanaman tembakau itu akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pada saya Yang Berhormat Datuk Abdullah Mat Yasim bertanya akhir itu menunjukkan dia teliti kepada apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi, dia minat itu. Jadi tahniah Yang Berhormat. Sekarang saya ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansor yang telah menjawab dengan panjang lebar dan tepat. Terima kasih banyak.

Saya pergi kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dipersilakan.

6.21 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengucapkan dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 10 orang Senator yang telah pun mengambil bahagian berbahas berkaitan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat; Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff; Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah; Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han; Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd. Yusoff, ya orang baru ada di situ; Yang Berhormat Senator Dr.

Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator YM Hajah Engku Naimah binti Engku Taib; dan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab kepada persoalan-persoalan yang telah pun dikemukakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator ini yang ada dalam Dewan Tuan Yang di-Pertua. Yang mana tidak ada dalam Dewan saya akan jawab secara bertulis. Boleh saya berbuat demikian Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada kesemua 10 orang Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 yang berkaitan dengan kementerian saya. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar, sentiasa mengambil berat mengenai keperluan perumahan yang merupakan antara keperluan asas untuk semua golongan rakyat. Dalam menyediakan perumahan ini Tuan Yang di-Pertua yang mencukupi, jumlah unit yang disediakan dan kualiti pembinaan menjadi keutamaan kepada kementerian dan tidak ada kompromi dalam bab yang tersebut.

Semasa perbahasan empat orang Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan isu yang berkaitan dengan cadangan, mengenai penyediaan perumahan mampu milik dan juga kemudahan lain kepada rakyat. Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, tidak ada? Tidak ada, saya jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ramli bin Shariff, ada- tidak ada? Ada, ada! Saya nampak dia di bilik air tadi [Ketawa] Bila saya lalu tadi, dia perlahan-lahan tutup pintu bilik air, muslihat. Dia hendak beritahu dengan saya yang dia ada dalam bilik air supaya saya nampak. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff yang telah pun menyatakan bahawa tidak ada peruntukan khusus bagi skim MyDeposit dalam Bajet 2017 walaupun skim tersebut mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada rakyat.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, statistik permohonan yang kita terima untuk skim MyDeposit. Tarikh tutup 30 Jun 2016 iaitu sebanyak 6,298 permohonan yang berkaitan dengan skim MyDeposit. Memang betul mendapat permintaan yang banyak. Daripada 6,298 3,658 berkaitan dengan permohonan baru untuk membeli unit-unit rumah baru yang ditawarkan oleh pemaju dan 2,640 merupakan permohonan bagi rumah sekunder ataupun *sub-sale*. Sehingga 30 November 2016 Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 2,305 permohonan telah pun diluluskan meliputi 1,277 bagi pembelian rumah baru dan sebanyak 1,028 bagi pembelian rumah sekunder ataupun *sub-sale*, rumah yang disewa mungkin dijual oleh tuan rumah kepadanya. Peruntukan sebanyak RM200 juta merupakan kos keseluruhan yang diluluskan

bagi insentif skim pembiayaan MyDeposit dan sebanyak RM13.9 juta telah dibelanjakan pada 2016 manakala RM20 juta lagi diluluskan bagi peruntukan tahun 2017 di bawah butiran Kemudahan Insentif Perumahan.

Sebanyak RM20 juta dulu Yang Berhormat kerana kita hari itu pada tahun yang sudah itu kita *test*. Jadi sebab itu kita mulakan, kita lihat ada permintaan dan sebagainya dan kita dapati bahawa banyak permintaan daripada segi permohonan yang telah pun dikemukakan oleh pemohon-pemohon. Jadi kita akan mulakan sekali lagi pada tahun depan dengan peruntukan *balance* yang ada sebanyak RM20 juta itu.

Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Mohd. Nor Haji Monutty, tidak ada? Okey tidak ada saya jawab secara bertulis. Ciri-ciri rumah PPR. Mengesyorkan supaya peruntukan pembinaan PPR dinaikkan bagi pastikan rumah yang dibina dalam keadaan yang selesa. Jadi saya akan jawab secara bertulis.

Menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, ada di luar tadi saya nampak. Tentang cadangan penyediaan bas sekolah percuma kepada anak-anak penghuni PPR diperluaskan di luar Kuala Lumpur.

Kementerian mengambil maklum. Buat setakat ini Tuan Yang di-Pertua, belum lagi ada cadangan, kita akan halusi cadangan itu tetapi kita dimaklumkan bahawa penyediaan bas sekolah percuma ini akan disediakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan kepada PPR yang ada dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Jadi untuk kawasan luar bandar akan diperhalusi cadangan Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian bersama-sama dengan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli Shariff ada menyatakan bahawa kementerian menggunakan kuasa yang ada kawal harga, galak pemaju, guna teknologi IDH untuk turunkan harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan keputusan kadar harga rumah bukan sahaja dikawal oleh harga pasaran tetapi harga rumah kerajaan negeri juga mempunyai kuasa dalam menentukan harga rumah yang ada. Jadi kerajaan negeri tidak boleh cakap ini harga rumah ditentukan oleh pasaran, oleh *market*, kita tidak boleh kawal, tidak ada kerajaan negeri juga mempunyai peranan.

Keputusan kerajaan negeri untuk menetapkan Tuan Yang di-Pertua, kadar harga rumah dipengaruhi oleh faktor tanah, berkait rapat dengan lokasi, premium tanah yang melibatkan kerajaan negeri, caj premium tukar syarat tanah. Selain daripada itu kos tanah, terdapat lagi lain-lain kos yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan yang juga mempengaruhi harga rumah. Jadi harga rumah ini bukan sahaja dengan faktor pasaran yang ada tetapi juga

dipengaruhi oleh faktor-faktor yang diletakkan sebagai syarat oleh kerajaan negeri ataupun oleh pihak berkuasa tempatan.

Sebagai contoh, semua pihak berkuasa tempatan mengenakan caj pembangunan ataupun kita panggil *development charges* dan caj pematuhan ataupun *compliance charges*. Semua pihak berkuasa tempatan mengenakan *development charges*, *compliance charges*. Jadi faktor lain yang mempengaruhi harga rumah adalah kos yang perlu ditanggung oleh pemaju seperti kos buruh, kos bahan binaan dan kos buruh ini adalah merupakan salah satu daripada faktor yang mempengaruhi peningkatan kos rumah yang semakin tinggi sekiranya pembangunan projek tersebut menggunakan kaedah konvensional yang memerlukan kepada harga buruh dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan dengan masalah tanah, *development charges* dan *compliance charges* yang saya sebutkan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan membawa perkara-perkara ini untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang akan datang yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita selaraskan di seluruh negeri. Kita harap mudah-mudahan kerajaan negeri akan dapat memberikan sokongan dan kerjasama kerana dasar perumahan, kita ada Dasar Perumahan Negara dan kita juga ada Dasar Perumahan Negeri. Dasar Perumahan Negeri kuasa sepenuhnya kepada kerajaan negeri.

Jadi kerajaan negeri yang akan menentukan syarat-syaratnya termasuk kuota dan sebagainya. Jadi ini antara sebahagian daripada perkara-perkara yang akan kita bawa dalam mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang saya sebutkan tadi untuk kita berbincang dengan pihak kerajaan negeri untuk melihat bagaimana kerajaan negeri dapat membantu supaya kerajaan negeri sendiri dapat memainkan peranan untuk memantau, memastikan supaya harga rumah ini tidak meningkat selain daripada kos buruh dan juga kos binaan.

■1830

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya merujuk kepada perbahasan- ngam-ngam Dato' Suhami datang- daripada Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhami bin Abdullah, memang ngam-ngam ini, Dato' Suhami punya ini yang mengaitkan harga rumah yang tinggi telah pun menyebabkan banyak projek perumahan terbengkalai. Banyak projek perumahan terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang berkaitan dengan projek perumahan terbengkalai, ini saya sudah jawab dalam sesi yang lepas dan mungkin saya boleh *update* sedikit kepada Yang Berhormat Dato' Suhaimi.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato', takrifan "projek perumahan terbengkalai", mungkin ada yang tidak faham kerana projek-projek ini dia ada "projek sakit", ada "projek lewat", "projek terbengkalai". Jadi, apakah maksud "projek terbengkalai" ini? Projek terbengkalai ini Tuan Yang di-Pertua, tidak siap dalam ataupun luar dari tempoh perjanjian SMP. Kalau dalam perjanjian dia kata dalam tempoh enam bulan akan mula kerja-kerja ke atas tapak tanah yang ada, tetapi tidak ada sebarang kemajuan ke atas tapak tanah unit rumah yang kita beli walaupun dalam perjanjian telah pun tercatit dan tidak ada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama enam bulan ataupun berterusan lebih daripada enam bulan. Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, petisyen penggulungan didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 218, Akta Syarikat 1966, ataupun syarikat diletakkan di bawah pegangan penerima dan pengurus, *receiver* dan *manager* ataupun selain daripada tiga perkara ini, pemaju mengakui dia datang berjumpa dengan kementerian dengan Jabatan Perumahan Negara, dia mengakui bahawa dia tidak berdaya lagi, dia tidak berupaya secara bertulis kepada pengawal perumahan dan disahkan projek itu terbengkalai oleh Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaras dengan seksyen 11(1)(ca) Akta 118. Itu maksud "projek terbengkalai".

Kejayaan sesebuah projek perumahan ini dia bergantung sangat kepada perancangan dan komitmen pemaju perumahan itu sendiri untuk melaksanakan sebuah projek. Di antara punca yang menyebabkan kelewatan, kegagalan sehingga projek itu terbengkalai, satu pengurusan pembinaan yang tidak efektif, ketidakstabilan kewangan, masalah teknikal di tapak, strategi jualan yang kurang mendapat sambutan, kurang kesedaran tentang tanggungjawab sebagai pemaju, ataupun terdapat bantahan daripada penduduk setempat selain daripada kenaikan harga barang, pelanggaran terma dalam perjanjian, perselisihan antara pemaju dengan tuan tanah. Jadi, ini antara faktor-faktor yang boleh menyebabkan sesuatu projek itu menjadi projek terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, pihak projek perumahan terbengkalai tidak bergantung kepada kenaikan harga semata-mata. Di peringkat kementerian Yang Berhormat Dato' Suhaimi, kementerian akan bekerjasama dengan apabila ada terdapat aduan dan juga pemaju datang untuk menyatakan bahawa mereka tidak mampu lagi untuk menguruskan projek pemajuan perumahan mereka, kemudian Yang Berhormat Menteri akan

umumkan dia sebagai projek terbengkalai dan kita akan berurusan dengan pemaju-pemaju, kita panggil pemaju penyelamat ‘*white knight*’ berbincang bagaimana cara untuk pihak kementerian oleh Jabatan Perumahan Negara membantu pemaju-pemaju penyelamat ini untuk membantu menyelamatkan projek yang sudah pun terbengkalai akibat daripada faktor-faktor yang saya nyatakan yang telah pun dilakukan oleh syarikat sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perumahan Negara akan datang membawa peruntukan untuk membantu menyelamatkan mana-mana projek terbengkalai perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah sahaja. Walaupun kerajaan terlibat sama untuk membantu pemaju penyelamat untuk menyelamat sesuatu projek, tetapi peruntukan yang diberikan oleh kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Peruntukan yang disediakan yang disalurkan kepada kementerian ini untuk membantu menyelamatkan projek-projek terbengkalai, projek kos rendah dan kos sederhana rendah sahaja. Jadi lain-lain projek yang *high-end* rumah mampu milik yang mungkin berharga RM300,000 ke bawah dan sebagainya itu, pihak pemaju perlu berbincang. Walaupun dia pemaju penyelamat, dia kena datang berbincang pula dengan pembeli-pembeli sedia ada sekiranya ada berlaku perubahan-perubahan yang perlu dilakukan dalam usaha dia menyelamatkan sesuatu projek.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han, ada? Itu yang *handsome* itu. Sorry, sorry. Nampak Yang Berhormat Shukor, terlupa orang lain [*Ketawa*] Okey Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han telah pun membangkitkan tentang keperluan kementerian mewujudkan bank tanah memastikan tanah mencukupi untuk bina rumah mampu milik.

Kementerian mengucapkan terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya inilah hasrat kementerian. Kita hendak wujudkan *land bank* kita. Kita hendak dapatkan tanah dan dia bukan satu perkara mudah hendak dapatkan tanah. Kalau hendak dapatkan tanah cara mudah, beli. Hendak beli bukan satu perkara yang mudah kerana kita bukan ada peruntukan besar untuk kita beli tanah-tanah hendak dibangunkan bagi projek-projek yang dibangunkan oleh pihak kementerian. Kalau ada kerajaan negeri hendak bagi tanah lagi baik, tetapi setakat ini belum nampak lagi kecuali apabila ada permintaan untuk membina rumah PPR, kita bawa turun peruntukan dan kerajaan negeri bagi tanah dan kita bawa peruntukan dan kita bangunkan peruntukan PPR ke atas tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri. Itu berlaku.

Akan tetapi kalau kerajaan negeri hendak bagi sahajanya begitu untuk *fit in into the land bank* yang kita perlukan ini, buat setakat ini belum ada lagi. Itu satu cadangan yang amat baik dan kementerian mengharapkan mudah-mudahan kerajaan negeri baca dan dengar perbahasan Yang Berhormat dan dapat mengambil kira. Selain daripada memberikan tanah untuk *land bank*, perumahan PR1MA yang memerlukan banyak tanah untuk bina lebih banyak lagi rumah-rumah di bandar dan di pinggir bandar termasuklah juga di peringkat kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita di peringkat Kementerian KPKT ini melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia sedang menyediakan satu kajian, kajian pengenalpastian tapak perumahan awam mampu milik bagi isi rumah berpendapatan rendah di bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia. So, we are doing the kajian now. Kita sedang hendak mulakan kajian itu dan diharapkan dengan kajian yang ada ini matlamat kajian ini ialah untuk mengenal pasti tapak-tapak bagi memenuhi jurang antara keperluan rumah kos rendah dan sebagainya bagi pendapatan RM3,000 ke bawah dan juga di kawasan bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia.

Kita harap Tuan Yang di-Pertua, output daripada kajian ini *insya-Allah* dia akan menghasilkan satu inventori tapak perumahan awam mampu milik kos rendah yang boleh dibangunkan bagi membantu agensi bukan sahaja Jabatan Perumahan Negara, tetapi juga yang lain-lain untuk kita terus membangunkan rumah-rumah mampu milik bagi mereka yang berpendapatan RM3,000 atau berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Beria betul hari itu dia bahas tentang kementerian, nasib baik saya ada di dalam Dewan. Memohon sejumlah peruntukan untuk kempen kesedaran bagi kepada penghuni PPR terutama anak-anak muda, kanak-kanak supaya menjadi penghuni yang baik, berdisiplin, tidak timbulkan masalah vandalisme. Itu cadangan daripada Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, berdasarkan kepada Akta Pengurusan Strata, Akta 757 Datuk, sebarang tanggungjawab pengawal selia, penguatkuasaan terletak di bawah bidang kuasa COB ataupun Pesuruhjaya Bangunan di pihak berkuasa tempatan dan juga di pihak berkuasa negeri. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal ini satu cadangan yang baik kerana kalau kita perhatikan di perumahan PPR, perkara ini berlaku, memang benar berlaku. Di perumahan PPR, vandalisme berlaku secara terang-terang. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri saya turun melawat beberapa projek perumahan PPR yang ada di Selangor. Walaupun sudah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor, kutipan sewa dikutip dan sepatutnya dia buatlah penyelenggaraan, *maintenances*.

Contoh di Lembah Subang 1, tidak ada benda yang berlaku. Lif yang ada Tuan Yang di-Pertua, habis semua rosak. Orang yang hendak bersalin kena turun daripada tingkat atas, orang yang meninggal kena turun secara berdiri daripada tingkat atas. Berdiri, dipegang berdiri di dalam lif yang mungkin satu sahaja beroperasi, yang lain tidak beroperasi. Dengan masalah vandalisme, dengan *handrailnya*, dengan tangganya, dengan lampunya dan sebagainya berlaku. Kutipan sewa ambil, tetapi penyelenggaraan tidak dilakukan. Ini kadang-kadang sikap sesetengah kerajaan negeri. Semua hendak ambil, tetapi tanggungjawab itu tidak diberikan secara baik untuk dilakukan bagi kepentingan rakyat yang ada. Contoh di Lembah Subang 1, ada lebih kurang 3,000 unit di situ.

Jadi, Yang Berhormat Menteri saya sekarang dia turun. Turun pergi buat lawatan kepada flat-flat PPR yang kita bangunkan. Mulakan dengan projek yang kerajaan melalui kementerian bangunkan dan sambil itu turun kepada projek-projek kos rendah yang dibangunkan oleh pihak swasta.

■1840

Hendak lihat kepada situasi, keadaan hidup rakyat yang ada, yang dahulu duduk di kampung setinggan dipindahkan masuk dalam PPR. Rakyat ini mengharapkan dari kampung setinggan mereka akan dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. Rupanya apabila masuk ke rumah PPR yang ada terutama contoh di Lembah Subang 1, itu tidak seperti apa yang dimimpikan.

Jadi, oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri telah pun meletakkan KPI untuk memberikan yang terbaik dengan permohonan peruntukan yang banyak yang dipohon. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah luluskan. Contohnya RM300 juta untuk kita baik pulih kawasan-kawasan ini.

Kempen kesedaran tanggungjawab itu satu kempen yang amat penting dilakukan. Walaupun mereka duduk menyewa tetapi mereka perlu bertanggungjawab jaga rumah kediaman mereka itu dengan baik. Jadi, cadangan Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff satu cadangan yang baik dan kita akan teruskan.

Kita sudah mulakan contoh di Lembah Subang 1 kita buat kempen besar-besaran hari itu dan kita harap selepas ini ia akan dapat dikembangkan lagi. Masyarakat yang ada di situ juga akan dapat menerima untuk menjadi masyarakat yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, ...

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Yang Berhormat hendak tanya saya kah?

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Sedikit sahaja.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya, ya sila.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Sebab dia comel, tanya lebih sedikit. Ini saya cuma hendak tambah bukan sahaja bersalin hendak kena pikul sampai ke bawah, ada yang bawa naik motor sampai ke atas pun ada. Naik motor dalam lif sebab kebetulan saya pun ada dalam lif itu. Motor bawa naik atas.

Jadi sebenarnya program kesedaran ini penting. Saya menawarkan dirilah kalau pihak Yang Berhormat Menteri hendak buat program bersama di PPR satu-satu dalam dewan bandar raya kita buat sebagai *pilot project* untuk lima tahun 10 tahun supaya kita dapat lahirkan masyarakat yang dapat menjimatkan kos perbelanjaan. Itu pandangan sayalah. Itu sahaja.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Ketua Pengarah Jabatan Perumahan saya ada dekat belakang. Dato' Rahim selepas ini sudah boleh aturkan.

Tuan Yang di-Pertua, itu saya menjawab kepada program yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat pun cadangkan supaya pasukan bomba dan penyelamat Malaysia ya Yang Berhormat, ada ke? Tidak ada ke? Oh bukan Yang Berhormat. Saja hendak *test*. Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili telah pun mencadangkan supaya kita tambahkan keperluan kepada Akademi Bomba dan Penyelamat di Sarawak. Adakah Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili ada di sini?

Okey. So Yang Berhormat Senator mencadangkan supaya, Akademik Bomba dan Penyelamat di Sarawak ini. Ini dalam soalan lisan, soalan tidak naik, tidak dapat dijawab jadi dibawa dalam perbahasan. Pandai Yang Berhormat.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah pun mengambil langkah yang pro aktif untuk bina sebuah Akademi Bomba, Penyelamat Malaysia Sarawak dengan membuat perolehan tanah. Tanah sudah diperoleh seluas 10.192 hektar ataupun 25 ekar pada tahun 2008 di Kota Samarahan yang melibatkan kos sebanyak RM547,127. Kementerian memberikan perhatian yang serius Yang Berhormat dalam usaha untuk merealisasikan pembinaan akademi ini. Di mana sebanyak tiga permohonan telah pun dibuat sejak 2013 sehingga 2015 bagi pembinaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan Rancangan Malaysia Kesebelas. Pada masa ini, Akademi Bomba dan Penyelamat Wilayah Sarawak kita kongsi dengan Balai Bomba dan Penyelamat Bau di Sarawak.

Jadi untuk itu kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat akan memohon sekali lagi, memohon semula Projek Akademi Bomba dan Penyelamat Wilayah Sarawak ini pada tahun 2017, tahun depan bagi pembinaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan Ketiga* tahun 2018. Yang Berhormat, kalau tidak naik, tidak ada apa-apa jadi bawa lagi dalam Dewan Negara. Jadi saya akan jawab statusnya sudah sampai ke mana pula.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya menjawab kepada persoalan Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ada, ada. Sama color saya. Saya nampak dari jauh. Berkaitan dengan bilangan CCTV yang dipasang di seluruh negara. Bilangan CCTV yang rosak, yang tidak berfungsi- ya Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT kita bekerjasama dengan pihak PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui inisiatif NKRA.

Bagi mengurangkan jenayah di bawah Program Bandar Selamat telah pun melaksanakan Projek Pemasangan CCTV Fasa satu dan Fasa dua dengan bilangan sebanyak 992 CCTV di 45 Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia. Selain daripada pemasangan CCTV oleh pihak kementerian ini, sebanyak 3,296 CCTV telah pun dipasang oleh Pihak Berkuasa Tempatan sendiri di seluruh negara menggunakan peruntukan PBT ataupun Pihak Berkuasa Negeri sendiri. Ini bermakna kita ada 4,288 CCTV terpasang di Pihak Berkuasa Tempatan. Ini termasuk yang dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan dibuat oleh pihak kementerian.

Daripada jumlah tersebut Tuan Yang di-Pertua, 496 CCTV Fasa satu tidak beroperasi buat masa ini kerana kontrak perkhidmatan CCTV Fasa satu sudah berakhir pada 31 Mac 2016. Kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Kewangan untuk sambung balik kontrak CCTV Fasa satu tersebut. Ia dijangka akan dapat disambung semula bermula pada bulan Julai 2017- ya Yang Berhormat, okey.

Seterusnya persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, berdasarkan rekod kementerian 33 CCTV di Majlis Daerah Marang- ya Yang Berhormat. Majlis Daerah Marang dipasang sendiri dengan menggunakan peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan telah pun mengalami kerosakan kerana kebakaran di bilik kawalan. Dengan itu, kerosakan CCTV bukan sahaja di Majlis Daerah Marang termasuk di PBT-PBT yang lain. Pihak kementerian akan memohon peruntukan khas bagi penyelenggaraan membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam bajet tahun 2018 untuk menyelenggarakan CCTV yang ada.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili, jumlah CCTV, Yang Berhormat pun tanya benda yang sama yang siap dipasang oleh KPKT bagi negeri Sarawak tahun 2014 sebanyak 84 sahaja Yang Berhormat dan pemasangan melibatkan 24 CCTV Dewan Bandaraya Kuching Utara, 20 CCTV di Majlis Bandaraya Kuching Selatan, 20 CCTV di Majlis Perbandaran Sibu dan 20 CCTV di Majlis Bandaraya Miri.

Di samping itu, beberapa PBT di negeri Sarawak juga telah mengambil inisiatif untuk menggunakan peruntukan sendiri pasang lebih kurang 185 lagi CCTV baru. Secara keseluruhan CCTV yang sudah dipasang di Sarawak sebanyak 269. Pada masa ini, kita tidak ada perancangan untuk pasang lebih banyak lagi CCTV tambahan di Sarawak Yang Berhormat. Buat masa ini belum ada. Pemilihan PBT untuk pemasangan CCTV lokasi ini semua kita buat secara kerjasama. *Hotspot* semua ditentukan oleh pihak PDRM. Peruntukan untuk pemasangan kita keluarkan daripada kementerian. Jadi, buat masa ini belum lagi ada cadangan untuk kita tambahkan di Sarawak.

Bersabit kepada soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib sekali lagi berkaitan menyentuh mengenai cadangan pengeluaran lesen *homestay* oleh Pihak Berkua Tempatan untuk pastikan rumah disewa ini berada dalam keadaan bersih, selamat dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, *homestay* ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan Yang Berhormat. Nanti apabila MOTAC berbahas Yang Berhormat mungkin boleh bangkitkan persoalan berkaitan homestay ini kerana ia terletak di bawah MOTAC, pendaftaran semua tertakluk kepada urusan kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Jaspal Singh tidak ada. Itu antara beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan Kementerian KPKT. Kalau adalah yang saya tertinggal dalam pada saya menjawab, mungkin nanti Yang Berhormat Senator boleh *alert*-kan kepada saya. Saya boleh berikan jawapan bertulis. Contoh banyak fakta, banyak data yang bernombor, maklumat ini semua. Jadi kalau saya hendak baca itu satu-satu ia mengambil masa yang panjang.

Jadi kepada mana-mana yang tidak hadir Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. *Insya-Allah* segala pandangan dan sebagainya akan diberikan perhatian untuk dijadikan sebagai input, tambah baik yang berterusan, pelaksanaan dasar dan juga program di peringkat kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini saya hendak beri peringatan kepada kementerian-kementerian bahawa untuk menjimatkan masa kita memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri supaya tidak menjawab kepada Ahli Yang Berhormat yang tidak ada di dalam Dewan.

■1850

Akan tetapi saya telah memberitahu bahawa yang tidak ada dalam Dewan ini tolong beri dalam bentuk tulisan supaya mereka boleh juga dapat jawapan kepada perbahasan mereka. Hari ini dah penatlah saya, dari pagi.

Sekarang saya memanggil Kementerian Dalam Negeri. Silakan Yang Berhormat Menteri.

6.50 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada seramai sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 di Dewan yang mulia ini, di antara yang lain yang telah menyentuh portfolio Kementerian Dalam Negeri.

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, izinkan saya terlebih dahulu memanjatkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kerajaan, khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keprihatinan beliau dan Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan mengurus dan pembangunan keseluruhan sebanyak RM12.8 bilion untuk tahun 2017 bagi kementerian ini. KDN akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberi impak yang maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan dan juga kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

Saya akan menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan seperti berikut:

- (i) keselamatan dan ketenteraman awam;
- (ii) polis dan kawalan sempadan;
- (iii) pendaftaran pekerja asing dan; dan
- (iv) antidadah.

Itu lima bahagian dan seperti yang dikehendaki oleh Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab untuk mana-mana Senator yang berada di Dewan setakat ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun. Ada? Tak ada. Saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan...

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Tuan Masir Anak Kujat: Ada? Dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany.

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Tuan Masir Anak Kujat: Ada ya. Kedua-duanya telah bertanyakan mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mengetatkan kawalan sempadan di utara tanah air kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawalan sempadan merupakan elemen yang signifikan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan pembangunan negara secara berterusan. Pelbagai bentuk ancaman boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara. Aktiviti penyeludupan misalnya, berupaya memesongkan sumber kerajaan apabila dieksplotasi dan diseludup untuk mengaut keuntungan dan boleh mengancam keselamatan negara apabila barang berbahaya diseludup masuk. Dalam hal ini, kementerian telah mengadakan rondingan dan kerjasama erat daripada semasa ke semasa dengan Kerajaan Thailand bagi mengekang aktiviti penyeludupan dan jenayah rentas sempadan.

Selain itu juga, penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia atau AKSEM bagi meningkatkan kawalan secara holistik dan bersepadu menerusi gabungan agensi penguasa seperti polis, Kastam, Imigresen, AADK dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara sebagai satu pasukan petugas mampu memperketatkan lagi kawalan di sempadan agar insiden-insiden yang tidak dingini berlaku dapat diatasi.

Kerajaan juga telah meneliti dan sedang mempertimbangkan cadangan untuk menaiktarafkan pagar keselamatan sedia ada dan pembinaan pagar keselamatan baru di sempadan negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim, ada kah tak ada? Ada ya? Yang Berhormat bertanyakan mengenai kesahihan dakwaan bahawa *Malaysiakini* atau *Sarawak Report* dan juga *National Endowment Open Society Association* ditaja oleh pihak luar negara seperti George Soros dan tindakan-tindakan yang akan diambil bagi memastikan keamanan negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PDRM telah menerima laporan polis mengenai dakwaan bahawa beberapa buah organisasi badan bukan kerajaan atau NGO dan juga portal berita memperoleh sumber dana asing dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh memudaratkan sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia. Siasatan sedang dijalankan untuk memastikan kesahihan laporan mengenai penglibatan organisasi-organisasi, NGOs dan portal berita mengenai perkara ini. Kementerian tidak berhasrat untuk memperincikan kerana ia masih dalam siasatan polis dan dikhuatiri boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail? Tak ada, saya akan jawab bertulis.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany?

Tuan Yang di-Pertua: Ada dia.

Tuan Masir Anak Kujat: Ada ya? Untuk menjimatkan masa.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany bertanyakan mengenai jumlah terkini kompaun trafik terkumpul, termasuk warga asing Singapura dan Thailand dan usaha-usaha kerajaan untuk memastikan saman trafik yang tertunggak dapat dijelaskan. Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan kes saman trafik tertunggak seperti berikut:

- (i) meningkatkan operasi saman tertunggak terhadap warga asing dan warga tempatan melalui Ops Warta yang dijalankan setiap hari di peringkat kontinjen dan daerah;
- (ii) semakan waran tangkap dan saman tertunggak turut dibuat melalui sekatan jalan raya, manakala penyempurnaan waran tangkap terhadap orang kena saman atau OKS dilakukan di pejabat;
- (iii) selain itu, PDRM akan mempertimbangkan penyempurnaan waran tangkap ke rumah OKS pada masa hadapan;
- (iv) membuka kaunter semakan dan bayaran saman semasa pameran, karnival atau hari terbuka kementerian dan juga PDRM di seluruh negara sama ada oleh agensi kerajaan atau pihak swasta;
- (v) PDRM dalam operasi penguatkuasaan turut membuka kaunter bayaran bagi membolehkan OKS menjelaskan kompaun sebaik sahaja di saman di tempat operasi;
- (vi) menukar status notis saman Polis 170A kepada Polis 257 bagi notis saman individu dan syarikat agar OKS yang tidak hadir di mahkamah bagi menjawab pertuduhan dan gagal melunaskan bayaran kompaun dalam tempoh yang ditetapkan dikeluarkan waran tangkap dan disenaraihitamkan dan;
- (vii) selain kios Maybank, Pejabat Pos Malaysia Berhad, bayaran secara *online* dan e-services, alternatif lain adalah memperbanyakkan platform *e-banking* seperti Maybank2u.com.my dan Cimbclicks.com.my;
- (viii) mencadangkan *outsourcing* kutipan saman dengan melantik Koperasi Polis Malaysia Berhad atau KOOP Mantap Sdn. Bhd sebagai pengendali kutipan saman;
- (ix) pelaksanaan *road charges* ataupun *vehicle entry permit* oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dijangka meningkatkan kutipan bayaran saman

- warga asing. Saringan dilakukan bagi menyekat keluar kenderaan warga asing dari Malaysia sehingga saman tertunggak diselesaikan dan;
- (x) menghantar notis peringatan saman kepada OKS antaranya melalui surat, SMS dan juga *WhatsApp*; dan
 - (xi) memberi peringatan tentang bayaran saman melalui media massa.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, ada di sini? Ada ya. Yang ini mengenai pendaftaran. Yang Berhormat Senator bertanyakan tindakan ROS dalam mencegah sepenuhnya trend persatuan atau kelab kebajikan dan sukan sesuatu kementerian yang memohon sumbangan bagi menganjurkan aktiviti atau seminar kerajaan dan seterusnya memasukkan yuran pendaftaran bagi sesuatu seminar ke dalam akaun kelab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, persatuan atau kelab kebajikan atau sukan kementerian yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 boleh menggunakan wang sumbangan bagi menganjurkan aktiviti atau seminar kerajaan. Hal ini adalah tertakluk selagi mana persatuan atas kelab tidak melanggar perlembagaan persatuan atau perlembagaan persatuan kelab dengan jelas telah menyatakan bahawa apa-apa aktiviti yang dijalankan adalah berdasarkan atau bersandarkan daripada hasil sumbangan.

Seterusnya, ingin dimaklumkan bahawa yuran pendaftaran bagi sesuatu aktiviti atau seminar yang dianjurkan dengan menggunakan peruntukan persatuan atau kelab, ia boleh dimasukkan dalam akaun persatuan atau kelab tersebut. Sekiranya program dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan kerajaan, maka hasil seperti yuran pendaftaran hendaklah dikategorikan sebagai hasil kerajaan tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader? Tak ada. Ini mengenai pekerja asing. Tak apa.

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff- tak ada, atau ada?

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Tuan Masir Anak Kujat: Yang Berhormat Senator bertanyakan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh JIM atau Jabatan Imigresen untuk mencapai sasaran negara bebas pendatang tanpa izin atau PATI pada tahun 2020, mengambil kira kebanjiran PATI yang semakin serius pada masa kini.

■1900

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, panjang lagikah?

Tuan Masir Anak Kujat: Saya ada lebih kurang lima muka surat lagi. Kalau tidak, saya boleh sambung esok ataupun saya akan jawab yang lain secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung, sambung. Sila sambung.

Tuan Masir Anak Kujat: Boleh sambung esok?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Sila sambung sekarang.

Tuan Masir Anak Kujat: Sambung sekarang, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tengok *you* punya jabatan ini tidak boleh tunggu-tunggu hendak balik.

Tuan Masir Anak Kujat: Tidak boleh tunggu-tunggu ya. KDN melalui JIM telah mengambil langkah-langkah serius bagi memastikan tiada lagi orang asing masuk ke negara kita tanpa dokumen perjalanan yang sah seperti berikut.

Pertama, proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan, Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada butiran warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak atau *suspected list* jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing berkenaan tidak akan diberi visa untuk datang ke Malaysia.

Kedua, kawalan dan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara dan penyemakan identiti dengan pangkalan data syak ataupun *list* Jabatan JIM.

Ketiga, penggunaan *auto gate* bagi kemasukan warganegara Malaysia bagi menjamin keselamatan dokumen di samping memelihara identiti warganegara melalui pengecaman cap jari biometrik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Masir Anak Kujat: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya lanjutkan tempoh selama 15 minit lagi. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Masir Anak Kujat: Okey, 15 minit dapat habis ya. Penggunaan *auto gate* bagi kemasukan warganegara Malaysia bagi menjamin keselamatan dokumen di samping memelihara identiti warganegara melalui pengecaman cap jari biometrik. Ia seterusnya dapat membantu dan memberi peluang kepada Pegawai Imigresen untuk memberikan lebih perhatian kepada pemeriksaan pelawat asing yang berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara dan perkongsian data-data bersama pihak PDRM bagi warganegara asing yang berisiko dalam sistem syak *list*.

Sebagai tambahan, JIM menyemak data warga asing yang berisiko di pintu masuk negara dengan menggunakan sistem penguatkuasaan dan pendaftaran warga asing melalui

proses pengecaman data biometrik pesalah imigresen yang telah direkodkan dalam senarai syak jabatan. NERS yang juga dapat mengenal pasti ketulenan identiti individu bersama dokumen yang digunakan berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik dengan pangkalan data NERS. Pelaksanaan prosedur ini dapat meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan masuk warga asing.

Selain itu, kerajaan pada ketika ini mengguna pakai pendekatan operasi bersepada dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan yang turut telah diperkasakan dengan pelaksanaan Pelan Pengurusan PATI Secara Holistik yang bertujuan mewujudkan satu ekosistem tidak selesa kepada PATI untuk meneruskan kehidupan sehari-hari mereka. Antara kekuatan pelan ini adalah untuk mengoptimumkan sumber sedia ada melalui prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di peringkat persekutuan, negeri dan seterusnya pihak berkuasa tempatan. Pelan ini juga turut menekankan kesedaran masyarakat setempat berhubung kesalahan dan hukuman terhadap majikan yang juga menggaji PATI.

Selain langkah berkenaan, penguatkuasaan juga telah dimaklumkan bahawa kerajaan telah melaksanakan Program Pendatang Asing Tanpa Izin Serah Diri Secara Sukarela Untuk Kembali Ke Negara Asal bermula daripada 20 Julai 2014 hingga 8 Disember 2016. Seramai 477,000 orang PATI telah menyerah diri untuk balik ke negara asal dan PATI yang menyerah diri melalui program ini akan disenaraihitamkan sebelum dihantar pulang ke negara asal.

Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI ataupun program *rehiring* juga dilaksanakan untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Malaysia diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan. Sehingga 7 Disember 2016, seramai 227,000 orang PATI telah mendaftar di bawah program tersebut. Program ini bermula dari 15 Februari hingga 31 Disember 2016 secara atas talian atau *online* yang melibatkan 15 buah negara sumber untuk memenuhi permintaan majikan bagi mengisi keperluan pekerja di sektor yang dibenarkan sahaja serta membolehkan kerajaan mengetahui jumlah dan memantau PATI dalam negara.

Sehingga 1 Januari hingga 8 Disember 2016 ini, sebanyak 10,242 operasi telah dijalankan secara berterusan di mana seramai 162,000 orang warga asing telah diperiksa dan seramai 48,000 orang PATI berjaya ditangkap kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1999/63. Selain itu, aktiviti naziran oleh Jabatan Imigresen Malaysia ke atas premis yang menggaji pekerja asing turut dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengesan warga asing serta majikan yang melakukan kesalahan imigresen.

Tajuk yang terakhir, antidadah. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah- ada dalam? Ada ya. Ini bekas Pengurus PEMADAM. Yang Berhormat bertanyakan jumlah peruntukan kepada AADK dan NGO dalam Bajet 2017 bagi menangani isu penyalahgunaan dadah serta membangkitkan isu pengedaran dadah ke negara jiran terutamanya Indonesia yang semakin berleluasa dan keberkesanan tahap penguatkuasaan kawalan sempadan negara.

Peruntukan yang diberi kepada AADK pada tahun 2017 adalah sebanyak RM342 juta iaitu RM308 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM33 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Peruntukan mengurus merangkumi bayaran emolumen, bekalan dan perkhidmatan kontrak, utiliti, bangunan termasuk untuk melaksanakan program Perangi Dadah Habis-habisan melalui enam subprogram iaitu *omnipresent*, pengesanan dan penahanan dadah, operasi bersepadu, penggunaan media baru luar dan konvensional, ikon antidadah dan memperdaya-upayakan komuniti.

Manakala peruntukan di bawah *development expenditure* adalah untuk melaksanakan enam projek pembinaan baru dan menaik taraf seperti berikut:

Bil.	Projek	Peruntukan (RM juta)
1.	KLNK Seri Iskandar	2
2.	C&C 1Malaysia Kuching	8
3.	<i>Cure & Cure Rehabilitation Centre</i> Bukit Cabang, Perlis	8
4.	C&C 1Malaysia Kota Bharu	6
5.	Kuarters Ketengahan C&C Dengkil	7
6.	Kuarters AADK Kota Tinggi, Johor	2.5

Bagi tahun 2017, tiada peruntukan khusus diberikan kepada NGO. Namun, pada tahun 2016, kerajaan telah kerajaan menyediakan geran sebanyak RM2 juta bagi membantu 60 NGO dan pusat pemulihan persendirian yang menjalankan *community therapeutic program* seperti kumpulan sokongan bantu rakan sebaya, terapi kerja, terapi pengurangan kemudarat dan terapi kerohanian.

Walau bagaimanapun, kementerian memandang serius isu pengedaran dadah di negara jiran mahupun negara jiran ke Malaysia. Beberapa strategi telah dilaksanakan untuk menangani masalah ini seperti berikut:

- (i) memperluaskan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dengan berkongsi maklumat risikan sempadan melalui Unit Risikan Sempadan;

- (ii) menempatkan Unit Narkotik di semua lapangan terbang termasuk antarabangsa untuk menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap sindiket pengedaran dadah; dan
- (iii) menempatkan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan di Kedah dan juga di Bukit Aman.

Tuan Yang di-Pertua, setiap negara berdaulat mempunyai undang-undang untuk mengawal dan memelihara ketenteraman rakyat dan kemakmuran negara. Prinsip keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara menetapkan setiap rakyat adalah sama di sisi undang-undang tanpa sebarang diskriminasi terhadap bangsa, agama, jantina mahupun kedudukan. Ini dapat menjamin hak asasi dan kebebasan setiap individu.

Namun, ia tidak bermakna kita bebas melakukan apa sahaja sehingga melanggar Perlembagaan Negara dan undang-undang. Setiap kebebasan itu harus ada hadnya supaya hak seseorang individu itu tidak mengetepikan hak individu yang lain. KDN akan terus komited dan beriltizam untuk memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

Setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan KDN. KDN akan mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab pada kali ini, saya akan catat untuk tindakan susulan. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ada lebih kurang 6 minit.

7.09 mlm.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Datuk Seri Ong Ka Chuan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk hari inilah.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dari 5 hingga 8 Disember ini.

■1910

Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah ingin tahu kedudukan rundingan RCEP setakat pada hari ini dan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh RCEP dan ASEAN sekiranya TPP tidak dilaksanakan.

Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau, *Regional Comprehensive Economic Partnership* atau RCEP, dengan izin, merupakan sebuah perjanjian perdagangan bebas FTA yang kini sedang dirunding antara sepuluh buah negara ASEAN serta enam rakan FTA ASEAN iaitu China, Korea, Jepun, India, Australia dan New Zealand. Rundingan ini telah dilancarkan sejak tahun 2013 dan kini disasarkan untuk dimuktamadkan pada penghujung tahun 2017.

Sehingga Disember 2016 ini sebanyak enam kali pusingan rundingan RCEP telah dijalankan. Dengan adanya RCEP sebagai satu perjanjian tunggal, kesemua FTA-FTA ASEAN sedia ada akan diselaraskan dan diseragamkan daripada segi peraturan-peraturan perdagangan dan pelaburan. Perjanjian ini juga akan dapat menambah baik akses pasaran Malaysia ke negara-negara RCEP serta mempermudah dan mengurangkan kos perniagaan seterusnya memastikan ekonomi Malaysia kekal kompetitif di peringkat global. Manakala Komuniti Ekonomi ASEAN, *ASEAN Economic Community (AEC)* merupakan inisiatif bagi mengintegrasikan ekonomi negara-negara ASEAN dan seterusnya mewujudkan sebuah rantau yang mempunyai persekitaran perdagangan dan pelaburan yang kompetitif.

Baru-baru ini bakal Presiden Amerika, Donald Trump telah membuat pengumuman untuk menarik keluar Amerika Syarikat daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik sebaik sahaja beliau mengambil alih jawatan Presiden negara tersebut pada 20 hari bulan 2017. Sehubungan itu adalah penting bagi Malaysia untuk terus terlibat dalam usaha-usaha liberalisasi ekonomi serantau dan global seperti AEC dan RCEP. Malah adalah amat wajar supaya rundingan RCEP dimuktamadkan secepat mungkin tanpa mengira sama ada TPPA akan dilaksanakan atau tidak. AEC pula merupakan langkah integrasi ekonomi ASEAN yang tersendiri dan berterusan serta tidak dipengaruhi secara langsung oleh perkembangan pelaksanaan TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Amerika Syarikat membuat keputusan rasmi untuk menarik daripada TPPA, negara-negara anggota TPP yang lain seperti Malaysia perlu berunding untuk menetapkan hala tuju baru Perjanjian Perdagangan Bebas tersebut termasuk kemungkinan meneruskan tanpa Amerika Syarikat. Sewaktu pertemuan singkat di antara pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri TPP bersempena dengan Sidang Kemuncak APEC di Lima, Peru 19 November 2016, semua pemimpin negara TPP masih harap untuk melihat

perjanjian ini dilaksanakan. Sehubungan itu Malaysia akan meneruskan cadangan pindaan ke atas 18 undang-undang dan peraturan yang sewajarnya. Pindaan tersebut dilakukan bukanlah semata-mata untuk memenuhi komitmen TPPA sebaliknya merupakan satu langkah holistik kerajaan bagi memastikan undang-undang negara ini ditambah baik dari semasa ke semasa bertepatan dengan hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga Ogos 2016, ini berkenaan dengan pelaburan daripada negara China dan Jepun. Negara China dan Jepun merupakan antara lima buah negara pelabur asing tertinggi di Malaysia. Negara China telah menyumbang pelaburan sebanyak RM2.4 bilion iaitu 13.4 peratus daripada keseluruhan pelaburan asing dalam sektor perkilangan. Bagi tempoh tersebut pelaburan ini akan menjana sejumlah 5,894 peluang pekerjaan menerusi 20 buah projek yang diluluskan yang merangkumi 11 buah projek baru dan sembilan buah projek pembesaran.

Pelaburan dari negara China tertumpu kepada industri *electrical* dan elektronik dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.7 bilion diikuti oleh produk mineral bukan logam dengan RM640 juta serta produk kertas percetakan dan penerbitan dengan pelaburan sebanyak RM24.2 juta. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak ada kuasa lagilah untuk lanjutkan Dewan pada hari ini.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: *[Ketawa]* Sebab saya minta kalau boleh saya habiskan sebab esok Kabinet...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh sebab Peraturan Mesyuarat 15 minit.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: So, saya tidak ada kuasa, sila duduk Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tidak apalah kita akan teruskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu sahajalah, kita akan sambung hari esok.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Rabu 14 Disember 2016.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.15 malam]